Tun Razak

Putera Titiwangsa

Shariff Ahmad

Tun Razak
Putera Titiwangsa

Shariff Ahmad

KETUA PENGARAH ARKIB NEGARA
MALAYSIA

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.
TEL: 26937740
FAKS: 26937335

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9856577
Fax: 03-9846554/9875763

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 1999
Ulang Cetak 2000

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan- dalam- Penerbitan

Shariff Ahmad, Tan Sri

Tun Razak: Putera Titiwangsa / Shariff Ahmad.

ISBN 967-61-0978-9

1. Abdul Razak bin Dato' Hussein, Tun Haji, 1922-1976.
2. Prime minister–Malaysia–Biography. I. Judul.

923.2395

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK
(ARKIB NEGARA MALAYSIA)
JALAN PERDANA
50480 KUALA LUMPUR.
TEL: 26937740
FAKS: 26937735

Dicetak oleh
PERCETAKAN CERGAS (M) SDN. BHD.
No. 29, Jalan 2/148A,
Tmn. Sg. Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.

Penerbitan TUN RAZAK PUTERA TITIWANGSA ditujukan kepada sumbangan dan perkhidmatan mereka yang disalurkan kepada keutuhan pimpinan Tun Abdul Razak Hussein sebagai Ketua Parti UMNO dan Kerajaan termasuklah ahli-ahli politik, pegawai-pegawai Kerajaan, Pasukan Keselamatan Polis dan Tentera serta rakyat jelata yang bersama-sama dengan Tun Razak memupuk perpaduan rakyat yang berbilang bangsa, keturunan dan agama serta berganding bahu untuk memaju dan mendorongkan seluruh tenaga manusia bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang maju, makmur dan sesuai dengan keindahan dan keteguhan pimpinan Tun Razak dalam zaman hayatnya.

Saya juga merakamkan penghargaan kepada syarikat ***Innovest Berhad*** *atas pertolongannya memberikan sumbangan bagi menerbitkan TUN RAZAK PUTERA TITIWANGSA untuk membolehkan rakyat jelata khususnya generasi muda mengenal sumbangan dan khidmat Tun Razak kepada Malaysia.*

SHARIFF AHMAD

Kata Pengantar

KAMI memang terlalu jarang berjumpa. Ada ketikanya lima enam tahun kami terserempak ketika di jalanan ataupun dalam majlis-majlis tertentu. Tetapi, kehangatan persahabatan itu terasa tidak pernah sejuk. Kami boleh berhujah tanpa berselindung, berjenaka dan berseloroh tanpa segan, malah tidak kurang juga ada ketikanya kami tidak kekok untuk bertukar cerita tentang sesuatu yang remaja.

Masih begitulah yang saya rasakan apabila suatu hari secara tidak disangka saya dihubungi. Suaranya masih tetap sama, begitu juga kelucuannya. Saya cepat mengesan bahawa pasti ada buku baru daripadanya. Memang sudah sekali dua dia akan menghulurkan manuskrip dan mengharapkan saya mempercantiknya. Dia tidak segan mengatakan bahawa bahasanya kurang sempurna, walaupun dirinya adalah bekas wartawan dalam beberapa buah harian bahasa Inggeris (sebelum menjadi menteri) yang serba boleh.

Saya menyangka bahawa dia telah menulis sebuah karya menceritakan pengalamannya sebagai ahli politik yang sempat bersama Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Rupa-rupanya dia masih belum bersedia untuk menceritakan tentang pengalaman sendiri, baik sebagai wartawan mahupun sebagai ahli politik. Sebaliknya, dia tergalak untuk menceritakan orang yang dikaguminya – Tun Abdul Razak.

Memang itulah yang diceritakan dalam bukunya. Tanpa banyak bunga, Tan Sri Shariff Ahmad terus sahaja menceritakan

tentang beberapa sudut kehidupan Tun Abdul Razak yang dikenalnya, sambil menceritakan sekali era gelora yang pernah sempat dilaluinya bersama.

Tulisannya tidak berupa pendewaan – ia lebih kekaguman. Dan di antara kekaguman itu, saya dapati, dia sebenarnya ingin menceritakan tentang ciri-ciri peribadi penting seorang tokoh yang tidak mudah dibandingkan. Bagi Tan Sri Shariff Ahmad, Tun Abdul Razak bukan sekadar teman yang setia bagi Tunku Abdul Rahman, malah dia juga adalah telaga pemikir bagi Tunku.

Tan Sri Shariff Ahmad mengesani jalan awal seorang pemimpin, bermula dari masa kecilnya sebagai anak bangsawan, berkembang sebagai pelajar yang pendiam tetapi dinamik, dewasa sebagai pemimpin politik di sisi Tunku Abdul Rahman dan berakhir dengan kerelaan memberikan sepenuh hidupnya untuk pembangunan negara dan kebahagiaan bangsa. Dan segala ini disampaikan oleh Tan Sri Shariff Ahmad dengan kelangsungan yang amat sederhana. Memang terbayang bahawa dia ingin kata-katanya sampai tanpa kesulitan kerana yang penting ialah wajah sebenar seorang pemimpin yang perlu dihazami untuk memahami semua kerenah kehidupan dalam masa bangsa bersedia untuk kemerdekaan, dan kemudian, mengisi kemerdekaan itu.

Mengenal Tan Sri Shariff Ahmad lebih empat dekad ini, saya kira, buku ini tidak ditulis sekadar merakam hal-hal yang biasa. Dari seorang wartawan berpindah kepada dunia politik yang disertainya secara tidak sengaja, dia menyaksikan beberapa keganjilan dalam kerenah hidup. Dan semakin sehari, dia merasakan bahawa langgam dan semangat lama yang amat dihargai dan disayanginya itu semakin dilupai orang.

Menurut kata-katanya sendiri : 'Sudah tidak dapat dijumpai lagi orang yang berjuang tanpa mengharapkan apa-apa. Dekad lalu masih menyediakan pemimpin yang sedia berkorban tanpa mengharapkan sebarang balasan. Dekad ini, keistimewaan seperti itu sudah menjadi khayalan.'

Tan Sri Shariff Ahmad mengharapkan bahawa apa yang dipaparkannya akan dapat bercerita tentang apa erti per-

juangan, kesetiaan, pengorbanan, cita-cita, setia kawan, tanggungjawab dan kecintaan terhadap bangsa dan negara. Segala ini secara bersahaja – dan terkadang berulang – dikisahkannya sekadar termampu. Muncullah di hadapan kita imbas dekad lalu yang penuh mencabar. Terbayanglah di hadapan kita bagaimana teman-teman politik berjuang. Terhurailah di hadapan kita fikiran dan hati nurani manusia – barisan pemimpin pertama menjelang kemerdekaan.

Tidak diberitahu secara langsung, tetapi, dalam peristiwa yang sekali-sekala dan di sana sini berkias, Tan Sri Shariff Ahmad ingin mengatakan bahawa janganlah kita kehilangan semangat pengorbanan lama itu. Di hadapannya sendiri Tun Abdul Razak adalah satu lambang perjuangan bangsa Melayu yang barangkali terlalu sukar diganti. Dengan segala kesederhanaan – dan terkadang berulang – Tan Sri Shariff Ahmad cuba berkata-kata tentang dekad ini melalui dekad lalu.

Di samping mendekati Tun Abdul Razak dan era lalunya, barangkali kita tidak akan kecewa untuk menemui semangat yang terpancar daripada tokoh yang diceritakan ini. Segala pergulatan dan kebimbangan era lalu dapat memperjelaskan pergulatan dan kebimbangan era kini. Barangkali.

A. Samad Said

Isi

Kata Pengantar		*v*
Bab 1	Malaya Selepas Perang Dunia Kedua	1
Bab 2	Biodata Tun Abdul Razak	22
Bab 3	Razak – Bapa Penyayang	29
Bab 4	Razak – Timbalan yang Taat Setia	41
Bab 5	Pendidikan Dahulu dan Sekarang	60
Bab 6	Tun Razak – Menteri Pelajaran Pertama	67
Bab 7	Agihan Kekayaan Negara	80
Bab 8	Parlimen Digantung	99
Bab 9	Majlis Gerakan Negara Ditubuhkan	113
Bab 10	Tun Razak Perdana Menteri	123
Bab 11	Budaya Hidup	130
Bab 12	Jiran Tetangga dan Sahabat	139
Bab 13	Kemenangan Diplomatik	151
Bab 14	Parlimen Hidup Semula	165
Bab 15	Liku-liku Perjalanan Tun Razak	192
Biodata		205

Bab 1

Malaya Selepas Perang Dunia Kedua

PERANG DUNIA KEDUA tamat pada 1945. Beberapa negara yang 'lebur' akibat bom atom seperti Jepun dan Jerman yang kalah perang mula mengatur langkah untuk membangunkan semula negara masing-masing. Kedua-dua negara menumpukan sepenuh minat dan tenaga kepada pembangunan perindustrian dan mengetepikan soal pertahanan. Seluruh tenaga dan perbelanjaannya ditumpukan kepada pembangunan ekonomi dan masyarakat.

Agak aneh, apabila dunia menuju ke arus abad ke-21, kedua-dua negara yang 'lebur' dalam Perang Dunia Kedua ini menjadi 'gergasi' ekonomi dunia. Jerman memupuk sumber-sumber negaranya untuk dijadikan kunci perkembangan ekonomi. Malah Jerman juga memupuk fikiran rakyat ke arah penyatuan ideologi demokrasi dan ideologi komunis. (Perang Dunia Kedua telah membahagikan Negara Jerman kepada dua blok – Jerman Barat yang bercorak demokrasi dan Jerman Timur yang berpegang kepada ideologi komunisme). Apabila dunia komunis runtuh dan ideologi komunisme reput pada tahun 1990, Jerman Barat dan Jerman Timur bersatu semula, menjadi sebuah negara gergasi yang kuat di Eropah.

Penyatuan Jerman Barat dan Jerman Timur yang bercorak demokrasi ini adalah satu peristiwa yang tidak dapat difikirkan

semasa dua Jerman itu wujud selepas Perang Dunia Kedua. Perkara yang mustahil ini hanya dapat dimungkinkan selepas 45 tahun kuasa Hitler reput. Penyatuan kedua-dua blok Jerman itu adalah hasil pemikiran yang jauh dan usaha pemimpin-pemimpin zaman moden.

Bagi negara-negara di sebelah Asia dan Timur Jauh, Perang Dunia Kedua merupakan tapak semaian semangat kebangsaan. Ada di antaranya yang membuat perjanjian dengan para pen-ceroboh atau penjajah supaya memerdekakan mereka. Boleh dikatakan semua negara di sebelah Asia adalah di bawah pemerintahan kolonialis.

Pada tahun 1946, kerajaan Jepun mengisytiharkan Filipina sebagai sebuah Republik di bawah Presiden Jose Laurel. Pilihan raya yang diadakan tahun itu menyaksikan beberapa parti politik bertanding dan parti liberal telah memenangi pilihan raya dengan Manual Roxas menjadi Presiden. Pada tahun 1948, beliau meninggal dunia dan timbalannya, Elpidio Quirino pula menjadi Presiden.

Kemiskinan memercupkan korupsi. Kerenah birokrasi dan amalan korupsi kemudiannya membawa negara itu kepada satu pemberontakan. Magsasay, yang berpecah dengan Quirino, ber-jaya mematahkan pemberontakan tersebut.

Ramon Magsasay menjadi Presiden Filipina selepas menang besar dalam pilihan raya tahun 1953. Beliau berjaya mengada-kan rancangan luar bandar dan pembangunan sosial. Apabila Presiden Magsasay meninggal dunia pada tahun 1957, Carlos Garcia menggantikannya. Sungguhpun beliau berusaha, tetapi korupsi tetap semakin meluas. Dalam pilihan raya tahun 1961, Diosdado Macapagal terpilih sebagai Presiden.

Di India, penjajah British kembali berkuasa selepas Perang Dunia Kedua. Betapa pun, semangat kemerdekaan mula ber-kembang di merata tempat. Mahatma Gandhi sempat mem-bakar semangat warga India, baik yang beragama Hindu ataupun beragama Islam. Pemimpin India itu keluar masuk penjara. Akhirnya pihak British terpaksa mengisytiharkan kemerdekaan India pada tahun 1947. Kemerdekaan telah mem-belah Benua India menjadi dua iaitu India dan Pakistan.

Indonesia turut mencapai kemerdekaannya daripada Belanda. Pemimpin-pemimpinnya juga terpaksa keluar masuk penjara sepanjang pemberontakan. Darah banyak mengalir di bumi Indonesia kerana Belanda tetap cekal ingin menghancurkan patriot-patriot Indonesia. Akhirnya 'tombak dan pedang' berjaya membawa Indonesia ke ambang kemerdekaan tidak lama selepas tamat Perang Dunia Kedua.

Tanah Melayu pula agak berlainan. Pelbagai corak *isme* lahir dalam zaman pemerintahan Jepun. Ada golongan yang menubuhkan parti politik yang bercorak komunisme; ada pula yang menubuhkan benteng Wataniah untuk mempertahankan orang Melayu dan kedaulatan Raja-raja Melayu. Ada yang menubuhkan parti politik yang ingin menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia. Tidak kurang juga ada yang menubuhkan pasukan pro-British di bawah nama Force 136. Ada yang masih menyebelahi Jepun.

Ketika kedudukan British semakin teguh di Tanah Melayu selepas perang, parti-parti politik yang berhaluan ke tanah besar China berusaha menubuhkan Communist Party of Malaya (CPM) dan masuk ke hutan. CPM melancarkan perang gerila. Sementara itu, golongan yang pro-British, khasnya yang pro-Raja-raja Melayu menguatkan kedudukan pemerintahan British. Mereka yang pro-Jepun menghilangkan diri – ada yang masuk hutan dan ada yang hidup sebagai rakyat biasa. Di kalangan orang Melayu, timbul usaha untuk mengadakan satu kongres bagi menubuhkan sebuah parti politik yang dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar. Partinya ialah UMNO (United Malays National Organization).

Golongan CPM masuk ke hutan berjuang dengan senjata. Ramai orang keturunan Cina terpengaruh dengan revolusi dan komunisme. Republik Rakyat China menjunjung ideologi komunisme dan CPM menonjolkan perjuangan Mao Tse-tung di negara China. CPM bertambah kuat, sementara pemerintahan British semakin kukuh di Tanah Melayu.

Tetapi ideologi perjuangan CPM amat bertentangan dengan corak hidup dan adat resam orang Melayu dan Islam. Tanah Melayu mengisytiharkan 'Perang dengan CPM'. Pihak British

sendiri yakin CPM ingin menakluk Tanah Melayu. Jika ini berlaku, kerajaan British akan kehilangan Tanah Melayu. Di samping itu, pihak British juga terpaksa patuh kepada perjanjian kerajaan British dengan Raja-raja Melayu. Dengan pelbagai perhitungan dan pemikiran, maka darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada Februari 1948.

Pengisytiharan darurat itu merupakan pengisytiharan perang saudara di negara ini. Di samping pembangunan semula selepas perang, kerajaan Tanah Melayu membelanjakan lebih kurang $1 juta sehari untuk membendung serangan dan pengaruh CPM. Anggota CPM membakar kebun getah dan bas. Rakyat tidak berdosa dibunuh. Sementara perang dengan CPM berjalan rakyat negeri ini juga dipupuk dengan semangat nasionalisme Melayu. Sungguhpun perang berjalan tetapi pentadbiran kerajaan ala politik turut diperkenalkan kepada rakyat. Majlis Kerajaan Tempatan (Local Councils) ditubuhkan, diikuti oleh pembentukan kerajaan negeri di bawah State Legislative Council dan Pusat di bawah Federal Legislative Council.

Pada 27 Julai 1955, diadakan satu pilihan raya umum. Sebanyak 52 kerusi Federal Legislative Council dipertandingkan. Daripada jumlah itu, Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, iaitu UMNO-MCA-MIC, telah menang sebanyak 51 kerusi. Tunku mengambil alih UMNO selepas Datuk Onn mengundur diri pada tahun 1952.

Polarisasi pada waktu itu sangat tebal. Orang Melayu dengan semangat ketuanan Melayunya, orang Cina dengan semangat Mao Tse-tung – Pengerusi Parti Komunis China. CPM mendakwa Mao dan Chou En-lai, Perdana Menteri Republik Rakyat China, dapat menyelamatkan orang-orang Cina di seluruh dunia. CPM dapat meyakinkan orang Cina di Tanah Melayu tentang kekuatan Mao dan Chou menjatuhkan kerajaan Nasionalis pimpinan Chiang Kai-shek yang memerintah China semenjak 1927.

Mulai tarikh Tanah Melayu mempunyai pemerintahan sendiri selepas pilihan raya 1955, tanggungjawab menentang CPM dipikul oleh kerajaan Perikatan pimpinan Tunku Abdul

Rahman. Beliau sendiri menjadi Menteri Pertahanan. Selepas itu, jawatan tersebut disandang oleh Tun Abdul Razak Hussein.

Tun Razak adalah seorang Pegawai Tadbir Kanan, ahli politik dan *strategist* yang pintar dalam kerajaan Tunku Abdul Rahman. Sebagai Menteri Pelajaran sebelum itu, Tun Razak telah menggubal satu Dasar Pelajaran Kebangsaan yang lebih terkenal dengan nama Dasar Pelajaran Razak. Hasil dan kesan pelaksanaan Dasar Pelajaran Razak itu dapat dilihat dalam zaman Malaysia moden. Sebahagian besar rakyat dapat menguasai Bahasa Malaysia dan anak-anak Melayu mencurah-curah keluar dengan ijazah.

Tun Razak memang arif dengan perang gerila. Beliau adalah salah seorang pemimpin tertinggi dalam pasukan askar Wataniah dan Force 136. Beliau mengatur strategi bagi mengasingkan orang Malaysia yang taat kepada raja dan negara.

Tun Razak mengatur strategi untuk menawan hati dan minda rakyat melalui Perang Saraf. Beliau mengatur Dasar Luar Bandar. Tujuannya adalah untuk menghapus kemiskinan di kalangan rakyat jelata. Jalan-jalan raya dibina di merata-rata tempat. Sekolah dibina hingga ke Gunung Tahan (gunung tertinggi di Malaysia). Paip air menggantikan perigi dan elektrik menggantikan lampu minyak atau gas. Hutan belantara dijadikan ladang getah atau ladang kelapa sawit. Rakyat diasuh dengan dua mata pencarian untuk menambah pendapatan keluarga mereka.

Dalam masa darurat selama 12 tahun (1948-1962), kerajaan mengatur 'Strategi yang Membawa Rakyat dengan Kerajaan dan Menawan Hati Rakyat' dalam gerakan Perang Saraf (*Psychological Warfare*). Di bawah program menawan hati rakyat, pelbagai langkah telah diambil. Di kawasan-kawasan tertentu telah diadakan kawasan berkurung dalam Kampung Baru *(New Village)*. Penduduk keluar bekerja dengan membawa makanan secukup untuk hari itu sahaja. Mereka ke tempat kerja pada pukul 6 pagi dan balik pukul 6 petang. Mereka diperiksa rapi semasa meninggalkan pintu Kampung Baru di sebelah pagi.

Kawasan Kampung Baru dipagar dengan jaring berduri. Dalam setiap kawasan Kampung Baru diadakan pasukan Home Guard (HG) dan Special Constabulary (SC). Pasukan Home Guard tidak bersenjata dan tugasnya mengadakan ceramah-ceramah yang membezakan antara komunisme dan demokrasi. SC pula pasukan bersenjata. Pasukan ini menolong pertahanan polis biasa. Mereka dilatih seperti dalam latihan polis. Belia dari seluruh negara menyahut seruan kerajaan untuk memasuki SC.

Perjanjian pertahanan dengan kerajaan British dapat membantu Tanah Melayu daripada kekurangan benteng pertahanan. Dengan adanya askar British, maka rakyat Tanah Melayu lebih insaf kepada pertolongan British. Jika British sanggup mati menentang komunis di Tanah Melayu demi kepentingan raja dan negara, mengapa pula anak-anak watan tidak sanggup. Dengan semangat demikian serta setia kawan dengan British itu, maka lama-kelamaan CPM bertambah lemah.

Walaupun Tanah Melayu hanya berkerajaan sendiri, tetapi kerajaan British masih mempunyai hubungan rapat dengan Republik Rakyat China. Dan walaupun CPM berkiblat kepada Republik Rakyat China, tetapi sedikit sebanyak negara itu cuba memelihara tali persahabatannya dengan Britain. Dengan itu, CPM terpaksalah berperang secara sendirian.

Ketika darurat memuncak, pihak kerajaan telah mengatur pelbagai langkah untuk menyekat rakyat daripada dipengaruhi komunis. Dalam kawasan-kawasan terpencil, Kampung Baru dibuka. Kampung-kampung ini dikeliling pagar berduri, dikawal rapi oleh polis atau polis khas (SC). Ada waktunya kampung itu berada di bawah perintah berkurung. Langkah ini diambil hanya apabila didapati ada penduduk yang membuat hubungan dengan anggota CPM.

Kawalan di sesebuah Kampung Baru sangat ketat. Mereka yang keluar masuk diperiksa rapi. Polis atau SC perempuan memeriksa pekerja perempuan dan yang lelaki memeriksa lelaki. Pada awal darurat, pihak British membawa askar British Gurkha dan bersama dengan askar, polis dan SC di Malaysia



Tun Razak memeriksa barisan kehormat penuntut Universiti Tsinguna, Peking, Republik Rakyat China. Walaupun Tanah Melayu pernah diancam pengaruh komunis yang dibawa oleh CPM, Tun Razak tetap meneruskan polisi bersahabat dengan negara China.

mengawal keganasan CPM. Boleh dikatakan setiap hari ada sahaja berita pihak menyerang ladang dan kampung yang terpencil.

Barang-barang makanan dikawal ketat. Pergerakan atau aliran barang-barang makanan dijaga oleh polis dan tentera. Barang-barang makanan yang dibawa dari satu daerah ke satu daerah atau dari satu bandar ke satu bandar hanya boleh diangkut pada masa yang tertentu dengan iringan konvoi askar atau polis. Barang-barang makanan di kampung-kampung baru juga dikawal. Kawalan yang ketat itu dapat mengawal dan menghalang barang-barang makanan daripada jatuh ke pihak CPM. Kawalan makanan itu nampaknya amat berkesan sehingga ada pengikut-pengikut CPM yang mati kelaparan dalam hutan.

Ketika itu bukan sahaja Malaya yang berperang dengan komunis. Korea dan Vietnam juga berperang dengan komunis sehingga Korea dan Vietnam terpaksa dibelah dua. Hanya Tanah Melayu yang dapat membendung komunis tanpa terpaksa dibelah dua.

Apabila Tanah Melayu menubuh kerajaannya sendiri, Tun Razak yang bertanggungjawab dalam soal pertahanan dan perang saraf menjelajah ke seluruh negara. Beliau mendaki bukit-bukau, berdayung di sungai dan laut, dan masuk kampung keluar kampung. Dengan langkah demikian, maka rakyat benar-benar merasa bahawa kerajaan sentiasa memperjuangkan nasib mereka.

Selain daripada Rashid Mydin, ada beberapa orang lagi pemimpin Melayu dalam CPM. Antara yang terkemuka ialah Musa Ahmad dan pemimpin wanitanya, Shamsiah Fakeh. Kedua mereka balik ke pangkal jalan pada tahun 90-an. CPM menggunakan taktik-taktik 'gelap' di kawasan-kawasan bandar dan di dalam hutan. Mereka menjalankan perjuangan bersenjata. Pada awal darurat, pemimpin-pemimpin CPM Melayu sempat menpengaruhi anak-anak Melayu di kampung-kampung untuk menjadi ahli dan penyokong CPM. Mereka berselindung di sebalik slogan bahawa British perlu 'dihalau' dari Tanah Melayu. Tapi pengaruh CPM tidak dapat menyeluruh di kalangan

pemuda dan orang Melayu kerana CPM tidak percaya kepada Islam. Kepada komunis, Islam tidak lebih dari 'abu' dan 'debu'. Mereka yang terpengaruh mulanya tidak dapat meneruskan perjuangan dengan CPM kerana mereka berpegang kepada agama. Mereka tidak sanggup membunuh bangsanya sendiri. Kadang kala mereka tidak dapat serasi antara taat kepada perintah CPM dengan arahan membunuh bangsa sendiri.

Asuhan agama Islam yang sedia ada di kalangan anggota Melayu dalam CPM menyebabkan mereka tidak dapat menerima ideologi komunis. Jumlah belia Melayu dalam CPM semakin beransur kurang. Ramai yang menyahut tawaran pengampunan beramai-ramai selepas persidangan kemuncak Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng di Baling pada tahun 1955. Dalam persidangan kemuncak itu, Tunku dengan tegas memberitahu Chin Peng supaya meletakkan senjata dan berjuang mengikut lunas demokrasi. Chin Peng berkeras hendak menggunakan senjata untuk kononnya membebaskan Tanah Melayu daripada British. Keduanya berpisah jalan.

Komunis tidak percaya Tuhan. Islam berpegang kepada kesucian Tuhan. Rakyat yang memeluk ideologi komunis menganggap agama sebagai 'abu' semata-mata. Sebaliknya, agama Islam tidak sehaluan dengan fahaman komunis. Tun Razak sebagai Perdana Menteri tahu dan sedar benar akan perbezaan agama Islam dan fahaman komunis dan dengan kesedaran ini beliau menggubal Rukunegara.

Rukunegara dijadikan falsafah hidup rakyat Malaysia. Rukunegara mengandungi lima rukun dan yang pertama ialah kepercayaan kepada Tuhan. Setiap rakyat yang mempercayai Tuhan pasti tidak mempercayai ideologi komunis kerana komunis tidak percaya akan kewujudan Tuhan. Dengan adanya Rukunegara sebagai falsafah hidup rakyat maka dengan sendirinya rakyat Malaysia yang taat setia kepada Raja dan Negara dan berpegang kepada agama adalah antikomunis.

Tiap-tiap agama sama ada Kristian, Islam dan agama-agama lain semuanya percaya ada kewujudan Tuhan sedangkan komunis tidak berkepercayaan begitu. Sungguhpun Tun Razak mempunyai wawasan yang jauh tetapi beliau tidak sempat

melaksanakan wawasan sepenuhnya bagi rakyat kerana beliau telah dipanggil ke Rahmatullah terlebih dahulu. Sungguhpun beliau telah pergi dulu tetapi 'pusakanya' tetap akan diwarisi oleh generasi akan datang.

Pilihan Raya Dewan Undangan Persekutuan 1955 memberi kesan yang besar kepada rakyat. Cogan kata 'MERDEKA' tersemat di kalbu mereka. Keputusan yang memberi kemenangan besar kepada Parti Perikatan dalam pilihan raya itu membuktikan rakyat bulat menyokong kerajaan. Orang Melayu meletakkan kepercayaan mereka kepada kerajaan. Rakyat keturunan Cina masih ada menyokong CPM. Di kalangan orang Melayu, hanya beberapa orang yang menyokong CPM, diketuai oleh Rasid Mydin, Musa Ahmad dan Shamsiah Fakeh.

Pihak kerajaan mengambil pelbagai langkah untuk membawa CPM ke pangkuan rakyat. Pengampunan beramai-ramai ditawarkan kepada CPM. Tunku Abdul Rahman sebagai pemimpin kerajaan mengadakan persidangan kemuncak dengan pemimpin CPM, Chin Peng. Kegagalan persidangan kemuncak 1955 telah dapat menentukan golongan rakyat yang taat kepada negara dan yang taat kepada CPM. Selepas Pilihan Raya Persekutuan diadakan, Tunku terus ke London menuntut kemerdekaan. Beliau balik dengan tarikh kemerdekaan 31 Ogos 1957.

Dengan pemerintahan sendiri dalam negeri, maka rakyat lebih mencurahkan taat setia mereka kepada pemerintah. Tun Razak ditugaskan memegang portfolio pertahanan, bertanggungjawab mengatur strategi bagi meyakinkan rakyat bahawa perjuangan CPM adalah perjuangan antikerajaan. Di samping pertahanan, Tun Razak juga bertanggungjawab mengendali dan melaksanakan program luar bandar. Slogan membasmi kemiskinan ialah 'membandarkan' kawasan-kawasan luar bandar.

Rancangan FELDA mula diperkenalkan. Hutan belantara ditebang, digantikan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Dalam kawasan-kawasan FELDA juga disediakan kawasan industri dengan pembukaan kedai dan kilang yang berteraskan pertanian. Tujuannya ialah membawa perusahaan di bandar

ke kawasan-kawasan luar bandar. Melalui rancangan itu, penduduk kampung tradisional mendapat pekerjaan di kampung halamannya sendiri.

Dengan program membuka hutan, maka banjaran Titiwangsa berubah menjadi ladang getah dan kelapa sawit. Penyokong-penyokong CPM semakin sehari semakin kurang dan perjuangan mereka semakin lemah.

Penggubalan Dasar Ekonomi Baru meluaskan lagi pengambilan anak-anak Melayu ke bangku sekolah, khasnya di peringkat menengah dan tinggi. Tujuan utama dasar ekonomi baru adalah untuk menyusun semula masyarakat dan menghapuskan kemiskinan. Dalam menyusun semula masyarakat dari segi pendidikan, maka jumlah institusi pelajaran bertambah. Universiti-universiti juga bertambah. Sebagai menuhi tuntutan Kongres Ekonomi Bumiputera, selepas penubuhan MARA (Majlis Amanah Rakyat), didirikan pula beberapa pusat pengajian menengah peringkat kolej. MARA Junior College ditubuhkan. Turut dibangunkan ialah Institut Teknologi Mara (ITM). Semuanya ini untuk melatih anak-anak bumiputera mendapatkan pendidikan teknikal.

ITM ingin mengeluarkan ramai anak Melayu dalam bidang perusahaan dan menggunakan kelulusan MARA itu sebagai kunci mendapatkan pekerjaan di dalam bidang tersebut. Sungguhpun ITM menganjurkan kursus luar negeri (*twinning*) untuk mendapatkan kelulusan ijazah, tetapi bukanlah menjadi konsepnya untuk mengadakan kursus atau menaikkan taraf ITM ke tahap universiti. Kemasukan ke ITM adalah fleksibel. Mereka yang di peringkat sempadan (*borderline cases*) turut diberi tempat tetapi kursus itu dipanjangkan ataupun diberi secara intensif.

Di peringkat universiti pula, sehingga tahun 1995, sebanyak tujuh universiti telah ditubuhkan. Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan sebagai memperjuangkan bahasa kebangsaan dan sebagai lambang keagungan bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa kebangsaan. Universiti ini dapat menampung penuntut-penuntut dari sekolah aliran bahasa kebangsaan, iaitu

dalam masa peralihan hendak menyatukan sekolah kebangsaan dengan sekolah Inggeris.

Di samping Universiti Kebangsaan Malaysia, Maktab Pertanian turut dinaikkan tarafnya kepada Universiti Pertanian Malaysia (kemudian dinamakan Universiti Putra Malaysia), sementara Maktab Teknologi pula dinaikkan tarafnya kepada Universiti Teknologi Malaysia. Lain-lain universiti yang telah ditubuhkan termasuk Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa.

Selain itu, peluang anak-anak Melayu ke luar negara menerusi agensi-agensi yang tertentu juga diperluaskan. Kemudahan-kemudahan disediakan. Dengan kemudahan-kemudahan itu, jumlah mahasiswa yang berkelulusan ijazah semakin ramai. Mereka yang ke luar negara melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana juga membanjiri pasaran akademik. Jumlah lulusan ijazah kedoktoran pun bertambah ramai. Mereka yang memasuki bidang perusahaan tidak lagi setakat mempunyai ijazah biasa. Jika Tun Razak masih ada, beliaulah orang yang paling gembira kerana menyaksikan gagasannya menjadi kenyataan. Mungkin orang Melayu tidak begitu dapat menjamah *new cake* dalam bidang perindustrian, tetapi anak-anak Melayu berjaya berlumba dengan anak-anak Malaysia keturunan lain dalam bidang akademik.

Penghantaran anak-anak Melayu ke luar negara turut diperluaskan. Dalam zaman sebelum merdeka, belia Melayu dihantar ke United Kingdom. Tetapi selepas Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan, anak-anak Melayu juga dihantar ke Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand. Dengan penghantaran jumlah pelajar yang ramai maka jumlah penyandang ijazah, terutama peringkat ijazah kedoktoran, turut bertambah di Malaysia. Begitu juga peningkatan penghantaran anak-anak muda ke universiti Islam di seberang laut seperti Universiti Al-Azhar, Makkah, Jordan dan universiti-universiti di negara-negara Islam yang lain.

Dulu pegawai agama seperti kadi, jurunikah dan sebagainya terdiri daripada orang tua. Tetapi sekarang jawatan-jawatan ini

dipegang oleh orang-orang muda. Mereka ini bukan sahaja cergas dan dapat mempengaruhi perkhidmatan awam, malah ilmu dalam dada mereka juga sejajar dengan ilmu para pegawai lain dalam perkhidmatan awam yang lulus dari universiti-universiti bukan bercorak Islam. Ramai pegawai kerajaan hari ini memakai kopiah putih pada waktu bekerja dan perempuannya pula memakai kain tudung. Mereka kelihatan kemas.

Satu lagi kejayaan negara ialah bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan. Generasi muda yang memasuki sekolah di bawah Dasar Pelajaran Razak semuanya menguasai bahasa kebangsaan. Bahasa kebangsaan diwajibkan di semua sekolah. Tiap-tiap murid dari apa keturunan sekalipun sudah dapat menguasai bahasa kebangsaan. Pendeknya, sudah tercapai cita-cita rakyat hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai lingua franca di kalangan penduduk-penduduk yang berbilang keturunan.

Peristiwa 13 Mei 1969 adalah suatu hari yang bersejarah. Peristiwa hitam ini tidak dapat dilupakan. Sebahagian daripada bangunan di Kuala Lumpur menjadi abu. Ada tempat-tempatnya mayat terpaksa ditanam beramai-ramai dalam satu kubur. Sejarah Malaysia yang begitu cerah dan bersih tiba-tiba sahaja menjadi kabur kerananya. Peristiwa itu mengejutkan seluruh dunia. Lebih memeranjatkan lagi kerana sebelum ini Malaysia telah menjalani satu landasan yang lurus semenjak kemerdekaannya.

Peristiwa hitam itu menconteng arang di muka para pemimpin tanah air kerana sebelumnya masing-masing khasnya Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman melaung dan menampilkan diri sebagai pemimpin yang riang.

Memang dari awal kemerdekaan kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman stabil, politik di Malaysia berkembang sihat dan maju. Tunku sentiasa menganggap dirinya sebagai *'a happy Prime Minister'*. Kerajaan dapat menumpukan sepenuh masa kepada pembangunan negara.

Tetapi Peristiwa 13 Mei yang mengejutkan dunia itu cepat mencacatkan nama baik Malaysia. Tragedi itu dicetuskan oleh

anasir-anasir komunis. Sebelum itu, satu perarakan jenazah telah berlangsung di ibu kota. Sepanjang enam minggu kempen pilihan raya, pihak komunis telah menjalankan gerakan di seluruh negara. Ahli-ahli Parti Buruh menggunakan ucapan-ucapan 'lidah tidak bertulang' dengan menyusupkan kata-kata berunsur provokasi untuk menaikkan 'darah' polis. Tujuan komunis adalah untuk menimbulkan pergaduhan supaya kerajaan membuat keputusan membatalkan pilihan raya. Pihak parti lawan, khususnya Parti Buruh, bergerak di merata-rata tempat mendesak para pengundi supaya memulaukan pilihan raya 1969 itu.

Pada 24 April 1969, lebih kurang dua minggu sebelum hari mengundi, seorang pekerja UMNO di kawasan Jelutong, Pulau Pinang telah dibunuh. Pada lebih kurang 8.30 malam, Encik Kassim terlihat sekumpulan pemuda berkumpul. Beliau menyangka satu kemalangan berlaku. Beliau menghampiri kumpulan itu. Tanpa diduga kumpulan itu menyerangnya sehingga maut.

Enam hari sebelum hari mengundi 6 Mei 1969 satu kejadian lain berlaku di Kepong, Selangor. Pada malam itu, sekumpulan pemuda berada di Kepong, di luar ibu kota. Tiga orang polis yang bertugas menghampiri pemuda-pemuda itu dan mendapati mereka sedang mengecat papan tanda jalan raya dengan cat warna merah.

Pada 9 Mei 1969, satu perarakan mayat bermula dari Jalan Sultan. Perarakan yang sepatutnya bermula pada jam 9.30 pagi itu hanya bermula pada jam 9.55 pagi. Beribu-ribu orang berhimpun di rumah mayat. Jumlah yang hadir sudah pun melanggar syarat kebenaran perarakan yang mengehadkan seramai 1000 orang. Perarakan bermula dan langkah pertama perarakan juga melanggar syarat dengan memasuki Jalan Petaling, bukan melalui jalan menuju ke Bulatan Merdeka. Poster-poster ditaburkan. Slogan-slogan semuanya mencerca polis. Poster melaungkan 'Regim Tunku Abdul Rahman kejam' dan hanya *'Mao's thoughts can be practised here'*. Poster wajah Mao

ditampal dan dijulang di merata-rata tempat. Perarakan itu cepat bertukar daripada perarakan pengebumian kepada satu perarakan politik dan demonstrasi politik.

Tujuan untuk menjadikan perarakan itu sebagai demonstrasi politik adalah jelas. Dengan ahli-ahli dan Jawatankuasa Parti Buruh mengambil alih upacara pengebumian daripada keluarga si mati lebih jelas menunjukkan bahawa ia bukan untuk memberi penghormatan akhir kepada si mati, sebaliknya untuk dijadikan satu tunjuk perasaan bagi menggagalkan pilihan raya pada keesokan harinya. Perarakan berhenti pada setiap lima atau enam ela. Mereka berjalan perlahan-lahan, berhenti dan melaungkan slogan membenci polis.

Pada jam 5 petang, perarakan itu sampai di Kepong iaitu kawasan pengebumian. Mereka menjerit-menjerit dan melaungkan slogan *'Mao's thoughts'*. Jelas benar ia bukan perarakan kematian biasa. Pihak polis tampaknya sangat sabar. Jika polis tidak berpegang kepada profesionalisme, pastilah pertempuran sudah berlaku. Polis adalah sasaran kumpulan itu. Mereka memaki dan mencerca polis.

Sungguhpun pihak polis siap sedia menghadapi sebarang kemungkinan, tetapi kesabaran mereka amat dipuji. Mereka dapat mengawal perarakan yang begitu liar. Inilah perarakan yang sungguh besar di Malaysia. Berita perarakan itu menjalar ke seluruh pelosok Malaysia. Orang Melayu mula radang.

Bagaimanapun, pilihan raya berjalan seperti biasa. Parti Perikatan menang dengan undi yang kecil. Walau bagaimanapun semua negeri dikuasai oleh Perikatan yang mendapat kerusi yang terbanyak dalam Dewan Rakyat.

Keinginan mendaulatkan bahasa kebangsaan merupakan satu usaha kebangsaan. Untuk ini, Minggu Bahasa Kebangsaan diadakan, disambut pula oleh Bulan Bahasa Kebangsaan. Kempen ini diadakan di merata negeri. Tidak dapat dinafikan bahawa guru-guru Melayu menumpukan seluruh perhatian dan tenaganya kepada perjuangan bahasa kebangsaan. Tuan Syed Nasir Ismail (kemudian Tun), Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka merupakan gergasi dalam usaha ini.

Semangat orang Melayu berkobar untuk mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kerana begitu berkobar maka golongan ini lupa akan perlunya bahasa Inggeris sebagai bahasa sains dan teknologi. Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya menegaskan pentingnya bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu dalam bidang sains dan teknologi. Tetapi seruan itu berkubur dalam ombak memperjuangkan bahasa Melayu. Sebagai tolak ansur, usaha menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa sains dan teknologi ditunda.

Beberapa tahun kemudian, baru disedari bahawa bahasa Inggeris memang penting dalam bidang mencari ilmu terutama sains dan teknologi.

Kempen bahasa kebangsaan merupakan satu gerakan raksaksa. Wira bahasa kita mengganggap bahasa Inggeris sebagai bahasa penjajah. Memang mereka tidak dapat memisahkan penjajah dengan bahasanya.

Pihak komunis pula telah mengatur beberapa strategi untuk memprovokasi pihak berkuasa, khasnya pasukan polis. Komunis mengadakan perkumpulan belia di merata-rata tempat untuk mengganggu polis, terutama menjelang pilihan raya 1969. Gerombolan belia itu mengecat papan tanda jalan-jalan raya dengan cat merah. Mereka berkumpul pada waktu larut malam, mengganggu ketenteraman awam dan terus mencerca pihak polis. Mereka sengaja menaikkan darah pihak berkuasa.

Berikut dipetik urutan peristiwa sebelum dan selepas Tragedi 13 Mei dari buku Almarhum Tunku Abdul Rahman yang berjudul *Before & After May 13*:

14 April 1969. Beberapa hari sebelum mengundi, di Jelutong, Pulau Pinang, jam 8.30 malam, seorang ahli UMNO telah dibunuh. Mangsa itu, Kassim bin Omar sedang pulang ke rumahnya. Di tengah jalan, beliau ternampak sekumpulan belia berhimpun di tepi jalan, seolah-olah seperti ada kemalangan. Kassim memberhentikan motosikal dan menuju ke arah kumpulan itu. Tiba-tiba saja, beliau diserang. Kassim mati dan badannya dicat dengan cat merah. Kemalangan itu memang boleh mencetuskan rusuhan. Pihak kerajaan meminta ke-

luarganya dan orang Melayu Pulau Pinang supaya tidak menghebohkan kematian itu dengan harapan ia dapat menyekat pihak komunis mengambil kesempatan daripadanya.

Sepuluh hari kemudian, pada 4 Mei 1969, enam hari sebelum hari membuang undi, satu lagi tragedi berlaku. Kali ini di Selangor. Pada tengah malam hari itu, sekumpulan belia berkumpul di Kepong, di luar Kuala Lumpur. Tiga anggota polis sedang bertugas di situ. Pemuda-pemuda itu sedang mengecat papan tanda jalan raya. Apabila ditanya polis, mereka mula melontar besi buruk, kayu dan benda yang boleh melukakan. Pihak polis itu mengejar mereka. Pertempuran kecil berlaku. Pihak polis tidak tertahan dengan kekuatan kumpulan belia itu. Mereka melepaskan tembakan sebagai mempertahankan diri. Seorang pemuda itu kena tembak. Pemuda itu, Lim Soon Seng berumur 24 tahun, dibawa ke hospital dan meninggal. Keluarga si mati tidak membawa mayat itu ke Kepong, sebaliknya membawanya ke satu lorong yang sibuk di China Town, Kuala Lumpur.

Pada 7 Mei 1969, keluarga si mati meminta hendak mengadakan perarakan pada 10 haribulan, iaitu hari membuang undi. Pihak polis menolak permintaan itu. Polis berpendapat si mati bukanlah seorang yang 'besar' sangat. Bapanya dan beberapa orang ahli Parti Buruh merayu supaya si mati diberi penghormatan terakhir dengan satu perarakan. Permohonan mereka akhirnya diluluskan dengan syarat ia diadakan pada 9 Mei 1969. Mereka juga hendaklah mengikut jalan-jalan yang ditetapkan. Perarakan itu dianggap sebagai pengebumian biasa sahaja.

Pada hari berkenaan, perarakan itu ternyata bukan lagi sebagai perarakan pengebumian. Komunis menjadikannya sebagai satu tunjuk perasaan yang besar. Perarakan itu mengambil masa satu hari suntuk dan tidak mengikut jalan-jalan yang telah ditentukan. Perarakan sejauh lapan batu itu menarik minat orang ramai di tepi-tepi jalan raya. Ia dipenuhi dengan poster-poster yang 'maki hamun polis' dan kerajaan.

Pada 8 Mei 1969, tiga orang mewakili si mati datang ke pejabat polis, tetapi bapanya tidak datang. Mereka datang untuk

mendapatkan kebenaran menggunakan jalan-jalan untuk perarakan itu. Mereka memilih jalan-jalan yang sibuk. Mereka juga meminta polis supaya tidak memakai *uniform* kononnya kerana bimbang ia akan menaikkan perasaan dalam perarakan itu kerana si mati ditembak polis. Mereka membantah anggota FRU berada di sekeliling jalan. Yang datang ke balai polis itu bernama Yap Kau, Miss Tan dan Syed Hamid yang mendakwa diri mereka sebagai ahli-ahli jawatankuasa perarakan. Yap Kau adalah ahli jawatankuasa Parti Buruh di Kepong. Polis sendiri berkendakkan perarakan itu bermula dari Jalan Sultan melalui Jalan Petaling, Jalan Kuching, Jalan Maxwell dan Jalan Ipoh terus ke Kepong. Pihak wakil si mati pula berkehendakkan perarakan itu bermula dari Jalan Sultan melalui Jalan Kinabalu, Jalan Raja, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Ipoh terus ke Kepong.

Pihak polis bertegas. Tetapi wakil perarakan itu berkata, 'benar tak benarkan, mereka akan mengikuti jalan yang mereka hendak'.

Pada 12 Mei 1959, Dr. Tan Chee Khoon dari Parti Gerakan pula ingin mengadakan perarakan kemenangan. Beliau ingin mengadakannya di kawasan pilihan rayanya sahaja, iaitu di kawasan Batu dan Jalan Ipoh. Memang beliau seorang ahli parti lawan yang sentiasa dianggap *gentleman* dalam Parlimen. Dr. Tan ingin mengadakan perarakan itu mulai pada pukul 4.30 petang dan tamat pada pukul 7 malam. Jumlah pesertanya dianggar lebih kurang 500 orang. Pihak polis memberitahu Dr. Tan bahawa jam 4.30 petang adalah waktu orang balik dari pejabat dan berlaku kesesakan jalan raya. Pihak polis mencadangkan perarakan itu dimulakan pada jam 5.30 petang dan tamat sejam kemudian. Dr. Tan bersetuju.

Tetapi pengikut-pengikutnya tidak mengikut jalan yang telah ditentukan. Mereka berlagak sebagai *gangster* di tengah jalan. Ada di antaranya yang berdiri di tengah jalan raya di depan rumah Menteri Besar Selangor di Jalan Raja Muda dengan membukakan seluar mereka. Mereka juga melaungkan supaya 'Menteri Besar balik kampung' dan 'Menteri Besar mesti diberi kepada orang bukan Melayu'. Perarakan itu menyeleweng pula

ke Kampung Baru. Keadaan ini telah menaikkan 'semangat' orang Melayu di Kampung Baru.

Kampung Baru adalah sebuah kampung besar di tengah-tengah Kuala Lumpur dan tidak kurang daripada 30 000 orang penduduknya sudah tinggal di situ beberapa tahun lamanya secara aman dan tenteram. Peristiwa menyorak-nyorak pihak polis dan membuka butang seluar dengan sendirinya menunjukkan pemimpin-pemimpin Parti Gerakan tidak dapat mengawal perarakan tersebut. Pemimpin-pemimpin itu kemudiannya mengeluarkan satu siaran akhbar pada 13 Mei meminta maaf atas apa yang berlaku kepada perarakan itu.

Berita perarakan di Kuala Lumpur itu sudah merebak di merata-rata tempat, khasnya di Selangor. Ahli-ahli UMNO berpendapat 'jika parti lawan yang kalah dalam pilihan raya itu boleh berarak, mengapa pula UMNO yang menang banyak tidak boleh berarak?'

13 Mei 1969. Satu perjumpaan kecil diadakan di rumah Ahmad Razali (sekarang Datuk) di Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur. Perbincangan itu bertumpu kepada tingkah laku parti-parti lawan daripada perarakan keranda hinggalah kepada perarakan yang diadakan di sekeliling Kampung Baru (kawasan pilihan raya Ahmad Razali). Permohonan untuk satu perarakan dibuat esok harinya. Mesyuarat itu dilaporkan kepada Datuk Nik Hassan (Ketua Setiausaha Sulit Tunku Abdul Rahman). Tujuannya adalah untuk mendapatkan ihsan Tunku yang pada hari itu berada di Kedah. Tunku dijadualkan balik pada tengah hari itu, 13 Mei 1969. Lewat tengah hari itu, Datuk Nik Hassan memberitahu bahawa beliau telah memaklumkan permintaan ahli-ahli UMNO untuk berarak itu kepada Tunku.

Persiapan pun dibuat di rumah Ahmad Razali. Lebih kurang jam 5.00 petang, orang ramai sudah mula tiba di rumah kediaman rasmi Datuk Harun Idris untuk menyertai perarakan itu. Kediaman Menteri Besar Selangor tidak berapa jauh dari rumah Datuk Razali iaitu rumah rasmi Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor.

Perhimpunan di rumah Datuk Harun itu dihadiri oleh beribu-ribu orang. Tujuannya ialah hendak menunjukkan kepada

ramai bahawa UMNO masih menguasai kerajaan dan kawasan dewan undangan negeri. Kampung Baru adalah di tengah-tengah Wilayah Kuala Lumpur. Sedang persiapan diatur lebih kurang pada pukul enam, satu berita dari Setapak mengatakan ahli-ahli UMNO telah diserang di bandar Setapak.

Berita itu menaikkan darah mereka yang berhimpun di rumah Datuk Harun. Keadaan mula tidak dapat dikawal lagi, maka meletuslah pergaduhan di Kampung Baru.

14 Mei 1969. Kuala Lumpur tiba-tiba menjadi seperti kata orang tua-tua 'padang jarak padang terkukur'. Bangunan-bangunan menjadi hitam legam. Sesetengah bangunan masih lagi dijilat api. Pihak bomba sendiri tidak termampu untuk memadamkan semua kebakaran pada malam 13 Mei. Seluruh bandar Kuala Lumpur lengang. Penduduk Kuala Lumpur berdiam diri dalam rumah masing-masing. Di bandar Kuala Lumpur cuma kelihatan kereta-kereta polis dan tentera.

Masjid-masjid dan dewan atau balai raya di Kuala Lumpur dipenuh mereka yang terkandas akibat terkepung selepas datang untuk menyertai perarakan di Kampung Baru. Masjid-masjid di Kampung Baru dan Dato' Keramat penuh dengan manusia yang terkandas. Masalah yang timbul ialah makanan. Kedai dan pasar ditutup. Kedai-kedai Cina ditutup. Datuk Harun terpaksa menggunakan jasa baiknya meminta kawan-kawan tauke membuka kedai untuk mendapatkan barang-barang. Datuk Harun mengarahkan anak-anak buahnya ke kedai-kedai yang tertentu untuk mendapatkan barang-barang makanan. Pejabat Daerah Kuala Selangor dan Sabak Bernam juga dihubungi untuk mendapatkan barang-barang makanan. Beras, jagung, sayur-sayuran antaranya dihantar ke Kuala Lumpur.

Usaha juga dibuat untuk menghantar mereka yang terkandas balik ke kampung masing-masing. Tan Sri Mansor Mohd Nor, pegawai polis di Kuala Lumpur, telah berusaha mendapatkan bas-bas untuk tujuan itu. Penulis dan Ahmad Razali dipanggil ke Sri Taman dan Tun Razak mengarahkan kami supaya mendapatkan kenderaan bagi menghantar mereka yang terkandas balik ke kampung mereka.

Orang Melayu tidak tahan lagi membaca berita dan mendengar khabar mengenai perarakan-perarakan anjuran pihak pembangkang di Kuala Lumpur. Orang UMNO lebih lagi sakit hati. Yang bertanding pilihan raya adalah calon-calon Perikatan tetapi yang dicercanya hanya orang Melayu. Dan lebih menyakitkan hati lagi ada antara ahli kumpulan pembangkang itu sengaja membuka seluar dan menunjukkan 'keris' mereka di depan rumah Datuk Harun. Perasaan orang Melayu bertambah marah.

Pelbagai cara telah digunakan oleh parti lawan yang memang sengaja menyakitkan hati. Umpamanya, mereka mengatakan orang Melayu 'belacan', menyuruh orang Melayu supaya balik kampung dan mengisytiharkan orang Melayu sudah mati. Memang orang Melayu suka makan belacan. Kalau tidak, bukanlah dirinya orang Melayu. Tetapi, yang menyakitkan hati orang Melayu itu ialah cara pengejek menyuarakan perkataan 'belacan' itu. Mereka memekik-mekik.

Dada kebanyakan orang Melayu sudah sebak oleh kemarahan. Maki hamun parti pembangkang menggelegakkan lagi kemarahan mereka. Sudah sifat orang Melayu bersabar tetapi jika kesabaran mereka itu ditekan, mereka meledak. Orang Melayu kaitkan perarakan itu dengan perasaan dendam. Orang Melayu memang sudah 'kecil hati' kerana sentiasa dicap semata-mata sebagai kaum tani. Slogan 'Orang Melayu Tani' dan 'Orang Cina Tauke' sebenarnya sudah pun pernah menjadi isu dalam zaman konfrontasi Sukarno dulu.

Duta Indonesia semasa konfrontasi dulu, Bapak Djatikusumo, mengiatkan kempen anti-Malaysianya dengan perkataan 'Orang Melayu Tani' dan 'Orang Cina Tauke'. Beliau berkata kepada orang Melayu bahawa Malaysia ini kaya tetapi bangunan-bangunannya yang tinggi di ibu kota kepunyaan orang Cina. Ke mana perginya orang Melayu dan di manakah kekayaan mereka?

Bab 2

Biodata
Tun Abdul Razak

PULANGNYA ke rahmatullah dengan mengejut Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia kedua, pada 14 Januari 1976 adalah suatu kehilangan yang amat besar bukan sahaja kepada keluarga dan negara, bahkan kepada ASEAN dan juga kepada dunia. Allahyarham adalah seorang pemimpin yang sangat disanjung tinggi dan telah meninggalkan suatu pusaka yang tidak akan luput daripada cara hidup negara ini. Beliau telah meletakkan Malaysia pada satu tahap yang sangat dihormati dalam arena ekonomi dan politik dunia. Melalui Tun Razak, Malaysia telah mencapai suatu darjat yang tinggi, nama yang baik dan harum di dalam serta di luar negara.

Semasa hidupnya, Tun Razak telah berkorban untuk Malaysia sehinggalah ke akhir hayatnya di sebuah klinik di London. Pendeknya tidak ada yang lain difikirkan Allahyarham melainkan mengenai kebahagiaan dan masa hadapan rakyat Malaysia. Kematiannya adalah suatu kehilangan yang besar dan memilukan negara. Rakyat Malaysia sangat terharu menyaksikan betapa melimpahnya perutusan takziah dari segenap pelosok dunia. Malah ramai juga ketua-ketua negara ataupun wakil-wakil mereka telah datang ke Kuala Lumpur untuk menyertai beribu-ribu orang rakyat negara ini mengiringkan jenazah 'Bapa Pembangunan' Malaysia yang dikasihi disemadikan di Makam Pahlawan di Masjid Negara.

Allahyarham Tun Razak telah meninggalkan suatu warisan hasil kerjanya yang tidak mengenal penat lelah dan kebijaksanaannya yang tertanam dalam hati sanubari rakyat jelata. Catatan-catatan usahanya memang tiada tolok bandingnya. Tidak ramai orang dalam dunia yang boleh menuntut sebagai seorang pemimpin dikasihi yang telah dapat melepaskan sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia bebas daripada belenggu penjajahan kepada sebuah negara yang maju, stabil, makmur dan bersatu padu. Malaysia dihormati kerana pandangan-pandangan politiknya yang liberal dan kerana cita-citanya yang jujur untuk menggalakkan keamanan dan kerjasama serantau serta usaha-usahanya tidak berhenti-henti untuk menggalakkan perpaduan Islam dan meninggikan taraf ekonominya.

Kepada rakyat Malaysia, Allahyarham Tun Razak telah meninggalkan suatu pusaka falsafah politik, ekonomi dan sosial yang telah menjadi prinsip-prinsip panduan hidup negara.

Allahyarham telah meninggalkan kesannya dalam segala bidang perundangan negara iaitu Perlembagaan Tanah Melayu yang merdeka pada tahun 1957 dan Perlembagaan Malaysia pada tahun 1963. Tun Razak juga meninggalkan kesan dalam bidang pelajaran, pertahanan, pembangunan luar bandar, kewangan dan hal ehwal luar negara.

Dalam bidang pelajaran, Allahyarham sebagai Menteri Pelajaran yang pertama telah menjadi pelopor Dasar Pelajaran Kebangsaan Tanah Melayu, yang memupuk perpaduan di kalangan penduduk Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Ini dilaksanakannya menerusi suatu sistem pelajaran kebangsaan yang tunggal. Kemajuan dalam bidang pelajaran ini amat luas dengan wujudnya beberapa buah universiti, termasuklah Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya. Beribu-ribu buah sekolah rendah dan menengah yang moden berkembang di bandar-bandar dan di segenap pelosok tanah air untuk menampung jumlah murid yang semakin bertambah bilangannya.

Allahyarham juga mempelopori pembangunan luar bandar sejak tahun 1950 yang sempat membawa banyak perubahan

ekonomi dan sosial kepada penduduk luar bandar yang terbiar di zaman pentadbiran penjajah. Jalan-jalan raya yang baru turut dibina dalam kawasan-kawasan luar bandar. Begitu juga dengan jambatan-jambatan yang merentang sungai-sungai besar dan kecil. Turut dibina masjid-masjid baru dan balai-balai raya serta kemudahan-kemudahan elektrik dan bekalan air hingga ke kampung-kampung yang jauh terpencil.

Tanah-tanah baru telah diterokai untuk rakyat yang tiada bertanah. Petani-petani miskin dibela melalui agensi-agensi kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan RISDA. Beribu-ribu ekar tanah baru telah diteroka dan dijadikan sebagai ladang-ladang pertanian yang mendatangkan hasil kepada ribuan peneroka baru. Suatu suasana baru luar bandar telah diusahakan untuk memberi suatu penghidupan baru kepada rakyat miskin.

Rancangan-rancangan tanah yang diusahakan di Segi Tiga Jengka, Pahang Tenggara, Johor Tenggara, Terengganu Tengah (Ketengah) dan di Kelantan (Kesedar) sekarang adalah hasil cita-cita Allahyarham.

Pada masa pimpinan Allahyarham Tun Razak, buat pertama kali telah dapat diadakan suatu falsafah tata susila akhlak dan rohaniah yang merangkum lima prinsip tata susila. Rakyat Malaysia pelbagai kaum dipimpin untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu padu. Dasar Ekonomi Baru adalah hasil usahanya yang tidak henti-henti merapatkan jurang ekonomi antara pelbagai kaum, menyusun semula masyarakat, membetulkan imbangan yang tidak sama bagi membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum.

Dalam bidang hubungan luar negara pula, Allahyarham telah cuba mencari persahabatan dengan semua negara yang sedia bersahabat dengan Malaysia tanpa mengira apakah sistem sosial atau fahaman politik mereka. Semasa Allahyarham menjadi Perdana Menteri, Malaysia telah diterima oleh negara-negara dunia ketiga kerana dasar berkecualinya. Satu daripada cita-citanya yang sangat tinggi ialah berusaha untuk membina suatu keadaan dunia di mana keganasan dan perbalahan dapat diketepikan dan keamanan serta keharmonian dicapai. Allah-

yarham telah menjadi seorang pelopor ASEAN (Association of Southeast Asian Nations) dan hingga ke akhir hayatnya, Allahyarham telah bertungkus lumus menjadikan rantau ASEAN sebagai sebuah kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Mengenai hubungan dalam negeri, Allahyarham telah berhasil membawa keamanan dan kestabilan politik. Sebenarnya, Allahyarham tidak berasa gembira apabila terpaksa mengambil alih pentadbiran sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) yang memberinya hampir semua kuasa mutlak untuk memulihkan undang-undang dan peraturan selepas rusuhan kaum pada 13 Mei 1969. Betapa pun, Allahyarham tidak menyalahgunakan kuasa yang ada padanya itu.

Sebaliknya, dalam masa 21 bulan beliau menangani keadaan darurat, Allahyarham telah berikhtiar mencari jalan menyatukan rakyat berbilang kaum bagi mengelak berulangnya peristiwa sedemikian. Daripada keadaan darurat ini, lahirlah konsep Barisan Nasional iaitu Parti Perikatan yang memerintah mempelawa parti pembangkang membentuk kerajaan campuran di peringkat negeri dan persekutuan. Apabila Parlimen bersidang semula, Allahyarḥam dengan penuh rela melepaskan kuasa-kuasa mutlak yang ada padanya dalam darurat untuk memimpin negara ke arah demokrasi berparlimen.

Bagi pertama kalinya negara Malaysia mempunyai falsafah hidupnya sendiri iaitu Rukunegara dengan lima prinsip iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang dan Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip-prinsip Rukunegara ini dijadikan sebagai panduan dalam tindakan.

Di bawah pimpinan Tun Razak yang bijaksana, negara kembali pulih dan rakyat bertambah yakin. Allahyarham menumpukan tenaganya untuk menyediakan asas kepada pembangunan negara yang walaupun banyak mencurahkan wang dan tenaga tetapi membantu negara masuk ke satu lagi zaman kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar. Malangnya, Allahyarham tidak sempat melihat sendiri pelaksanaan programnya yang berwawasan itu.

Tun Razak adalah seorang anak desa lahir pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, dekat Pekan, Pahang. Mengikut warisannya, Allahyarham berasal dari salah satu keluarga orang besar Pahang. Allahyarham tinggal bersama-sama datuknya di Kampung Jambu, Langgar, kira-kira enam batu dari bandar diraja Pekan. Semasa kanak-kanak, beliau selesa bergaul dengan anak-anak kampung sepertinya. Malah, Allahyarham terpaksa sama berjalan kaki beberapa batu ke sekolahnya.

Allahyarham Tun Razak belajar di Sekolah Melayu Langgar, Pekan pada sebelah pagi dan belajar al-Quran dan agama pada sebelah petangnya. Semasa di sekolah Melayu, beliau adalah seorang yang pendiam tetapi kuat belajar. Allahyarham mengambil masa yang lebih singkat untuk lulus pelajaran menengahnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar. Tiga kali beliau melompat darjah dan memenangi banyak hadiah setiap tahun. Allahyarham juga cergas dalam sukan dan menonjol dalam permainan hoki serta bola sepak.

Allahyarham adalah di antara sebilangan kecil pegawai pentadbir Melayu yang berjaya masuk ke Raffles College di Singapura. Pengajiannya terganggu apabila Perang Dunia Kedua meletus. Pada zaman pemerintahan Jepun, beliau menjadi seorang Pegawai Pentadbir Muda di Pahang. Allahyarham banyak menyaksikan penderitaan dan kesusahan rakyat. Secara sulit-sulit beliau menyertai gerakan penentang untuk membantu mengatur persediaan bagi kedatangan kembali tentera British. Selepas tamat perang, beliau belajar undang-undang di England dan lulus dalam masa 18 bulan sahaja iaitu pada April 1949. Allahyarham diterima menjadi peguam di England pada Mei, 1950.

Allahyarham pulang ke Pahang untuk memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri. Tetapi tidak lama kemudian beliau bergiat dalam politik apabila orang Melayu menentang Malayan Union. Kerajaan British ingin merampas hak Raja-raja Melayu dan orang Melayu melalui rancangan itu. Tun Razak masuk UMNO sewaktu ia baru sahaja ditubuhkan di bawah pimpinan Allahyarham Datuk Onn Jaafar. Allahyarham membantu me-



Allahyarham Tun Razak bersidang dengan Raja-raja Melayu antaranya Sultan Perak, Kelantan, Selangor, Pahang, Kedah dan Negeri Sembilan.

ngukuhkan parti itu menjadi sebuah pertubuhan kebangsaan yang kuat ketika Tunku Abdul Rahman menerajuinya.

Penglibatan Tun Razak dalam bidang politik dan kerajaan sungguh cemerlang. Beliau menjadi Ketua Pemuda UMNO ketika berusia 28 tahun, menjadi Timbalan Presiden UMNO ketika berusia 29 tahun, dan menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang ketika berusia 30 tahun. Tiga tahun kemudian ketika berusia 33 tahun, beliau menjadi Menteri Besar Pahang. Selang setahun beliau menjadi Menteri Pelajaran Persekutuan. Ketika berumur 35 tahun, beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri dan akhirnya menjadi Perdana Menteri ketika berusia 48 tahun.

Beliau mempunyai banyak pengalaman semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri iaitu timbalan kepada Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Pengalaman tersebut berfaedah baginya apabila beliau memegang jawatan Perdana Menteri pada 22 September 1970. Allahyarham membawa orang baru ke dalam kabinetnya dan memulakan beberapa perubahan besar dalam politik, ekonomi dan juga dalam dasar luar negara kita.

Mutu pucuk pimpinan dan kebijaksanaannya terbayang dalam banyak segi kehidupan. Negara telah dihormati bukan sahaja oleh rakyat Malaysia daripada pelbagai kaum dan berbilang agama bahkan turut disanjung dan dihormati oleh rakyat serta pemimpin negara-negara jiran dan dunia.


Bab 3

Razak – Bapa Penyayang

TUN RAZAK adalah seorang negarawan, seorang pemimpin politik, seorang pembesar negeri Pahang, seorang elit Melayu, seorang diplomat dan seorang yang berjiwa Melayu. Di samping kebesaran dan anugerah ini, yang paling penting bagi dirinya ialah peranan sebagai seorang suami dan bapa kepada lima orang anak, semuanya lelaki. Sebagai seorang negarawan, Tun Razak disanjung rakyat dan sentiasa diliputi oleh media cetak dan elektronik dalam dan luar negara. Sebagai seorang suami dan bapa, Tun Razak sentiasa dipeluk dan dicium oleh anak-anak di sekelilingnya. Boleh dikatakan pada tiap-tiap hari ketika beliau balik dari pejabat dan tiba di rumah, anak-anaknya yang masih kecil menyambut dan mengiringinya masuk ke rumah.

Tun Razak tidak lupa mencium anak-anaknya yang berkejar menyambut kepulangannya. Anak-anaknya masih kecil. Yang bongsu, Mohamed Nazir, selalu menunggunya di pintu. Walau bagaimana letih sekalipun, Tun Razak tetap girang memeluk, menimang dan menciumnya.

Hidup Tun Razak adalah seperti lilin. Dia membakar dirinya untuk memberi cahaya kepada rakyat. Walaupun sedang sakit, penyakitnya tidak diketahui oleh sesiapa melainkan doktornya. Beliau sibuk berkejar untuk menterjemahkan ilhamnya kepada landasan projek. Di antara pelbagai projek, Tun Razak merangka jalan raya utara-selatan dan Kuala Lumpur-Karak.



Tun Razak dan keluarga mengunjungi model rumah peneroka Felda yang terletak di belakang Sri Taman pada hari jadinya yang ke-47.

Beliau memulakan pembinaan jalan-jalan raya ini tetapi beliau sendiri tidak sempat melihat dan melaluinya.

Tun Razak kaya dengan ilmu, kaya dengan pengalaman, kaya dengan kedudukan, kaya dengan gelaran dan kaya dengan kawan. Tetapi, beliau miskin dari segi 'harta'. Terus-terusan Tun Razak menghabiskan hayat hidupnya untuk memberi cahaya kepada rakyat jelata. Beliau berlumba dengan masa untuk menterjemahkan ilmu dan fikirannya kepada projek-projek untuk rakyat. Semasa Tun Razak meninggalkan kita, beliau hanya mempunyai sebuah 'rumah atap' di Pekan, Pahang, di kawasan pilihan rayanya. Rumah atap inilah yang kelihatan dan merupakan 'harta pusaka' Tun Razak kepada anak-anaknya.

Sungguhpun begitu, beliau tidak lupa memberi pelajaran kepada anak-anaknya. Kelima-lima orang anaknya mendapat pelajaran yang setingginya di luar negeri. Semasa meninggal dunia, anaknya yang sulung, Mohd. Najib berusia 23 tahun sementara yang bongsu, Mohamed Nazir berusia 10 tahun. Sebagai anak bongsu, Mohamed Nazir yang manja sekali. Beliaulah yang sentiasa menunggu ayahnya balik setiap hari. Dapat dibayangkan bagaimanakah perasaan anak ini ketika ayahandanya meninggal. Mohamed Nazir yang terlalu kecil telah kehilangan tempat bermanjanya. Sudah tentu Nazir merasakan benar kehilangan ayahandanya yang selalu memeluknya ketika balik dari pejabat.

Anak-anak Tun Razak bernasib baik. Sungguhpun Tun Razak tidak meninggalkan harta pusaka, tetapi isterinya anak seorang jutawan. Tun Rahah adalah anak bongsu Tan Sri Mohd. Noah, Speaker Dewan Rakyat yang pertama dipilih oleh rakyat sendiri. Beliau dipilih menjadi Speaker apabila Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat sepenuhnya pada tahun 1959. Tan Sri Mohd. Noah adalah seorang jutawan yang terkemuka, dan antara 'buah tangan'nya ialah Pusat Peranginan Genting Highlands. Beliaulah yang mempelopori pembukaan Genting Highlands.

Tun Razak mendirikan rumah tangga dengan Tun Rahah pada bulan September 1952. Ketika itu Tun Razak menjadi



Di sebalik imej sederhana Tun Rahah, beliau cekal menghadapi cabaran hidup selepas kematian Tun Razak dan berjaya memberi didikan yang setingginya kepada anak-anaknya.

Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang. Oleh kerana kesibukan suaminya, maka Tun Rahah terpaksa menjadi 'ibu' dan 'bapa' kepada anak-anak mereka. Beberapa orang anak Tun Razak masih menuntut di universiti semasa beliau meninggal dunia. Sungguhpun Tun Rahah tidak mengalami sebarang kesusahan seperti kebanyakan 'ibu tunggal' tetapi beliau terpaksa memberikan perhatian sepenuhnya kepada anak-anaknya.

Dengan usahanya yang cekal dan menghadapi cabaran hidup, Tun Rahah berjaya memberikan pelajaran kepada anak-anaknya. Mereka semua berhasil dididik hingga ke peringkat universiti. Sekarang Tun Rahah hidup tenteram kerana kesemua anaknya lulus universiti.

Dapat digambarkan betapa gembiranya Tun Rahah menyaksikan anak-anaknya yang dewasa itu sudah mendirikan rumah tangga. Tun Razak tidak dapat menimang cucu-cucunya, tetapi Tun Rahah merasa nikmat dan suasana kekeluargaan itu. Sebagai seorang nenek, tentulah tiada tara keseronokannya dapat menimang cucu. Pilu dan sepi kehilangan Tun Razak kini terubat oleh kebahagiaan anak-anak dan cucu-cucunya.

Sungguhpun hidup Tun Rahah dan anak-anaknya dalam keadaan yang senang tetapi sebagai 'ibu tunggal', terasa juga pilu dan sedih. Apabila Tun Razak meninggal dunia, Tun Rahah terpaksa memikul beban sebagai 'tiang seri' kepada anak-anaknya. Dengan hati yang tabah, Tun Rahah berjaya memikul beban yang berat, dan sempat memberi didikan yang setinggi-nya kepada anak-anaknya.

Lima orang anaknya dengan Tun Razak. Anak yang sulung kini mempunyai kedudukan dalam bidang politik. Najib adalah bekas Menteri Besar Pahang dan sekarang seorang Menteri Kabinet. Najib sudah memegang beberapa kementerian. Beliau adalah bekas Ketua Pemuda UMNO yang sekarang sebagai seorang Naib Presiden UMNO. Jika Najib dapat terus menjaga haluan politiknya, masa depannya dalam bidang politik amatlah cerah, walaupun keadaan politik sebenarnya sukar ditentukan. Dalam dunia politik, tiada sesiapa yang boleh duduk tenang.

Seorang ahli politik bergerak 24 jam sehari, tujuh hari seminggu, 30 hari sebulan dan 12 bulan setahun. Jika perjalanannya terkeluar dari garisan, seseorang ahli politik itu akan diketepikan oleh arus rakyat. Kedudukan Najib dalam politik, jika tidak berubah, adalah terang dan masa depannya adalah cerah sebagai pemimpin negara. Kita berdoa agar Najib tidak terjerumus dalam gelanggang kawah politik yang akan merosakkannya. Kita berdoa agar pergerakannya dalam politik akan sentiasa mengikut landasan yang sihat dan memungkinkan beliau menduduki kerusi yang pernah diduduki ayahandanya dahulu.

Kelima-lima orang anak Tun Rahah mempunyai ilmu akademik yang tinggi. Semuanya lulus tinggi dari universiti-universiti di United Kingdom. Selain Najib, anak-anak Tun Razak yang lain nampaknya tidak begitu cenderung dengan politik. Keempat-empatnya cergas dalam bidang perusahaan dan perniagaan.

Pemergian Tun Razak meninggalkan tanggungjawab yang berat kepada Tun Rahah untuk menjaga dan mendidik anak-anaknya. Sebaliknya sekarang, selepas Tun Razak meninggalkan anak-anaknya, Najib menjadi pembantu yang cekal kepada bondanya. Najib bukan sahaja seorang ahli politik dan pemimpin negara, tetapi merupakan pembantu kukuh kepada Tun Rahah. Najib memang sentiasa berada di samping ibu dan adik-adiknya.

Najib tamat pengajian pada tahun 1974 iaitu dua tahun sebelum Tun Razak meninggal dunia. Najib mengikuti persekolahan rendah dan menengah di Kuala Lumpur. Selepas itu, Najib meneruskan pelajarannya di England dan memperoleh ijazah B.A. Hons di University of Nottingham, England. Sekembalinya ke tanah air, Najib menyertai Petronas sebagai seorang pegawai eksekutif. Beliau meninggalkan jawatan tersebut untuk bertanding dalam pilihan raya Parlimen kawasan Pekan bagi menggantikan ayahandanya. Najib pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Pos dan Telekomunikasi sebelum bertukar ke Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Menteri.

Pada tahun 1982, Najib bertanding dalam kawasan pilihan raya negeri. Beliau menang dan pada usia 29 tahun beliau dilantik sebagai Menteri Besar Pahang. Beliau memegang jawatan itu selama satu penggal. Dalam pilihan raya tahun 1986, beliau balik ke kawasan Parlimen dalam kawasan pilihan raya Pekan. Sekembalinya ke Pusat, Najib dilantik sebagai Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Pada tahun 1987, beliau dipindahkan ke Kementerian Pertahanan, dan pada tahun 1995, Najib berpindah ke Kementerian Pendidikan sehingga sekarang.

Najib mempunyai pengalaman luas dalam UMNO. Pada tahun 1976, beliau dipilih sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan. Empat tahun kemudian, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua UMNO Bahagian Pekan sebelum menjadi Ketua UMNO Bahagian Pekan pada tahun 1982.

Pada tahun yang sama beliau dilantik sebagai Ketua UMNO Bahagian Pekan, beliau juga ialah Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang. Pada tahun 1983, beliau meningkat sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pahang.

Di peringkat pusat pula, Najib telah dipilih sebagai ahli Exco Pemuda UMNO pada tahun 1978. Pada tahun 1981, beliau telah dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia. Beliau menjadi Timbalan Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1986, dua tahun selepas itu meningkat sebagai Ketua Pemuda UMNO Malaysia, dan pada tahun 1993, beliau telah dipilih sebagai Naib Presiden UMNO Malaysia.

Najib telah menerima banyak anugerah dari pelbagai kerajaan dan badan sukarela. Di Negeri Pahang sendiri, beliau mewarisi anugerah Orang Kaya Indera Shahbandar. Anugerah ini besar pengaruhnya di kalangan takhta Pahang. Anugerah diwarisi daripada Tun Razak yang menyandangnya duhulu. Anugerah ini juga sebenarnya disandang oleh ayahanda Tun Razak, Datuk Hussein. Najib turut dianugerahkan bintang-bintang kebesaran Negeri Pahang, termasuk anugerah yang tertinggi kepada orang biasa iaitu Darjah Kebesaran Seri Sultan Ahmad Shah (SSAP) yang membawa gelaran 'Datuk Seri'.

Anugerah lain yang diterimanya termasuk daripada kerajaan Korea iaitu Grand Order of Youth, Republic of Korea. Beliau juga menerima anugerah Sports Science, US Academy of Sports; Knight Grand Cross First Class of the Most Noble Order of the Crown of Thailand; Bintang Vudha Dharma Utama dari Indonesia dan Distinguished Service Order (Military) Singapore.

Najib dilahirkan pada 23 Julai 1953 di Kuala Lipis, Pahang Darul Makmur. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Rosmah Mansor dan kini mempunyai lima orang anak: Mohd Nizar, Puteri Norliza, Mohd Nasifuddin, Noryana Najwa dan Norashman Razak.

Kedudukan politik Najib adalah istimewa. Beliau mempunyai taraf dan keperibadian selaras dengan Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Razak dan Tun Hussein Onn. Tunku Abdul Rahman adalah seorang putera raja yang memerintah negeri Kedah, Tun Razak pula adalah keturunan keluarga yang rapat dengan Istana Pahang manakala Tun Hussein datang dari keluarga yang mempunyai kedudukan rapat dengan Istana Johor. Hubungan politik dengan raja ini adalah penting di Malaysia. Takhta, seperti yang ada dalam perlembagaan sekarang, mempunyai kuasa yang tertentu.

Persidangan Majlis Raja-raja adalah satu-satunya institusi untuk Raja-raja bergerak dalam Malaysia. Jika dikaji dan direnungkan maka didapati Majlis Raja-raja Melayu itu adalah satu institusi yang boleh mengimbangi kedudukan politik tanah air. Jika politik tidak bersemuka dengan raja-raja maka sudah tentu rakyat di negara ini akan berpecah-belah. Bangsa Melayu tidak dapat dipisahkan dengan raja-raja. Rakyat negara ini sudah dapat melihat betapa pentingnya Malaysia diketuai oleh raja-raja. Kedudukan ini banyak ertinya. Yang penting sekali ialah takhta itu dapat menyatupadukan rakyat yang berbilang keturunan dan agama. Dalam pada itu, lebih mudah untuk mengekalkan kedudukan Yang di-Pertuan Agong daripada kedudukan seorang Presiden.

Kedudukan Yang di-Pertuan Agong adalah di peringkat pusat dan raja-raja di peringkat negeri. Kedudukan raja-raja

tidak memerlukan pilihan raya jika dibandingkan dengan Gabenor di peringkat negeri dan Presiden di peringkat Pusat.

Nyata sekali negara-negara yang mempunyai raja sentiasa mempunyai politik yang stabil. Di Thailand, Raja Thai dikehendaki bagi menyelesaikan krisis-krisis politik. Begitu juga dengan United Kingdom. Dulu pihak sosialis pernah cuba meruntuhkan takhta United Kingdom. Suara itu hilang begitu sahaja. Apabila Parti Buruh pimpinan Tony Blair menang, soal hendak meruntuhkan takhta itu sudah tidak timbul. Begitu keadaannya dengan negara di Eropah khususnya negara-negara Skandinavia yang mempunyai raja. Semua negara itu berkedudukan stabil. Takhta Malaysia adalah untuk mengekalkan ketenteraman rakyat. Jika ada sebuah institusi seperti monarki yang boleh mententeramkan rakyat dengan memberi perlindungan kepada mereka mengapa pula hendak kita ketepikan?

Dalam sebuah pemerintahan, mana-mana negara ada dua jenis pentadbiran iaitu pemerintahan parlimen secara beraja dan secara Presiden. Tidak dapat dinafikan bahawa sistem secara Presiden memerlukan kos yang tinggi. Pilihan raya diadakan dari masa ke masa. Kedudukan seseorang Presiden adalah sangat terkawal. Seseorang Presiden memerlukan pasukan keselamatan yang sangat kuat untuk menjaganya. Semua ini memerlukan wang.

Sebagai contoh, apabila Presiden Amerika Syarikat, Lyndon Baines Johnson melawat Malaysia, beliau memerlukan banyak pasukan kawalan. Ahli-ahli pasukan kawalannya melihat sendiri bilik tidur Presiden Johnson untuk menjamin keselamatannya di situ. Mereka juga memeriksa katil Presiden Johnson sama ada sesuai atau tidak untuk beliau tidur di dalam bilik itu. Turut diperiksa sama ada katilnya pula sesuai dengan tubuh badannya. Semua ini memerlukan wang.

Sistem pemerintahan di Malaysia sangat sesuai. Negara tidak memerlukan wang yang banyak untuk menjaga kedudukan Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja tidak memerlukan pasukan keselamatan yang begitu ketat. Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja tidak melibatkan diri dalam politik. Kedudukan mereka

dihormati rakyat. Setiap rakyat di Malaysia, sama ada mereka ahli parti atau tidak, memberikan taat setia dan penghormatan mereka kepada takhta. Yang perlu dibayar hanya gaji-gaji mereka. Gaji mereka adalah lebih rendah daripada gaji sesetengah eksekutif badan-badan perniagaan di dunia.

Ahmad Johari adalah anak kedua Tun Razak dan Tun Rahah. Johari dilahirkan pada 29 Disember 1954 di Kuala Lipis, Pahang. Beliau mendapat pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar dari tahun 1967 hingga 1969. Selepas itu beliau bertolak ke London meneruskan pelajarannya di University of Kent bagi ijazah pertama Bachelor of Laws. Beliau meneruskan pelajaran pula di Lincoln's Inn, United Kingdom untuk mendapatkan *barrister-at-law* pada tahun 1975-1976.

Sekembalinya ke tanah air, Johari terus memasuki bidang perundangan. Dengan kecekapannya, beliau menjadi seorang rakan kongsi dalam sebuah syarikat perundangan yang terkemuka di Kuala Lumpur. Beliau menunjukkan kebolehannya dalam dunia perundangan dan bekerja keras untuk memperluas pengalaman dalam bidang perundangan.

Di samping bertugas dalam bidang perundangan, Johari juga melibatkan diri dalam bidang korporat. Beliau telah menduduki lembaga pengarah banyak syarikat yang besar. Pengalamannya dalam bidang perundangan, perniagaan dan perusahaan adalah luas. Ternyata masa depannya amat luas. Jika ayahandanya tidak sempat meninggalkan harta pusaka kepada anak-anaknya, barangkali tidak akan begitu bagi Johari. Beliau akan menjadi kaya.

Johari mempunyai isteri dan empat orang anak (semasa buku ini ditulis). Isterinya bernama Noral Zeila binti Junid. Anak-anaknya adalah Nazreen Zera Johari, Nazrul Zhasfiran Johari, Nazran Zhafri Johari dan Nazzura Zeha Johari. Anak sulungnya lahir pada tahun 1988 sementara yang bongsu lahir pada tahun 1995.

Najib dan Johari adalah yang lebih tua antara anak-anak Tun Razak. Mereka yang membantu ibu mereka Tun Rahah untuk membesar dan memberi pelajaran kepada tiga orang adik-adik mereka.

Mohamed Nizam dilahirkan pada bulan Oktober 1958 di Kuala Lumpur. Beliau mempunyai kelulusan B.A. (Oxon) dalam Politik, Falsafah dan Ekonomi. Sekembalinya ke tanah air, beliau terus menceburkan diri dalam bidang perusahaan. Beliau bekerja dalam bidang kewangan komersial, bank, insurans dan pembangunan. Beliau berkhidmat dalam banyak bidang perusahaan dan kewangan.

Mohamed Nizam mendirikan rumah tangga dengan Khatijah binti Tun Rahman. Tun Rahman adalah bekas Menteri Persekutuan, Ketua Menteri Sarawak dan Yang Dipertua Negeri Sarawak. Mohamed Nizam juga mengambil berat tentang bidang sukan dan badan-badan kebajikan. Beliau sangat tekun dalam sukan golf.

Mohamed Nazim dilahirkan pada 25 Mac 1962 di Kuala Lumpur. Beliau mula bersekolah di Oundle School, Peterborough, United Kingdom. Selepas itu berpindah ke The Architectural Association, School of Architecture, Bedford Square, London, United Kingdom. Nazim kemudian meneruskan pelajaran akademiknya di Royal Institute of British Architects.

Sekembalinya ke tanah air, beliau menceburkan dirinya dalam bidang perniagaan dan perusahaan dan kewangan. Beliau juga terlibat dalam bidang perundingan dan pengiklanan. Beliau mengatur rancangan pembinaan projek yang besar seperti pembinaan Pusat Dagangan Dunia Putra.

Mohamed Nazir dilahirkan pada 19 November 1966 di Kuala Lumpur. Beliau mendirikan rumah tangga dengan Azlina binti Tan Sri Abdul Aziz. Mohamed Nazir mula bersekolah di Sekolah St. John, Kuala Lumpur pada tahun 1972-1976. Selepas itu berpindah ke Alice Smith School pada tahun 1977-1979. Kemudian beliau ke England dan belajar di Oundle School pada tahun 1980-1985. Selepas itu beliau memasuki Bristol University, England. Selepas mendapat ijazah pada tahun 1988-1989, beliau melanjutkan pelajarannya ke peringkat sarjana di University of Cambridge, England dalam bidang falsafah ekonomi dan pembangunan politik.

Semasa menuntut di Oundle School beliau adalah pengawas dan ketua pasukan ragbi serta kadet. Semasa menuntut di

Bristol University beliau cergas dalam pasukan bola sepak dan ragbi. Di situ juga beliau adalah Presiden Malaysia and Singapore Students Association dan ahli Marshall Economics Society. Semasa di University of Cambridge beliau adalah ahli Cambridge Union dan juga aktif dalam Malaysia and Singapore Students Association dan Marshall Economics Society.

Sekembalinya ke Malaysia beliau terus memasuki bidang perusahaan dan perdagangan. Beliau juga menceburi bidang perbankan dan menjadi pengarah dalam beberapa buah syarikat.

Bab 4

Razak – Timbalan yang Taat Setia

TUN RAZAK dilahirkan di sebuah kampung di Pekan, Pahang – Kampung Langgar. Beliau lahir dalam sebuah keluarga elit di Pahang. Bapanya adalah salah seorang Orang Besar Diraja Pahang. Selepas bapanya, Datuk Hussein, meninggal dunia, Tun Razak mewarisi gelaran bapanya – Orang Kaya Berempat Pahang. Keluarganya berhampir rapat dengan keluarga diraja Pahang. Kampung Langgar tempat beliau dilahirkan hanya lebih kurang lima batu dari bandar Pekan – bandar diraja.

Sungguhpun beliau lahir dari kerabat elit Pahang, tetapi Tun Razak dibesarkan oleh datuknya di kampung. Dengan dikelilingi oleh persekitaran kampung, maka Tun Razak sangat mengerti akan kesusahan dan keperluan rakyat kampung. Beliau mendapat pendidikan dari sekolah kampung di Pekan dan seterusnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar, sebelum ke Raffles College, Singapura dan ke peringkat universiti di London. Semasa menuntut, Tun Razak dapat berdamping rapat dengan Tunku Abdul Rahman. Tunku sudah pun berada di London semasa Tun Razak tiba untuk menyambung pelajarannya di United Kingdom. Tun Razak adalah seorang yang pintar dalam bidang akademik dan mendapat kelulusan yang cemerlang di London.

Sekembalinya ke Tanah Melayu, beliau menyandang jawatan tinggi di Pahang iaitu sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.

Beliau menjawat jawatan MAS (Malay Administrative Service) pada tahun 1939 dan MCS (Malay Civil Service) pada tahun 1949. Tun Razak juga dilantik sebagai ahli Majlis Persekutuan tidak rasmi hingga tahun 1955. Pada tahun yang sama, Tun Razak dilantik sebagai pemangku Menteri Besar Pahang. Tun Razak meletakkan jawatan kerajaan untuk bertanding dalam pilihan raya umum yang pertama pada tahun 1955 itu juga.

Perdana Menteri ketiga iaitu Tun Hussein Onn adalah biras Tun Razak. Isteri Tun Hussein, Tun Suhaila adalah anak kepada Tan Sri Mohd. Noah. Secara kebetulan, Tan Sri Mohd. Noah adalah Speaker yang pertama dalam Dewan Rakyat yang dipilih oleh rakyat.

Nama Allahyarham Tun Razak tidak hilang daripada gelanggang politik kerana anak sulungnya, Najib menceburi diri dalam politik. Begitu juga dengan nama Allahyarham Tun Hussein dalam bidang politik yang bersambung-sambung. Anaknya, Hishammuddin, bergerak aktif dalam UMNO dan menyandang jawatan Timbalan Menteri. Cuma anak Tunku Abdul Rahman tiada yang menceburi bidang politik.

Senarai dan susunan pengajian dan khidmat kerajaan Tun Razak adalah cemerlang.

Sekolah Rendah	:		Sekolah Melayu, Pekan, Pahang.
Sekolah Menengah	:		Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak.
Kolej	:	1940	Raffles College, Singapura.
Universiti	:	1947	United Kingdom.
	:	1949	Lulus peperiksaan akhir.
	:	1950	Dipanggil ke *English Bar.*
	:	1949	*Devonshire Course at Cambridge.*
	:	1939	MAS (Malay Administrative Service)
	:	1949	MCS (Malay Civil Service)
	:	1951	Dilantik secara tidak rasmi sebagai Ahli Majlis Persekutuan.
	:	1952	Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang.

: 1955 Pemangku Menteri Besar Pahang.

Sekembalinya ke tanah air dari England, Tun Razak berhadapan dengan 'krisis' dalam UMNO. Beliau menjadi ahli UMNO pada tahun 1950. UMNO menghadapi 'krisis' apabila Allahyarham Datuk Onn Jaafar ingin membuka pintu UMNO kepada semua bangsa dan keturunan. Saranan dan pendapat Datuk Onn itu bercanggah dengan pendapat UMNO, lalu beliau meninggalkan UMNO. Ketika 'krisis' UMNO itu, Tun Razaklah orang yang memujuk Tunku Abdul Rahman supaya memimpin UMNO. Mereka memang rakan karib ketika di London. Tun Razak menjadi Ketua Pemuda UMNO pada tahun 1950. Apabila Tunku menjadi Yang Dipertua UMNO pada tahun 1951 Tun Razak menjadi Timbalan Yang Dipertuanya.

Falsafah Tun Razak sebagai seorang timbalan menjadi sejarah dalam UMNO. Beliau menjadi Timbalan Yang Dipertua UMNO pada tahun 1950 selama 20 tahun dan beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri pada tahun 1957 untuk hampir 15 tahun. Tun Razak meninggalkan kedua-dua jawatan itu apabila Tunku bersara dari politik pada tahun 1971. Kedua-dua jawatan itu adalah jawatan nombor dua kepada Tunku Abdul Rahman. Dalam masa yang begitu lama, tidak kelihatan langsung beliau merasa bosan atau jemu dengan kedudukan yang sama. Beliau tetap menjalankan tugas seperti biasa dan tidak pun kurang semangatnya.

Personaliti Tun Razak menjadi contoh kepada ahli-ahli UMNO selepasnya. Pemimpin dalam parti datang dan pergi, tetapi parti tetap terus hidup untuk memelihara kedudukan negara dan rakyat.

Pemimpin-pemimpin UMNO pada zaman pimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak adalah ahli-ahli politik yang unik. Mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah. Mereka mempunyai ketahanan politik yang seimbang, mempunyai ketahanan pimpinan dan ketahanan cara berfikir. Di samping mengukur diri sendiri, mereka tetap menghargai kebolehan orang lain. Mereka berbincang sama sendiri secara sulit siapa

akan memegang apa jawatan dalam UMNO. Jawatan pucuk pemimpin UMNO biasanya dibahagikan kepada mereka yang layak dan yang sanggup menumpukan tenaga dan jiwa kepada jawatan. Dengan cara demikian, maka apabila tiba mesyuarat agung UMNO maka selalunya tidak pernah ada pertandingan jawatan-jawatan seperti Yang Dipertua (sekarang Presiden) dan Timbalan Yang Dipertua (Timbalan Presiden). Jawatan-jawatan itu sudah ada yang memegangnya dan mesyuarat agung UMNO mengesahkan sahaja bahawa jawatan-jawatan itu tidak ditandingkan. Proses ini selalu dilakukan oleh golongan ahli-ahli UMNO yang rapat dengan pucuk pemimpin. Mereka yang selalu dianggap sebagai *inner circle* merupakan golongan ahli UMNO yang ditugaskan mencari buah fikiran ahli-ahli biasa dan orang ramai. Dengan cara demikian, buah fikiran itu dibawa ke dalam *inner circle* dan dicurahkan pula kepada pucuk pemimpin untuk dijadikan topik mereka berfikir dan menentukan siapa yang bakal memegang jawatan dalam pucuk pemimpin UMNO.

Tun Razak sering menjadi tumpuan ahli-ahli UMNO. Beliau adalah contoh seorang yang taat kepada ketua dan sabar sebagai timbalan. Falsafah beliau senang sahaja. UMNO itu tidak boleh dikotak-katikkan. UMNO adalah payung bagi orang Melayu. UMNO adalah seperti mata air di atas gunung – bersih dan segar. Air itu mengalir turun mengikut lurah dan lumpur serta merayapi kawasan-kawasan yang kotor. Dengan pengaliran itu, maka air yang bersih menjadi kotor. Begitulah juga dengan UMNO. Parti itu bersih tetapi menjadi kotor apabila ahli-ahli UMNO mengotorkannya.

Tradisi pucuk pimpinan bersama-sama bertukar corak apabila Tun Razak tiada dalam UMNO. Allahyarham menyahut seruan Allah subhanahu wa taala pada tahun 1976. Apabila Allahyarham meninggalkan UMNO, maka tradisi 'bersemuka' menentukan tugas dalam UMNO yang telah dijalin selama beberapa tahun olehnya bersama Almarhum Tunku turut luput.

Semasa Tun Hussein menjadi Presiden UMNO, sudah mula timbul gerakan petak-petak dalam UMNO. Tun Hussein

pernah ditandingi dalam Perhimpunan Agung UMNO. Ada kumpulan dalam UMNO mencalonkan Sulaiman Palestin untuk menentang Tun Hussein. Dalam pertandingan ini, tidak ada kelihatan puak-puak itu. Sulaiman Palestin bergerak secara senyap-senyap dan seorang diri.

Pada Perhimpunan Agung UMNO tahun itu, Tun Hussein menang dengan undi yang besar dan Sulaiman Palestin menerima kekalahan itu dengan hati terbuka. Inilah kali pertama tradisi UMNO dipecahkan.

Tradisi pemilihan pucuk pemimpin UMNO berubah secara mendalam pada Ogos 1993 apabila satu kumpulan dalam UMNO menjatuhkan Tun Ghafar Baba. Proses pemilihan UMNO yang disemai oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mula hilang semua sekali. Calon yang menentang Tun Ghafar mengadakan *road show* untuk menjelajah ke utara, selatan, timur dan barat bagi mendapatkan penyokong. Golongan ini sudah mengaturkan strategi mereka. Dalam tiap-tiap Persidangan Agung bahagian, timbul agenda mencalonkan Timbalan Presiden, maka ada sahaja orang bangun untuk menamakan pencabar Tun Ghafar dan serta-merta seorang lagi mencadangkan pencalonan ditutup. Politik wang bermula secara mendalam pada tahun itu. Dengan demikian maka bahagian di seluruh tanah air tidak menamakan Tun Ghafar sebagai calon Timbalan Presiden. Dengan begitu kuatnya ombak pencalonan menimpa parti, maka tidak ada jalan lain bagi Tun Ghafar melainkan menarik diri daripada menjadi calon Timbalan Presiden.

Semenjak gerakan menjatuhkan Tun Ghafar bermula, maka politik wang pun mula menyusup masuk ke dalam UMNO. Kejatuhan Tun Ghafar memang tidak didapat diterima. Tun Ghafar telah menghabiskan hayat hidupnya berjuang dalam UMNO.

Tun Ghafar bersara dari kabinet. Apabila Datuk Seri Dr. Mahathir berhadapan dengan krisis dalam UMNO selepas Tan Sri Musa Hitam meninggalkan kabinet, Dr. Mahathir menjemput Tun Ghafar menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya Timbalan Presiden UMNO.

Tun Ghafar juga tampil ke hadapan untuk menyelesaikan krisis parti-parti dalam komponen Barisan Nasional. Pengorbanan Tun Ghafar dalam parti dan kerajaan tidak dapat diketepikan. Malangnya, dengan wujud kumpulan-kumpulan dalam UMNO, maka Tun Ghafar menghadapi nasib yang tidak diduga. Tidak ada pemimpin UMNO yang tampil ke hadapan untuk membantunya.

Politik wang ini bermula dari peringkat atasan. Politik wang mula menjadi seni perjuangan dalam UMNO. Amatlah susah hendak memadamkan seni politik wang ini kerana ia diwujudkan oleh pucuk pimpinan UMNO. Dengan kejatuhan Tun Ghafar maka wujudlah seni politik wang dalam UMNO dari peringkat cawangan, bahagian dan menjalar ke Majlis Kerja Tertinggi UMNO.

Seni politik UMNO inilah yang menjadi apa yang dipanggil *generation gap* antara ahli-ahli UMNO dulu dengan ahli-ahli UMNO sekarang dan yang akan datang. Seni politik wang ini mudah masuk ke darah daging ahli-ahli muda UMNO kerana ahli-ahli muda UMNO boleh dikatakan tidak mengetahui dan tidak menghargai jasa mereka yang terdahulu daripada mereka. Golongan UMNO zaman dulu boleh dikatakan selalu sahaja mengadakan 'kursus UMNO' ataupun *work camp UMNO* di setiap cawangan dan bahagian. Tetapi sekarang ahli-ahli UMNO yang mengadakan konvensyen UMNO lebih menumpukan kandungan perbahasan kepada bisnes dan ekonomi. Tidak kedengaran adanya kursus-kursus yang menumpukan kepada perjuangan UMNO atau perjuangan ahli-ahli UMNO yang terdiri daripada generasi dulu. Oleh kerana seni politik sudah menjadi begitu rupa, maka ahli-ahli UMNO terpaksa berjuang dengan zaman seni politik wang. Dengan demikian, maka mereka yang ada wang sahaja yang boleh menjadi pemimpin UMNO.

Mereka yang berada boleh menghantar ahli-ahli UMNO bersiar-siar di seberang laut atau untuk lebih selesa menganjurkan lawatan umrah ke Makkah. Dengan cara demikian, maka tidak akan ternampak mengalirnya wang tetapi matlamatnya masih untuk mendapatkan pengaruh di kalangan ahli-ahli UMNO.

Kedudukan *generation gap* dalam UMNO ini nampaknya sudah menjadi semacam cara hidup ahli-ahli UMNO. Keadaan ini tidak dapat dikawal kerana sebahagian besar ahli-ahli UMNO sekarang adalah terdiri daripada mereka yang lahir selepas merdeka. Mereka tidak melalui pengalaman pahit menuntut merdeka. Mereka tidak tahu bagaimana peritnya pemimpin-pemimpin dulu berjalan kaki ke kampung-kampung dan mendayung perahu mudik sungai untuk mendapatkan sokongan merdeka. Sebelum merdeka, matlamat atau tumpuan setiap ahli UMNO hanya satu – MERDEKA. Tiap-tiap ahli UMNO menggemakan pekikan 'MERDEKA' dan di samping itu menyemaikan semangat 'tolak ansur' di kalangan rakyat yang berbilang bangsa dan agama. Usaha dijalankan supaya semangat ini menjalar ke dalam sendi dan darah rakyat Malaysia (Malaya ketika itu). Orang Melayu sentiasa ditekankan bahawa mereka memerlukan orang bukan Melayu dan kepada orang bukan Melayu pula turut ditekankan bahawa mereka tidak boleh hidup di negeri ini jika tidak bersefahaman dengan orang Melayu.

Kedudukan *generation gap* dalam UMNO ini semakin tebal mengikut arus sejarah negara yang semakin jauh meninggalkan tarikh merdeka. Semakin jauh dari tarikh merdeka, maka semakin kuranglah semangat politik dalam jiwa ahli-ahli UMNO. Lama-kelamaan UMNO akan menjadi 'Pertubuhan Kebajikan' atau 'Pertubuhan Perniagaan'.

Laungan politik itu akan hanya timbul dalam pilihan raya umum ataupun pilihan raya kecil. Ini tidak dapat diketepikan selepas melihat bagaimana Tun Ghafar dijatuhkan. Jika ahli-ahli UMNO menghargai perjuangan ahli-ahli sebelum mereka, maka pemergian Tun Ghafar dari UMNO begitu menyakitkan.

Peristiwa menjatuhkan Tun Ghafar daripada pimpinan UMNO tidak mudah dilupakan terutama sekali oleh ahli-ahli UMNO yang lahir sebelum merdeka. Kedudukan Tun Ghafar dalam UMNO diibaratkan seperti lilin yang membakar diri untuk memberi sinaran cahaya kepada orang lain.

Tun Razak adalah seorang tokoh. Sifat sabar, tekun dan perjuangannya sudah semestinya menjadi contoh kepada generasi

muda dalam UMNO. Kewibawaannya merupakan 'tonggak emas' dalam UMNO ketika beliau menjadi Perdana Menteri. Sebagai timbalan pula, tidak dapat dicari ganti seorang seperti beliau menjadi timbalan yang berwibawa dan taat kepada pucuk pimpinan.

Semasa menjalankan tugas, sungguhpun sebagai timbalan kepada Tunku, beban beliau adalah dianggap lebih berat daripada seorang ketua utama. Kelebihan pimpinan UMNO di waktu itu juga unik. Tun Razak berada di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman yang sentiasa menganggap beliau sebagai *alter ego*nya. Di mana-mana sahaja Tunku tidak segan silu mengatakan bahawa Tun Razaklah akan menggantikannya apabila beliau meninggalkan jawatannya sebagai Yang Dipertua UMNO dan sebagai Perdana Menteri. Keikhlasan Tun Razak sebagai timbalan Tunku Abdul Rahman memang tidak boleh dibeli di mana-mana peringkat perjuangan UMNO.

Tun Razak adalah seorang pemimpin yang muda usianya tetapi beliau mempunyai gerak-geri sebagai orang tua. Setiap kali beliau keluar dari rumahnya, beliau tidak akan ketinggalan membawa tongkatnya dan apabila beliau melawat ke kampung-kampung, beliau akan sentiasa memakai *bush jacket* atau baju Melayu. Kalaupun beliau memakai *bush jacket*, tidak lupa memakai songkok, khususnya apabila melawat kampung. Pakaian demikian sudah tentulah menawan hati orang kampung. Tun Razak tidak pernah memakai kot dengan tali leher apabila melawat kampung-kampung. Inilah keistimewaannya. Beliau tahu menyesuaikan pakaian yang serasi dengan perasaan orang kampung.

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tun Razak memikul tanggungjawab yang banyak dan berat. Di samping memikul beban menteri kabinet, beliau juga mengambil tugas dalam kerja-kerja kebajikan dan sukan. Ini amat terbukti sebuah Stadium Hoki telah dibina di Jalan Duta dengan nama Stadium Hoki Tun Razak.

Pentadbiran Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak adalah bercorak konservatif. Wakil-wakil rakyat di peringkat negeri



Inilah gaya Tun Razak dengan tongkat, songkok dan bush jacket. *Gambar ini dirakamkan di Pekan, Pahang semasa kempen pilihan raya umum 1969.*

(Dewan Undangan Negeri) dan Parlimen (Dewan Rakyat) terdiri daripada mereka yang tekun dalam politik. Kebanyakan mereka yang bertanding di peringkat negeri dan Parlimen adalah guru-guru lepasan Maktab Perguruan Sultan Idris (sekarang dinaikkan taraf sebagai universiti), penghulu-penghulu dan pegawai-pegawai. Tidak ramai daripada mereka mempunyai ijazah kedoktoran. Dengan latar dan kedudukan sedemikian, maka mereka lebih menumpukan perhatian kepada tugas politik daripada perniagaan. Akhir-akhir ini ramai daripada wakil-wakil rakyat terdiri daripada mereka yang berkelulusan kedoktoran.

Mereka yang berlatar belakang kelulusan tinggi ini kebanyakannya mempunyai 'dua muka'. Satu muka politik manakala satu lagi muka perniagaan. Ada antara wakil-wakil rakyat datang menjengah kawasan pilihan raya pada masa pilihan raya sahaja. Selepas itu, mereka seperti berhijrah langsung ke Kuala Lumpur untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Inilah yang dianggap sebagai *generation gap*. Ternyata politik sekarang berlainan dengan politik dulu. Kebanyakan mereka yang masuk ke Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sekarang ini adalah mereka yang lahir selepas merdeka. Ada antara mereka yang tidak tahu langsung tentang cara-cara perjuangan kemerdekaan dulu. Mereka dilahirkan pada suasana merdeka, manakala pejuang-pejuang sebelum mereka dilahirkan pada zaman penjajahan dan perjuangan. Pejuang dulu terpaksa berjalan kaki dan menaiki basikal serta perahu berkempen untuk mendapatkan sokongan rakyat. Sekarang ini semua kemudahan atau infrastruktur asas sudah ada. Dalam masa beberapa tahun merdeka sahaja, tumpuan telah diberi kepada usaha membina jalan raya, jambatan, lampu elektrik, telekomunikasi dan kemudahan sosial yang lain.

Pemimpin-pemimpin dulu (yang sekarang dipanggil veteran) susah hendak menjadi wakil rakyat sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Parlimen. Mereka perlu melalui pilihan di peringkat cawangan dan bahagian UMNO. Selepas

itu barulah mereka mendapat pandangan dan pilihan dari peringkat pusat. Dengan kegetiran itu, maka mereka benar-benar insaf dan jujur memegang jawatan masing-masing serta memberi perhatian yang sungguh-sungguh kepada tugas. Jika tidak menjaga kawasan, maka akan bertalu-talu datang surat orang ramai mengadu kepada pucuk pimpinan.

Begitu juga dengan pelantikan ketua-ketua cawangan dan ketua-ketua bahagian UMNO. Pilihan itu adalah terbuka. Ahli bebas membuat keputusan. Soal bakal pemimpin menjelajah ke merata tempat tidak timbul. Tawaran untuk *sign credit card* di hotel-hotel, beli kereta atau menunaikan umrah langsung tidak timbul. Ahli-ahli UMNO yang dipanggil 'veteran' tidak mengerti akan makna politik wang. Perkataan politik wang tidak ada dalam kamus ahli-ahli 'veteran'.

Budaya politik wang hanya timbul di kalangan sesetengah ahli-ahli UMNO semasa mereka berusaha menjatuhkan Tun Ghafar dalam pemilihan UMNO 1993.

Sebelum itu perkataan 'politik wang' tidak timbul dalam kebudayaan UMNO. Dan 'politik wang' inilah juga yang menjadikan *generation gap* antara ahli-ahli 'veteran' UMNO dengan ahli-ahli UMNO yang dilahirkan selepas merdeka.

Kronologi jawatan-jawatan yang dipegang oleh Tun Razak:

1958	Dilantik Perdana Menteri kedua (Almarhum Tunku Abdul Rahman bersara sementara untuk berkempen Pilihan Raya Persekutuan).
1959	Dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar di samping memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan.
1962	Dilantik Timbalan Jawatankuasa Pembentukan Malaysia *(Inter-governmental Committee on Formation of Malaysia)*
1967-1969	Ditambah dengan portfolio Keselamatan Dalam Negeri.
16 Mei 1969	Selepas pilihan raya umum dan peristiwa 13 Mei 1969 dilantik pula sebagai Peng-

arah MAGERAN di bawah pemerintahan darurat selama 21 bulan hingga pemerintahan darurat ditarik balik dan Parlimen disambung semula pada bulan Februari 1971.

16 Mei 1969	Semasa menjadi Pengarah MAGERAN juga memegang jawatan sebagai Menteri Kewangan di bawah Kabinet Darurat.
1970 (22 September)	Dilantik sebagai Perdana Menteri apabila Tunku Abdul Rahman bersara. Di samping jawatan-jawatan yang ada Tun Razak juga memegang jawatan sebagai Menteri Luar dan Menteri Pertahanan.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar membawa Tun Razak ke peringkat bawah masyarakat yang miskin. Beliau menjelajah ke ceruk rantau kampung dan belukar untuk menemui rakyat dan memberikan projek yang diperlukan oleh rakyat di sesuatu tempat. Tun Razak menjelajah dengan jip, berbasikal, berjalan kaki, naik bot dan rumah rakit. Beliau dapat menggambarkan sendiri kedudukan tiap-tiap kampung itu dengan jelas. Beliau tahu apa yang diperlukan oleh rakyat. Di tiap-tiap daerah biasanya beliau mengadakan mesyuarat dengan pegawai-pegawai di daerah itu. Di tiap-tiap daerah dibuka bilik gerakan yang menunjukkan rancangan dan perkembangan projek-projek yang dijalankan di daerah itu.

Tumpuan utama adalah jalan-jalan raya, bekalan elektrik, bekalan air dan telefon. Di kampung-kampung juga digalakkan penubuhan 'Pasar Tani' supaya rakyat dapat menjual beli barang-barang kampung pada setiap minggu.

Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Razak telah mewujudkan satu garis panduan yang berupa Buku Merah. Dalam buku tersebut terkandung pelbagai projek mengikut peringkat yang ditentukan iaitu Buku Merah peringkat pusat, Buku Merah peringkat negeri dan Buku Merah peringkat daerah. Pegawai Daerah telah diarah supaya mengadakan mesyuarat mengenai kandungan Buku Merah itu.

Buku Merah merupakan satu panduan yang penting. Sejajar dengan buku itu, maka di setiap Pejabat Daerah diwujudkan satu bilik gerakan. Dalam bilik tersebut disediakan pelan-pelan yang menunjukkan projek-projek yang sedang dibina, yang akan dibina dan yang sudah siap dibina. Tumpuan utama Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu ialah mengenal pasti kawasan-kawasan tanah yang perlu dibuka untuk dijadikan rancangan FELDA. Mengikut program pembangunan luar bandar itu, FELCRA, FELDA dan RISDA adalah agensi yang mempelopori kerja-kerja ladang pertanian.

FELDA membuka kawasan-kawasan hutan untuk dijadikan rancangan FELDA. FELCRA ditumpukan kepada kawasan-kawasan tanah yang terbiar dan kawasan-kawasan kampung di bawah pemulihan semula manakala RISDA pula ditumpukan kepada program pekebun-pekebun kecil getah.

Di samping membuka kawasan-kawasan FELDA, Tun Razak juga berusaha membuka rancangan Kemajuan Wilayah. Program pembukaan Rancangan Pembangunan Wilayah ini menumpukan perhatian kepada perusahaan pertanian. Pembukaan kawasan-kawasan pembangunan wilayah yang besar adalah seperti Rancangan Kemajuan Jengka; Rancangan Kemajuan Dara; Rancangan Kemajuan Johor Tenggara (Johor); Rancangan Pembangunan Ketengah (Terengganu) dan Rancangan Kemajuan Wilayah Kesedar (Kelantan). Pembukaan kawasan-kawasan wilayah ini mengandungi kawasan perindustrian. Tiap-tiap kawasan kemajuan wilayah disertakan juga dengan kawasan perindustrian.

Pembukaan kawasan pembangunan wilayah yang disertakan dengan kawasan perindustrian bertujuan untuk membuka bandar dan kota serta kawasan-kawasan perindustrian berat di kawasan luar bandar. Slogan Tun Razak pada waktu itu ialah 'membandarkan' kawasan-kawasan luar bandar. Pembangunan industri di kawasan-kawasan luar bandar akan menyekat belia daripada berhijrah ke kawasan-kawasan bandar.

Kawasan bandar baru di kawasan-kawasan luar bandar ini juga akan menyekat kilang-kilang berat daripada terkumpul di

kawasan-kawasan yang sudah pun maju seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Dengan struktur demikian, maka dapatlah dielakkan kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Shah Alam, Johor dan Pulau Pinang daripada dipenuhi 'gerakan lepak', kesesakan jalan raya, kawasan rumah setinggan dan rumah kilat. Yang penting sekali ialah pembangunan kawasan wilayah ini akan dapat menyekat penduduk kampung daripada berhijrah ke bandar-bandar.

Dengan adanya rancangan kemajuan wilayah ini, maka segala kemajuan dan pembangunan baru ke kawasan-kawasan itu akan melimpah ke kawasan-kawasan kampung tradisional. Dengan demikian, kampung-kampung tradisional akan sentiasa hidup. Penduduk-penduduknya terus tinggal di kampung-kampung tradisional itu, dan suasana bandar akan dibawa ke kawasan-kawasan wilayah yang baru dibuka. Sebagai contoh ialah kawasan kemajuan wilayah DARA (Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara).

Kawasan ini meliputi seluruh daerah Pekan, di sebelah timur; Temerloh di sebelah barat dan Rompin di sebelah selatan. Daerah-daerah ini semuanya besar. Daerah-daerah ini mempunyai kampung-kampung tradisional. Dengan wujudnya Wilayah Pahang Tenggara maka kampung-kampung tradisional ini akan dapat dibangunkan. Pembangunan-pembangunan baru dalam Wilayah Pahang Tenggara akan melimpah ke kampung-kampung tradisional. Dengan demikian, kampung-kampung tradisional akan turut berubah corak.

Jika penduduk kampung tradisional ini berhijrah ke bandar-bandar sudah tentulah kampung-kampung tradisional ini akan beransur pupus, dan akan kembali menjadi hutan rimba. Biasanya apabila sampai masanya, penduduk-penduduk kampung tradisional ini akan balik ke kampungnya semula, iaitu selepas mereka pencen kerja di kawasan bandar.

Di samping DARA satu lagi pembangunan wilayah di Pahang yang dibuka ialah Wilayah Jengka; di Terengganu dipanggil Wilayah Ketengah; di Kelantan ialah Wilayah Kesedar, sementara di Johor dipanggil Kejora. Kesemua kawasan pembangunan

wilayah ini dilengkapkan dengan kawasan pertanian dan perindustrian. Fasa pertama ialah kawasan pembangunan pertanian dan fasa kedua pula ditumpukan kepada pembangunan perusahaan dan bandar.

Mengenai pembangunan wilayah DARA, Tun Razak berkata:

> 'Kawasan Pahang Tenggara ini ialah kawasan yang baharu dibuka, yang kita terpaksa buka dengan tenaga titik peluh kita, macam datuk nenek kita dahulu membuka kampung-kampung baru dengan titik peluh, dengan tumpah darah mereka. Jadi, kenalah kita sedikit sebanyak menerima kesukaran-kesukaran dan kesulitan-kesulitan. Ini kita mesti hadapi, kalau kita berkehendakkan kemajuan.
>
> 'Tujuan Kerajaan membuka kawasan-kawasan yang besar seperti Pahang Tenggara ini dan mengadakan bandar-bandar baru ialah untuk memberi peluang kepada saudara-saudara, kepada orang kita yang tidak ada peluang bekerja akan dapat pekerjaan yang sempurna, tempat kediaman yang sempurna dan mempunyai masa hadapan yang terjamin. Ini tujuan kita.'

Selain daripada memajukan pertanian dan perusahaan, pusat-pusat kemajuan dan bandar-bandar baru juga dirancang supaya peserta-pesertanya kelak bukan sahaja dapat tinggal dalam bandar-bandar dan menikmati kemudahan-kemudahan moden, malah mendapat pekerjaan dalam perusahaan-perusahaan dan ladang-ladang.

Beliau menumpukan seluruh jiwa raganya kepada pembangunan luar bandar untuk menjadikannya kawasan bandar dan membawa suasana bandar ke kawasan-kawasan kampung. Dengan demikian, kawasan-kawasan luar bandar dan kampung-kampung tradisional serta penduduk-penduduknya dapat menikmati suasana bandar. Dengan cara demikian juga dapatlah disekat penghijrahan penduduk kampung ke kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor.

Lawatan beliau ke kampung-kampung sentiasa diikuti oleh rombongan wartawan dari dalam dan luar negara. Dalam lawatan-lawatan itu, beliau sentiasa beramah mesra dengan para

wartawan dan pegawai-pegawai terutama sekali di tengah malam selepas makan malam. Wartawan-wartawan selalu dapat kesempatan bersembang dengan beliau dan meninjau buah fikiran dan visinya untuk masa depan.

Dalam satu lawatannya ke Pahang, beliau pernah tidur di atas rumah rakit. Beliau bertolak dari Temerloh pada waktu petang dengan menaiki rakit untuk menuju ke Pekan. Rumah rakit itu kepunyaan Almarhum Sultan Abu Bakar. Selepas makan malam yang singkat, beliau beramah mesra dan 'berceloteh' dengan wartawan dan pegawai-pegawai kerajaan. Dalam 'celoteh' itulah biasanya para wartawan-wartawan dapat menyelam apa yang terpendam dalam dadanya.

Beliau selalu menggambarkan tumpuannya untuk masa depan. Tujuannya yang besar adalah untuk menggantikan hutan belantara dari Kuala Pahang yang menyusul Banjaran Titiwangsa menuju ke Gunung Tahan dengan tanaman getah, kelapa sawit dan koko. Dengan demikian, maka estet getah dan kelapa sawit akan disulami dengan bandar-bandar baru untuk penduduk luar bandar.

Pembinaan bandar-bandar baru di kampung-kampung sudah tentu membawa suasana dan persekitaran bandar ke kampung-kampung dan memberi peluang kepada belia di kampung-kampung untuk menikmati hawa bandar. Mereka tidak perlu lagi pergi ke bandar untuk mendapatkan hiburan dan angin bandar.

Tun Razak adalah salah seorang pejuang kemerdekaan. Cara Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman serta pemimpin-pemimpin lain memupuk jiwa rakyat untuk bersatu padu bagi menuntut kemerdekaan ini bukanlah senang. Mereka terpaksa menjelajah ke seluruh negara untuk menemui rakyat. Mereka menaiki basikal, berjalan kaki, naik sampan dan perahu untuk menemui rakyat. Sebelum merdeka, tidak ada jalan raya di kawasan luar bandar. Untuk ke Pantai Timur dari Kuala Lumpur, mereka terpaksa menaiki feri menyeberang sungai.

Tidak kurang daripada tiga belas feri yang harus dinaiki untuk sampai ke Pantai Timur. Dengan kesusahan dan



Tiga serangkai memulakan perjuangan menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Dari kiri, Tun Dr. Ismail, Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman.

penderitaan rakyat yang sentiasa ada dalam fikiran Tun Razak maka senanglah beliau memikirkan projek-projek bagi kemakmuran rakyatnya. Sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tun Razak dengan segala jiwa raganya berusaha mengisi kemerdekaan supaya kemerdekaan tanah air itu sesuai dan serasi dengan keperluan rakyat. Usaha mengisi kemerdekaan ini memanglah satu projek jangka panjang.

Tun Razak menumpukan usaha kepada tugas memberi taraf hidup yang baik kepada rakyat luar bandar. Dengan demikian, rakyat luar bandar dapat menikmati atau hampir-hampir menikmati kemudahan yang sebelumnya dinikmati oleh penduduk di bandar saja. Inilah idaman beliau.

Rancangan Buku Merah atau Rancangan Pembangunan Luar Bandar adalah satu subjek yang memberi kesan di negara-negara jiran. Ada universiti yang menelaahnya. Begitulah kesannya Rancangan Pembangunan Luar Bandar ciptaan Tun Razak. Semasa Suruhanjaya Cobbold membuat siasatan mengenai fikiran rakyat di Sarawak dan Sabah, ia mendapati di samping pemimpin-pemimpin yang berkaliber dan antikomunis, Projek Rancangan Pembangunan Luar Bandar itu merupakan satu tarikan utama kepada penduduk luar bandar di negeri-negeri itu untuk memasuki Malaysia, di samping kuatnya imej Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak sendiri. Jelaslah bahawa penduduk di kawasan-kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak itu 'dahaga' kepada pembangunan raksaksa seperti itu, dan sokongan serta sikap penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak terhadap Rancangan Pembangunan Luar Bandar Malaysia itu merupakan satu topik yang hangat di kalangan mereka dan ini disampaikan kepada Suruhanjaya Cobbold.

Suruhanjaya itu mendapati buah fikiran rakyat luar bandar di Sabah dan Sarawak itu adalah bebas dan tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh.

Tun Razak sangat mengambil berat atas perpaduan Melayu dan perpaduan politik Melayu. Orang Melayu menganggap beliau sebagai 'tunjang Melayu'. Beliau bekerja keras untuk menyesuaikan perjuangan UMNO dengan parti Melayu di luar UMNO.

Dengan kejujurannya itu, maka rundingan diadakan dengan pemimpin-pemimpin PAS (Parti Islam Se-Tanah Melayu). Pada mulanya rundingan-rundingan itu diadakan secara tidak rasmi dan tidak serius. Tapi lama-kelamaan rundingan yang tidak rasmi itu meningkat menjadi serius sehingga akhirnya dapat diterima oleh pemimpin-pemimpin PAS, khasnya Datuk Asri Muda. Semasa pemerintahan Tun Razaklah, UMNO dan PAS bergabung. Dengan bergabungnya UMNO dan PAS, maka Perikatan (UMNO-MCA-MIC) diubah menjadi Barisan Nasional. Dengan bergabungnya UMNO dengan PAS, Datuk Asri Muda dilantik menjadi Menteri Kabinet Persekutuan. Dengan gabungan itu, ahli-ahli PAS yang sebelum itu gemar mengguna dan membuat tuduhan 'kafir' kepada ahli-ahli UMNO pun turut berhenti bersengketa.

Bab 5

Pendidikan Dahulu dan Sekarang

SISTEM pelajaran British di negara ini adalah berlainan sekali daripada apa yang diperoleh di bawah dasar pelajaran kebangsaan selepas merdeka. Sistem pelajaran British dulu boleh diibaratkan sebagai piramid iaitu jumlah yang masuk ke darjah bawah atau permulaan adalah besar tetapi yang lulus di peringkat Darjah Sembilan (Overseas School Certificate of Education) iaitu peringkat atas adalah terlalu kecil.

Mengikut sistem ini, tiap-tiap tahun diadakan peperiksaan naik darjah. Proses ini menggugurkan sebahagian murid-murid pada tiap-tiap tahun dan jumlah yang sampai ke peringkat Darjah Sembilan dan yang lulus adalah kecil sangat jumlahnya. Yang banyak gugur ialah di peringkat Junior Cambridge iaitu darjah lapan ke bawah.

Di Pahang misalnya, sebelum Perang Dunia Kedua dan beberapa tahun selepas perang, hanya ada sebuah sekolah yang menyediakan peperiksaan Darjah Sembilan iaitu Clifford School, Kuala Lipis. Sekolah-sekolah yang lain seperti di Raub, Bentong, Temerloh dan Kuantan semuanya hingga ke peringkat Darjah Lapan.

Mengikut sistem ini juga murid-murid yang lulus darjah lima sekolah Melayu dimasukkan ke kelas khas yang dipanggil *Special Malay Class* (SMC) dan yang lulus dalam peperiksaan hujung tahun itu dinaikkan ke *Special Malay Class II.* Dari *Special Malay*

Class II, ada antara mereka melompat darjah ke Darjah Lima atau Darjah Empat mengikut keputusan peperiksaan tahun itu. Mereka ini akan memasuki peperiksaan Overseas Senior Cambridge dalam masa tujuh atau lapan tahun jika lulus peperiksaan pada tiap-tiap tahun.

Murid-murid bukan dari sekolah Melayu dan terus ke sekolah Inggeris bermula dari kelas yang dipanggil *Primary 1* dan *Primary II* dan selepas itu naik ke Darjah Satu hinggalah ke Darjah Sembilan. Ini bermakna murid-murid dari sekolah Melayu berada dalam sekolah Inggeris hanya selama tujuh atau lapan tahun manakala murid-murid yang terus masuk ke sekolah Inggeris mengambil masa selama 11 tahun.

Anak-anak Melayu terpaksa memasuki sekolah Melayu dulu untuk belajar bahasa ibunda dan juga mengikuti sekolah al-Quran. Dengan demikian, murid-murid dari sekolah Melayu adalah lemah dalam bahasa Inggeris dibandingkan dengan murid-murid yang terus masuk ke sekolah Inggeris iaitu kebanyakan anak-anak bukan Melayu. Sungguhpun mereka (yang dari sekolah Melayu) dapat menguasai serta mendapat markah tinggi di peringkat peperiksaan Senior Cambridge dalam mata-mata pelajaran yang lain tetapi bahasa Inggeris itulah yang menjadi syarat mutlak untuk memasuki kelas persediaan ke universiti atau yang selalu dipanggil Tingkatan Enam.

Mengikut sistem British ini, pelajar yang gagal dalam peperiksaan tahunan akan diberi peluang untuk mengulang darjah. Mereka yang datang dari kampung tidak berpeluang untuk mengulang dan terpaksa balik ke kampung atas desakan ekonomi. Kebanyakan mereka menjadi the *dropouts* di bawah sistem British. Jika mereka itu gagal peperiksaan tahun di Darjah Satu atau Dua dan tidak mengulang darjah maka ini bermakna bertambahlah jumlah mereka yang buta huruf di kampung-kampung yang kebanyakannya terdiri daripada anak-anak Melayu.

Selepas merdeka, di bawah pimpinan Tun Razak, kerajaan mengadakan peruntukan khas mengadakan kelas-kelas dewasa untuk membolehkan mereka yang tercicir belajar membaca dan

menulis. Kelas-kelas dewasa ini memang besar faedahnya dari segi mengurangkan jumlah buta huruf di negara ini. Hasilnya, ramai murid kelas dewasa dapat menyamai tahap pendidikan murid-murid yang keluar di bawah sistem pelajaran formal.

Dengan adanya kelas dewasa maka semakin kuranglah jumlah buta huruf ini di kalangan orang tua. Jika kita mengambil sedikit masa dan renungkan perbezaan sistem pelajaran British di negara ini dengan sistem pelajaran di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan, maka barulah kita sedar betapa daifnya duduk di bawah kerajaan penjajah.

Dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan diwujudkan sistem *automatic promotion* dari Darjah Satu hingga ke peperiksaan pertama 'naik atau berhenti' di peringkat Sijil Rendah Pelajaran.

Oleh yang demikian seseorang itu dijamin dapat menuntut ilmu selama sembilan tahun. Kalaupun mereka menjadi seorang petani atau penoreh getah mereka masih tetap boleh membaca surat khabar dan naskhah pertanian yang boleh menolong mereka membaiki kerja-kerjanya. Dengan perkataan lain, mereka boleh menjadi petani moden.

Dasar Pelajaran Kebangsaan mempunyai kesan jangka panjang. Di samping memupuk generasi muda dengan bahasa kebangsaan sebagai 'bahasa ibunda', Dasar Pelajaran Kebangsaan itu juga sebenarnya menyekat buta huruf di kalangan generasi muda dengan mewujudkan dasar naik darjah secara automatik sekurang-kurangnya selama sembilan tahun. Malah Dasar Pelajaran Kebangsaan itu juga menggalakkan mereka yang kaya mewujudkan sekolah-sekolah dan institusi tinggi dan universiti swasta di Malaysia. Universiti-universiti berkembar dengan universiti-universiti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia tumbuh di Malaysia hasil daripada Dasar Pelajaran Kebangsaan itu.

Penubuhan universiti dan institusi tinggi swasta di Malaysia menunjukkan Malaysia boleh dijadikan tapak pendidikan untuk negara-negara di rantau ini. Apa yang penting ialah menjamin mutu institusi-institusi ini supaya tidak timbul soal kredibiliti. Jika pusat-pusat institusi dan universiti swasta ini dapat me-

ngekalkan tarafnya seperti di United Kingdom, maka pendidikan di Malaysia dapat membantu meninggikan ekonomi negara dengan membawa masuk penuntut dari luar negara yang dengan sendirinya dapat menambah aliran kemasukan mata wang luar ke Malaysia.

Generasi muda sekarang menganggap nasib pelajar-pelajar zaman penjajah dulu sebagai cerita dongeng sahaja. Sekarang ini boleh dikatakan tidak ada lagi murid-murid yang belajar di rumah dengan bersila atas lantai menggunakan pelita minyak gas. Murid-murid sekarang belajar di bawah cahaya lampu elektrik. Sekarang, mereka yang miskin dibantu. Mereka diberi bantuan buku-buku percuma, derma-derma dan sekolah berasrama dibina di merata-rata ceruk negara ini. Kalau pada zaman penjajah dulu anak-anak orang kaya sahaja mendapat peluang meneruskan pelajaran ke peringkat atas atau ke universiti tetapi sekarang ini adalah menjadi perkara biasa anak-anak keluarga penoreh getah atau nelayan atau petani dapat melangkah kaki ke universiti dalam dan luar negara.

Apabila kerajaan negara ini ditadbirkan oleh anak watan sendiri maka didapati jumlah buta huruf di kalangan keluarga Melayu hampir-hampir separuh daripada penduduk Malaya pada waktu itu. Mereka yang gugur dari sekolah-sekolah tidak pula gugur 'nafsu hidup'nya. Mereka hendak berumah tangga. Jika ibu bapa dalam satu keluarga itu terdiri daripada buta huruf, maka soal memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk menuntut ilmu sekadar untuk tahu membaca dan menulis sahaja. Mereka lebih memerlukan tenaga anak-anak untuk membantu keluarga mencari nafkah harian untuk menampung keperluan keluarga. Ada sesetengah murid-murid itu menjual pisang goreng dan nasi lemak sebelum pergi ke sekolah.

Dengan jumlah buta huruf begitu ramai, kerajaan merasakan bertanggungjawab untuk memberi peluang kepada mereka yang buta huruf dan mereka yang tidak bersekolah langsung pada zaman penjajah dulu untuk 'bersekolah' sungguhpun sudah lanjut usia dan sudah berumah tangga. Dengan memberi

peluang itu maka golongan buta huruf ini dapat merasa dunia persekolahan yang mereka tidak rasai pada zaman penjajah dulu.

Menjadi perkara biasa untuk parti-parti politik dalam ceramah-ceramahnya mengajar pengundi-pengundi untuk memangkah calon-calon yang mereka kehendaki. Generasi buta huruf itu sekarang bolehlah dikatakan sudah berkurangan dengan adanya peralihan zaman dan kempen-kempen pilihan raya dalam ceramah-ceramah 'memancing undi'. Soal memangkah kertas undi tidak lagi menjadi topik utama.

Selepas merdeka, jabatan kelas dewasa telah ditubuhkan dan diletak dalam satu kementerian di bawah Tun Razak. Kelas-kelas dewasa dibuka di kampung-kampung. Tujuannya untuk memberi peluang kepada mereka ini. Kelas-kelas ini tidak dikenakan syarat yang ketat. Di sesetengah kampung ibu-ibu mendukung anak-anak untuk menghadiri kelas. Ibu dan bapa pula bersama-sama dengan anak-anak yang masih kecil duduk bersama-sama dalam kelas itu.

Di sesetengah kampung, nenek-nenek pun masuk kelas dewasa. Ada yang membawa bekas sireh dan rokok pucuk dan ada pula yang balik ke rumah semasa sedang belajar kerana teringat satu-satu perkara yang perlu diselesaikan.

Dasar Pelajaran Kebangsaan merupakan pil *quinine* kepada usaha membasmi buta huruf di negara kita. Perbezaan antara sistem pelajaran penjajah dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan adalah besar. Tujuan sistem pelajaran British semata-mata untuk menghasilkan beberapa orang belia mendapat peluang belajar hingga ke peringkat atas. Dengan. demikian, pihak kerajaan British di Malaya waktu itu tidak perlu menyediakan banyak pekerjaan kepada belia. Tetapi di bawah Dasar Pelajaran Kebangsaan, peluang belajar itu terbuka kepada semua pemuda dan pemudi – sama ada dari keluarga kaya atau miskin, dari dalam atau luar bandar.

Begitu juga dengan soal membasmi buta huruf. Dengan adanya naik darjah secara automatik dari Darjah Satu hingga ke peringkat Sijil Rendah Pelajaran (SRP) bermakna seseorang



Tun Razak dan Tan Sri Ghazali Shafie, dua orang anak Melayu yang menjadi inspirasi untuk orang Melayu mencapai kejayaan. Gambar ini diambil pada tahun 1963 sebelum Tun Razak dan rombongannya bertolak ke London untuk merundingkan pembentukan Malaysia.

murid itu mempunyai ilmu dalam dadanya selama sembilan tahun – enam tahun di peringkat persekolahan rendah dan tiga tahun di peringkat menengah rendah. Peperiksaan pertama berhenti atau terus naik ke atas ialah di peringkat SRP (Tingkatan Tiga).

Dengan adanya jaminan persekolahan selama sekurang-kurangnya sembilan tahun bagi seseorang murid kita dapat menyekat perkembangan jumlah buta huruf.

Dengan ilmu yang demikian, walaupun mereka menjadi kaum tani, mereka adalah kaum tani atau nelayan yang terpelajar dan berupaya mengikuti perkembangan-perkembangan perusahaan dan perikanan. Oleh itu, mereka dapat meninggikan produktiviti.

Bab 6

Tun Razak – Menteri Pelajaran Pertama

UNITED KINGDOM mempunyai tanah jajahan takluk yang luas sebelum Perang Dunia Kedua. Negeri-negeri di bawah takluk British terbentang dari Asia, Timur Tengah hingga ke Afrika. Negeri-negeri tanah jajahan British ini semuanya kaya-raya dengan hasil semula jadi seperti bijih timah, emas, minyak, logam dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan hasil perhutanan. Dalam hasil mahsul ini, Tanah Melayu sebenarnya tidak kurang kekayaannya yang dijadikan sumbangan kepada kekayaan Empayar British. Tanah Melayu mengeluarkan bijih timah, emas, bijih besi, balak dan hasil-hasil perhutanan yang lain. Tanah Melayu adalah pengeluar utama getah asli di dunia. Barang-barang ini ada yang digali, ditebang hutan rimba dan ditoreh pokok-pokoknya seperti getah.

Kesemuanya dibawa balik ke England atau ke negara-negara bersekutu dengan England untuk diproses dan dijadikan apa juga bahan yang diperlukan. Ada banyak kilang yang memproses hasil mahsul ini menjadi barangan yang siap untuk dieksport. Semua barangan siap yang diproses dan dikilang dibawa masuk ke Tanah Melayu. Soal melatih pakar-pakar dalam bidang-bidang ini secara khas tidak ada. Kalaupun ada latihan diberi kepada anak-anak negeri ini hanya terhad kepada peringkat juruteknik atau setakat kolej sahaja dan tidak ke

peringkat ijazah. Semua ketua bahagian pentadbiran dalam bidang teknikal diketuai oleh orang kulit putih.

Dalam pada itu satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah latihan pegawai-pegawai tadbir. Kerajaan British mengatur struktur pentadbiran Tanah Melayu mengikut sistem di England. Ramai anak Melayu dilatih menjadi pegawai-pegawai tadbir yang dipanggil Malay Civil Service (MSC). Mereka bermula dari tingkat bawah dan naik pangkat satu tangga demi satu tangga. Ada anak-anak Melayu dihantar ke United Kingdom untuk mengikuti kursus-kursus khas dalam pentadbiran.

Dengan adanya pegawai-pegawai tadbir yang terlatih di peringkat bawah, selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, dapat dijalankan perubahan pentadbiran dengan licin. Dasar itu dipanggil *Malaynisation Policy* (menggantikan pegawai-pegawai kulit putih dengan anak tempatan).

Hingga beberapa tahun selepas merdeka, warisan pentadbiran itu masih cekap dan tersusun. Nyata bahawa sistem pentadbiran di negara ini adalah antara beberapa buah negara sahaja di kalangan bekas tanah-tanah jajahan takluk penjajah yang berjalan lancar. Apatah lagi jika dibandingkan dengan amalan di sesetengah negara di Afrika yang di bawah penjajahan seperti di Kongo (bukan penjajahan British) yang terbukti sistemnya berkecai.

Selepas Perang Dunia Kedua, ramai anak Melayu ke United Kingdom untuk mengikuti kursus-kursus khas dalam bidang pentadbiran ataupun memasuki universiti-universiti. Bagi negeri Pahang, mereka yang terkemuka ialah Tun Razak, Ghazali Shafie dan beberapa orang lagi.

Bagi Tun Razak, di Englandlah beliau mula mesra dan menjalin persahabatan karib dengan Tunku Abdul Rahman. Kepada Tun Razak, England merupakan tempat yang baru, sementara Tunku Abdul Rahman pula sudah menganggap England sebagai tempat beliau bermain. Tunku Abdul Rahman berada serentak di England bersama dengan Tun Razak pada kali yang kedua untuk menamatkan pengajiannya dalam ilmu undang-undang. Tunku Abdul Rahman boleh dianggap oleh

Tun Razak sebagai bapa kerana pada masa itu Tunku sudah pun berumur, manakala Tun Razak masih muda. Persahabatan mereka semakin lama semakin erat. Mungkin ini berlaku kerana kedua-duanya datang dari keluarga atasan dan pembesar istana. Tali persahabatan mereka berdua diibaratkan 'aur dengan tebing' sehingga apabila Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri pertama Tanah Melayu dan Tun Razak timbalannya, maka Tunku sentiasa mengiaskan Tun Razak sebagai *alter ego*nya.

Semasa di England selepas perang, anak-anak Melayu menubuhkan satu badan supaya mereka dapat berkumpul dan berbincang. Tanpa sebuah badan seperti itu, mereka akan merasa terpencil kerana jumlah anak-anak Melayu di England pada waktu itu sangat kecil. Dengan adanya perjumpaan sekali-sekala, maka hilanglah rindu terhadap kampung halaman.

Tun Razak mempunyai cita-citanya yang tersendiri. Beliau tertarik dan berminat dengan penuntut-penuntut yang sentiasa membincangkan soal kemerdekaan benua India (sekarang India, Pakistan dan Bangladesh). Latar belakangnya dalam pemerintahan Jepun di Malaysia menyebabkan Tun Razak tahu pahit maungnya penderitaan rakyat. Di England, beliau dapat membezakan kehidupan rakyat sebagai sebuah negara yang merdeka.

Penuntut-penuntut India dan pemimpin-pemimpin mereka di tanah air berjuang bermati-matian untuk membebaskan tanah air mereka. Begitu juga dengan Tunku Abdul Rahman. Perjuangan Tunku dalam masa pemerintahan Jepun di Kedah sebagai pegawai daerah untuk membela nasib rakyat yang menderita bukan sahaja menjadi berita untuk orang Kedah. Buruh-buruh Keretapi Maut dan orang pelarian ke Alor Setar memang menyebarkan berita tentang perjuangan Tunku untuk menyelamatkan masyarakat di Kedah terutama sekali pada masa pemerintahan Bintang Tiga.

Ahli-ahli pemerintahan Bintang Tiga bukan semuanya menyokong pasukan Force 136. Mereka itu terdiri daripada orang Cina dan menganut falsafah komunisme. Mereka ingin menawan negara ini dan mewujudkan pemerintahan komunis.

Orang Melayu menanti-nantikan Jepun menyerah diri dan British boleh ke Malaysia. Dengan demikian, sebelum British mendarat semula di Malaya, dalam masa 14 hari, pemerintahan Bintang Tiga berusaha hendak mengambil alih pemerintahan dengan menawan negeri-negeri dalam Malaya. Dengan adanya semangat Islam yang tidak sealiran dengan fahaman komunis, maka orang Melayu tidak dapat menerima Bintang Tiga. Di sesetengah tempat seperti di Raub, Bentong, Temerloh di Pahang memang ramai orang Melayu terkorban akibat bertempur dengan gerila Bintang Tiga. Apabila pemerintahan British Military Administration (BMA) menguasai semula Malaya, ahli-ahli Bintang Tiga itu lari masuk hutan. Mereka ini kemudian menjadi teras kepada Communist Party of Malaya (CPM).

Dengan pengalaman yang sama dan cita-cita yang satu, maka Tun Razak dengan Tunku Abdul Rahman bergabung fikiran dalam satu *caucus politic* untuk membincangkan cara-cara bagi mendapatkan kemerdekaan untuk Malaya.

Tun Razak memainkan peranan penting dalam *caucus* penuntut di United Kingdom (Society of Malay Students, Great Britain). Penuntut-penuntut Melayu di United Kingdom menggunakan *caucus* ini sebagai tempat berkumpul, bermesyuarat dan berunding.

Bagi *caucus* anak Melayu di United Kingdom, khasnya Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman serta beberapa orang yang lain, mereka menimba pengalaman daripada pejuang-pejuang India dan membawa balik pengalaman tersebut ke tanah air. Memanglah susah bagi mereka hendak berkumpul. Tun Razak di Pahang, Tun Dr. Ismail di Johor sementara Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur.

Di negara-negara seperti United Kingdom, Perancis, Amerika Syarikat dan lain-lain negara yang bercorak demokrasi di Barat, perbincangan politik atau sebarang perbincangan lain memang bebas diadakan di bawah konsep kebebasan bersuara. Negara-negara itu sudah lama menikmati zaman tamadun maka rakyatnya juga menggunakan hak asasi manusia secara terbuka. Rakyatnya begitu sensitif terhadap satu-satu isu yang melibatkan

diri dan kehidupan mereka. Mereka menggunakan hak asasi itu dengan mengadakan pertubuhan-pertubuhan, kesatuan-kesatuan dan badan-badan tertentu. Misalnya, kaum buruh mengadakan kesatuannya, kaum tani dengan pertubuhan peladang dan kaum nelayan dengan pertubuhan nelayannya.

Mereka boleh bersuara bebas dan menggunakan badan-badan dan pertubuhan-pertubuhan itu sebagai kumpulan pendesak dan pasukan lobi. Badan-badan ini bebas mengkritik kerajaan kerana mereka dibiayai oleh ahli-ahlinya sendiri dan tidak bergantung kepada bantuan atau sokongan pihak pemerintah.

Di England misalnya, sudah menjadi satu kebiasaan mereka yang tidak puas hati akan mencurahkan buah fikiran dan geram di tempat-tempat yang tertentu misalnya di Hyde Park Corner. Di Amerika Syarikat, ada sahaja kumpulan-kumpulan yang membawa pelekat atau poster berkeliling di hadapan White House untuk meluahkan perasaan atau bantahan masing-masing.

Negara-negara seperti United Kingdom, Perancis dan Amerika Syarikat sudah menjadi tempat pemimpin-pemimpin luar negeri yang gagal atau digulingkan datang untuk mengatur tapak perjuangan. Ayatollah Khomeini misalnya adalah seorang pemimpin buangan yang berjaya mengatur strategi perjuangannya di Paris bagi menggulingkan Shah Iran. Beliau telah melantik 'kader-kader' politiknya di Teheran semasa negara itu di bawah pemerintahan Shah Iran.

Banyak lagi pemimpin politik yang mengatur strateginya di luar negara tetapi strategi yang diatur oleh Ayatollah Khomeini sangat menarik perhatian dunia. Beliau menaiki sebuah kapal terbang khas dari Paris dan setibanya di lapangan terbang Iran, beliau disambut oleh rakyat. Apabila Ayatollah Khomeini tiba, Shah Iran sudah pun meninggalkan negara itu dan mencari perlindungan politik di negara jiran.

Benigno Aquino dari Filipina juga mengatur strateginya di luar negeri tetapi setibanya di lapangan terbang beliau ditembak mati. Isterinya Corazón Aquino meneruskan perjuangannya

dan dalam satu pilihan raya umum, yang penuh dengan kekecohan, Corazón diisytiharkan menang dan menjadi Presiden. Walau bagaimanapun, beliau mengundur diri selepas satu penggal.

Di Pakistan pula, anak perempuan kepada bekas presiden dan perdana menteri Zulfikar Ali Bhutto (yang telah dihukum bunuh), Benazir Bhutto mengatur strateginya di England. Beliau balik ke tanah air selepas ayahnya dihukum mati. Benazir juga menang pilihan raya umum Pakistan tetapi sebelum beliau tamat tempoh pemerintahannya, Presiden negara itu membubarkan Parlimen. Parti Benazir Bhutto kemudian tewas dalam pilihan raya yang diadakan. Beliau adalah wanita pertama menjadi pemimpin di sebuah negara Islam.

Bagi anak-anak Melayu yang menuntut di United Kingdom selepas Perang Dunia Kedua, khasnya Tun Razak, mereka juga mengatur strategi politiknya untuk membebaskan Malaya daripada pemerintahan British. Mereka mengatur langkah dan strateginya mengikut proses dan lunas demokrasi. Apabila mereka kembali ke tanah airnya dalam tahun 50-an, mereka terus menyertai gerakan UMNO yang ditubuhkan dalam satu kongres pemimpin-pemimpin Melayu pada tahun 1946. Semasa Tun Razak, Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr. Ismail pulang ke tanah air, UMNO yang dipimpin oleh Datuk Onn Jaafar sudah mula retak.

Caucus politik yang dipelopori oleh Tun Razak dan Tunku semasa di United Kingdom terus bergerak di Kuala Lumpur. Mereka berbincang dan merancang di Kuala Lumpur. Namun agak sukar bagi mereka untuk berunding kerana Tunku Abdul Rahman bertugas di Kuala Lumpur, Tun Razak bertugas sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang di Kuala Lipis (Kuala Lipis ibu negeri Pahang di waktu itu), manakala Tun Dr. Ismail pula menjadi doktor perubatan di Johor Bahru.

Apabila Datuk Onn bercadang hendak membuka pintu UMNO kepada orang bukan Melayu, maka ahli-ahli pertubuhan itu mula bercanggah. Ada yang bersetuju dan ada yang menentang. Bagi Tun Razak, beliau meluaskan *caucus* politiknya

di peringkat negeri. Mereka termasuklah Ghafar Baba (Melaka), Mohd. Khir Johari (Kedah), Ghazali Jawi, Bahaman Shamsuddin (Perak), Tengku Indri Petra (Kelantan), Sheikh Ahmad (Perlis), Datuk Ibrahim Fikri (Terengganu), Ahmad Badawi, Ibrahim Abdul Rahman dan Aziz Ibrahim (Pulau Pinang) dan lain-lain lagi. Mereka mempunyai penyokong masing-masing.

Apabila krisis dalam UMNO memuncak, Datuk Onn yang konsepnya tidak mendapat sokongan mengumumkan hasratnya untuk meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO. Tun Razak menggunakan kesempatan itu untuk mengambil alih UMNO. Tun Razak menggunakan *caucus*nya dan mereka bersetuju agar Tunku mengambil alih UMNO. Satu rombongan yang diketuai oleh Tun Razak menemui dan memujuk Tunku untuk mengambil alih UMNO. Tunku Abdul Rahman yang sudah pun ditunjuk oleh kerajaan British untuk menjadi hakim pada masa itu menerima desakan Tun Razak.

Dalam satu persidangan agung khas UMNO pada tahun 1951, Tunku dengan rasminya dipilih menjadi Yang Dipertua UMNO menggantikan Datuk Onn dan atas usaha Datuk Onn kemudiannya, Parti Negara ditubuhkan dengan ahli-ahlinya terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Sementara itu, Tunku Abdul Rahman meneruskan perjuangan UMNO menyatukan orang Melayu.

Mereka yang menyokong Datuk Onn keluar UMNO dan memasuki Parti Negara. Datuk Onn pada masa itu sudah dilantik oleh kerajaan British sebagai *Member of Internal Affairs* (ahli kabinet High Commissioner General Templer). Oleh kerana Datuk Onn merupakan seorang pemimpin Melayu yang diakui oleh pihak British, maka boleh dikatakan pegawai-pegawai tinggi kerajaan termasuk beberapa orang Menteri Besar terpaksa menyokong pimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak secara senyap-senyap.

Krisis UMNO pada waktu itu lebih dahsyat daripada krisis UMNO tahun 1987 iaitu perselisihan faham antara Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Pengikut-pengikut Tengku Razaleigh keluar UMNO beramai-ramai dan menubuhkan Parti Semangat 46. Pemohonan untuk menamakan parti itu sebagai UMNO 46 telah ditolak oleh kerajaan pimpinan Dr. Mahathir. Dalam perhimpunan agung UMNO tahun 1987 Dr. Mahathir telah mengalahkan Tengku Razaleigh dengan kelebihan 42 undi, manakala Ghafar Baba mengalahkan Datuk Musa Hitam dengan kelebihan undi yang sedikit sahaja.

Selepas Tunku Abdul Rahman mengambil alih UMNO, Tun Razak meninggalkan jawatannya dalam kerajaan untuk menumpukan sepenuh masa menyusun UMNO. Tunku berjuang dengan diapit oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail sebagai orang kanannya.

Mereka menggariskan manifesto politik mendesak kerajaan British memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu. Slogan UMNO pada waktu itu ialah MERDEKA.

Dalam masa yang agak singkat, UMNO menjadi sebuah parti yang kuat. UMNO mendesak diadakan pilihan raya di Tanah Melayu. Memang diduga pihak British tidak bersetuju. Memandangkan kedudukan UMNO semakin kuat di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, maka pilihan raya di peringkat Majlis Tempatan (Municipal Council) Kuala Lumpur telah diadakan pada tahun 1952. UMNO memenangi semua kerusi yang dipertandingkan. Semangat UMNO berkobar-kobar dan slogan MERDEKA kedengaran di seluruh pelosok Tanah Melayu.

Dengan desakan UMNO pihak British bersetuju supaya sebahagian daripada ahli-ahli Federal Legislative Council dipilih oleh rakyat. Ahli-ahli yang lain, termasuklah Menteri Besar, ditunjuk oleh British High Commissioner di Malaya. Pada masa itu, pemerintahan Tanah Melayu ditadbirkan oleh Federal Legislative Council dengan Pesuruhjaya Tinggi British sebagai ketuanya.

Ketika semangat orang Melayu berkobar-kobar hendak merdeka, pihak komunis dalam hutan belantara Malaya juga turut bergerak cergas untuk menubuh kerajaan fahaman

komunis Malaya. Semenjak tahun 1948, Tanah Melayu berada dalam keadaan darurat kerana perang gerila komunis. Pesuruhjaya Tinggi British pada waktu itu ialah Sir Gerald Templer menggantikan Sir Henry Gurney yang mati dibunuh oleh komunis dalam perjalanannya dari Kuala Kubu Baru ke Raub. Apabila Sir Gerald Templer tamat tempohnya di Malaya, beliau telah digantikan oleh Sir Donald Macgillcary, seorang diplomat. Pandangan beliau lebih kepada pemerintahan awam dibandingkan dengan sistem yang dijalankan oleh Sir Gerald Templer yang memerintah Tanah Melayu ala tentera.

Pada masa rundingan dengan kerajaan British, Tunku Abdul Rahman sentiasa diapit oleh Tun Razak dan Tun Dr. Ismail. Dengan sokongan orang Melayu bulat di belakang Tunku, pihak British bersetuju sebahagian daripada Federal Legislative Council itu dipilih oleh rakyat. Sejumlah 52 daripada 100 orang ahli Federal Legislative Council dipersetujui dipilih oleh rakyat. Tun Razak pun meninggalkan jawatannya sebagai Pemangku Menteri Besar Pahang dan berkempen bersama pemimpin-pemimpin yang lain. Pada Julai 1955, berlangsunglah pilihan raya Federal Legislative Council yang menyaksikan sebanyak 52 kerusi dipertandingkan.

Apabila undi dikira, Parti Perikatan mendapat 51 daripada 52 kerusi. PAS menang satu kerusi di Gunung Semanggol. Datuk Sulaiman Abdul Rahman bertanding melawan Datuk Onn di Johor, dan beliau berjaya mengalahkan Datuk Onn dengan kelebihan undi yang banyak. Di samping 51 orang wakil Parti Perikatan yang menang itu, Datuk Sulaimanlah yang menjadi hero kerana berjaya mengalahkan Datuk Onn Jaafar. Ketika pilihan raya tahun itu, UMNO sudah pun bergabung dengan MCA di bawah pimpinan Tun Tan Cheng Lock dan MIC di bawah pimpinan Tun Sambanthan. Mereka bertanding di bawah nama Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC dengan menggunakan simbol Kapal Layar (mengikut ceritanya, kapal layar itu diambil sebagai simbol kapal Nabi Allah Noh).

Kemenangan luar biasa Parti Perikatan adalah di luar dugaan pihak British. Dengan kemenangan itu Tunku Abdul Rahman

membentuk sebuah kabinet yang bertanggungjawab terhadap masalah dalam negeri, sementara Setiausaha Negara bertanggungjawab terhadap hal ehwal luar.

Tun Razak telah dilantik oleh Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Pelajaran di bawah kabinet yang pertama itu. Tugas Tun Razak adalah untuk membentuk sebuah jawatankuasa bagi menggubal satu dasar pelajaran kebangsaan.

Tumpuan utama dasar pelajaran kebangsaan ialah membentuk generasi muda dengan satu hala pendidikan dan menanamkan dalam jiwa pemuda dan pemudi dengan satu bahasa untuk pelbagai bangsa dan keturunan di Tanah Melayu. Sekolah yang terbahagi kepada empat aliran hendak dijadikan kepada satu aliran. Sungguhpun demikian, sekolah aliran bahasa Cina dan bahasa Tamil di peringkat rendah terus dikekalkan dengan tujuan supaya anak-anak Cina dan India dapat menguasai bahasa ibunda masing-masing. Tugas Tun Razak adalah berat. Beliau memanggil badan-badan pendidikan untuk memberikan pendapat mereka mengenai penggubalan dasar pelajaran kebangsaan itu. Seluruh negara bergema dengan seruan itu. Boleh dikatakan pandangan dan pendapat tiap-tiap badan pendidikan dan badan-badan yang mengambil berat terhadap pendidikan telah diperhitungkan.

Tun Razak yang mengetuai Jawatankuasa Pendidikan itu dapat menyediakan satu penyata yang dipanggil Penyata Razak. Dasar itu mula berjalan dalam tahun 1956.

Pada tahun 1956, iaitu setahun sebelum merdeka, sebuah dokumen mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu yang dipanggil Penyata Razak. Beberapa tahun kemudian, sebuah jawatankuasa telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran pada waktu itu, Encik Abdul Rahman Talib. Tujuannya ialah untuk mengemaskinikan lagi Dasar Pelajaran yang tersusun dalam Penyata Razak itu.

Dengan terlaksananya Dasar Pelajaran Kebangsaan, bermulalah satu babak baru dalam pendidikan anak-anak mengikut satu corak pendidikan yang boleh mencantumkan rakyat

daripada semua keturunan menjadi satu bentuk masyarakat yang berkeperibadian Malaysia.


Dasar Pelajaran Kebangsaan itu memberi keutamaan kepada kebolehan menguasai bahasa kebangsaan oleh semua murid dari keempat-empat jenis sekolah di negeri ini iaitu Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina), Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris). Dasar Pelajaran Kebangsaan juga menjamin di peringkat rendah sekolah-sekolah pilihan ibu bapa manakala di peringkat menengah diintegrasikan kepada dua jenis sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan Aliran Inggeris.

Selepas proses integrasi itu berjalan dengan lancar, pada tahun 1971 telah dicantumkan pula dua aliran persekolahan itu untuk menjadikan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama. Menerusi proses itulah hasilnya sekarang ini semua pelajar rendah dan menengah fasih dalam bahasa kebangsaan hingga ke peringkat universiti dengan tidak mengetepikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Dalam masa beberapa tahun selepas merdeka, bahasa kebangsaan dapat dikuasai dengan baik oleh seluruh generasi muda dari semua keturunan.

Selepas merdeka, rakyat Malaysia kini mempunyai Dasar Pelajaran Kebangsaan sebagai landasan pendidikan, bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantar di semua institusi pendidikan dan Rukunegara yang dirumuskan pada tahun 1971 sebagai falsafah hidup. Dengan berjalannya proses integrasi ini, dapatlah kita mewujudkan satu bentuk masyarakat yang benar-benar berjati diri Malaysia.

Dasar Pelajaran Kebangsaan boleh diibaratkan sebagai sebuah tasik. Air tasik itu datang dari empat anak sungai yang berlainan. Terdapat pula pembentung untuk menyalurkan air tasik itu keluar. Kalau air yang mengalir masuk ke tasik itu berlainan warnanya, maka air yang mengalir keluar dari pembentung itu akan mempunyai warna yang sama untuk dibekalkan bagi memenuhi keperluan rakyat ramai.



Tun Razak sebagai Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia. (23.6.1973)

Semenjak tahun 1957, berjuta-juta pelajar telah menempuh proses pendidikan mengikut Dasar Pelajaran Kebangsaan. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa dalam setiap rumah di seluruh Malaysia pada hari ini sudah ramai yang fasih bertutur, menulis serta membaca dalam bahasa Malaysia. Mereka benar-benar anak Malaysia. Inilah sumbangan Tun Razak.

Bab 7

Agihan Kekayaan Negara

PADA tahun 1971, pindaan kepada perlembagaan mengenai isu sensitif telah diluluskan oleh Parlimen; Rukunegara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Di samping kedua-kedua perkara ini, Majlis Tindakan Negara juga menggubal Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru diharapkan dapat membetulkan kedudukan ekonomi yang tidak seimbang dan pengagihan ekonomi yang tidak setimpal.

Dasar Ekonomi Baru bertujuan mengukuhkan proses pembangunan negara dan pengagihan hasil-hasil pembangunan secara saksama untuk mencapai matlamat perpaduan negara.

Dasar ini digubal setelah tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 akibat jurang perbezaan ekonomi antara kaum. Melalui Dasar Ekonomi Baru usaha-usaha dijalankan untuk membasmi kemiskinan dan membetulkan ketidakseimbangan sosioekonomi di antara kumpulan-kumpulan etnik dan di antara wilayah-wilayah. Kerajaan juga menjamin bahawa pelaksanaan dasar ini tidak akan merugikan atau menjejas hak-hak asasi mana-mana kaum atau kumpulan.

Dasar Ekonomi Baru mempunyai satu formula untuk memperseimbangkan kedudukan ekonomi rakyat. Dasar ekonomi baru merupakan satu jentera jangka panjang. Dasar ini tidak akan menjejaskan pengagihan kekayaan yang sudah ada dalam tangan rakyat. Apa yang dikawal ialah pemberian kekayaan negara pada masa depan. Dasar Ekonomi Baru mempunyai

strategi yang dipanggil Serampang Dua Mata. Pertama, membasmi kemiskinan di kalangan rakyat, dan kedua, menyusun semula kedudukan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan.

Membasmi Kemiskinan

Kerajaan berusaha menambah pendapatan dan memperbanyakan peluang dan punca pengeluaran kepada rakyat tanpa mengira kaum.

Usaha-usaha dijalankan untuk mempertingkatkan penyertaan golongan yang kurang bernasib baik dalam proses pembangunan terutama melalui program:

(a) pembukaan tanah secara besar-besaran;
(b) pembangunan *in-situ* melalui Projek Pembangunan Bersepadu (IADP) serta Program Input dan Pelbagai Pertanian;
(c) pengenalan konsep Halacara Baru (1984) melalui program bersepadu iaitu:
    (i) pengelompokan kampung-kampung terpencil.
    (ii) penggalakan pertumbuhan industri barangan perusahaan kampung.
    (iii) menjalankan aktiviti pertanian secara komersial.

Kerajaan juga menyediakan kemudahan awam dan keperluan asas seperti pendidikan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat.

Penyusunan Semula Masyarakat

Usaha-usaha untuk menyusun semula masyarakat termasuklah:

(a) memodenkan kawasan bandar untuk meninggikan taraf hidup dan daya pengeluaran;
(b) menstabilkan keadaan yang tidak seimbang dalam struktur guna tenaga melalui pertumbuhan ekonomi;
(c) menambah dengan lebih cepat hak rakyat dalam pemilikan modal dalam stok masyarakat;
(d) memastikan bumiputera berjaya sebagai masyarakat perdagangan dan perindustrian;

(e) memajukan negara dengan membangunkan kawasan mundur.

Pembentukan sebuah masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera adalah penting kerana ia memberi sumbangan langsung ke arah meninggikan pendapatan serta menyusun semula corak guna tenaga dan pemilikan harta dalam sektor syarikat dari pelbagai peringkat aktiviti ekonomi. Usaha-usaha ke arah pencapaian strategi ini menunjukkan sektor awam telah memainkan peranan utama.

Hasilnya hak milik dan penyertaan bumiputera dalam aktiviti-aktiviti sektor bukan syarikat, terutama dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan kecil, telah mencapai kemajuan menerusi perniagaan perseorangan dan perkongsian.

Sesungguhnya, Dasar Ekonomi Baru adalah satu program *social economic engineering* yang unik pernah dilakukan. Dasar seperti ini amat perlu bagi sebuah negara seperti Malaysia. Perpaduan negara, kestabilan politik dan ekonomi tidak mungkin tercapai sekiranya ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum dan wilayah tidak diatasi melalui satu proses diskriminasi positif ke arah pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Pindaan Perlembagaan mengenai isu sensitif; penggubalan Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru dirangka begitu rupa agar pelaksanaannya serentak dengan pelantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri kedua. Sungguhpun perkara-perkara ini dirangka dan digubal semasa Tunku Abdul Rahman masih menjadi Perdana Menteri, tetapi pelaksanaannya diatur begitu rupa supaya Tun Razak dapat melaksanakannya sebagai Perdana Menteri.

Apabila Dasar Ekonomi Baru siap dilancarkan, Tun Razak mengarahkan semua kerajaan negeri dan agensi-agensi kerajaan membuat persiapan agar Dasar Ekonomi Baru itu difahami dan dilaksanakan di semua bidang pentadbiran. Mengikut konsep Dasar Ekonomi Baru, semua perusahaan dan perniagaan serta perdagangan pada masa depan hendaklah mengikut formula yang dirangka oleh Majlis Gerakan Negara.

Semua pihak menerima Dasar Ekonomi Baru. Tujuannya adalah untuk menaikkan kedudukan ekonomi masyarakat bumiputera dalam negaranya sendiri manakala masyarakat bukan Melayu menyedari bahawa jika kedudukan ekonomi bumiputera tidak diendahkan maka kedudukan orang kaya (bukan Melayu) di Malaysia tidak akan selamat. Begitu juga kedudukan di Singapura yang mana orang Melayu adalah minoriti dan bukan Melayu majoriti manakala di Malaysia, orang-orang Melayu adalah majoriti manakala orang bukan Melayu adalah minoriti.

Kedudukan orang Melayu berada di tahap rendah sekali dalam bidang ekonomi di negara mereka sendiri. Tidak seperti di Singapura, orang bukan Melayu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam bidang ekonomi. Ini kenalah pada tempatnya kerana bilangan orang-orang bukan Melayu adalah majoriti. Orang Melayu di Singapura sebaliknya adalah golongan minoriti yang tidak boleh berbuat apa-apa kerana kedudukannya seperti kata pepatah, 'Melukut di tepi gantang'. Kedudukan orang Melayu di Malaysia adalah berlainan.

Pembukaan tanah, pembinaan rumah kos rendah dan perusahaan kecil merupakan sasaran utama di bawah Dasar Ekonomi Baru. Program *in-situ* digalakkan di kampung-kampung. Agensi-agensi kerajaan diperkuat lagi seperti FELDA, RISDA dan FELCRA, termasuk pembangunan-pembangunan rancangan-rancangan Wilayah seperti DARA, Jengka, Kesedar dan Ketengah serta banyak lagi program yang tertentu. Pekebun-pekebun kecil merupakan jumlah yang ramai di kalangan orang Melayu. Apa yang merunsingkan ialah jumlah keluasan tanah yang diperoleh oleh orang Melayu itu kecil. Seorang pekebun kecil mempunyai tanah seluas tiga hingga enam ekar sahaja. Manakala jumlah orang bukan Melayu di kalangan pekebun kecil adalah sedikit tetapi jumlah ekar yang dipunyai oleh setiap daripada mereka adalah besar iaitu antara sembilan atau sepuluh ekar seorang.

Mengikut istilah pekebun kecil mereka yang mempunyai tanah seluas 10 ekar ke bawah ditakrifkan sebagai pekebun kecil.

Dengan takrif itu FELDA menentukan seluas 10 ekar untuk diberikan kepada seseorang yang menjadi peserta FELDA.

Pembangunan Rancangan Wilayah ditetapkan di tiap-tiap buah negeri di Malaysia. Sungguhpun program pembangunan wilayah ini merupakan pembangunan pembukaan tanah tetapi tidak ketinggalan juga disediakan kawasan-kawasan perindustrian. Kawasan-kawasan perindustrian ini disediakan dengan kedai-kedai, blok perindustrian dan lain-lain lagi yang cukup lengkap supaya kawasan pembangunan itu menjadi satu kawasan bandar yang baru.

Tun Razak menitikberatkan pembangunan wilayah dan pembukaan kawasan-kawasan hutan untuk membawa rancangan pembangunan ke kawasan luar bandar. Pembukaan kawasan-kawasan wilayah ini merupakan punca pertumbuhan ekonomi di kawasan-kawasan luar bandar. Program ini ditaja sebegitu rupa supaya ia dapat memberikan keselesaan hidup kepada peserta dalam kawasan itu. Kawasan-kawasan kampung tradisional pula mendapat serpihan kemajuan dari kawasan-kawasan yang baru dibuka itu. Dengan lain-lain perkataan, usaha ini membawa 'bandar' ke kawasan-kawasan kampung. Ia memberi kemudahan dan kesenangan seperti jalan-jalan raya, bekalan elektrik, air paip dan kemudahan asas lain seperti yang diperoleh di bandar-bandar.

Secara tidak langsung, kawasan-kawasan baru ini dengan sendirinya menyediakan tapak kilang dan perusahaan-perusahaan besar. DESARU (Johor Tenggara) disediakan dengan pembinaan hotel dan tarikan pelancongan. Kawasan ini dekat dengan Johor Bahru dan menarik pelancong dari Singapura.

Belia-belia kampung juga dahaga kepada kesenangan-kesenangan sosial. Mereka juga memerlukan *bright lights* seperti yang terdapat di bandar. Program seperti ini amat berjaya di Indonesia yang melaksanakan program penempatan semula penduduk yang dipanggil *transmigration programme.* Pelaksanaan dasar membuka kawasan-kawasan hutan belantara kepada usaha menjadikan bandar ini merupakan satu kunci utama untuk menghalang belia-belia berhijrah ke bandar.

Dengan penyekatan belia-belia daripada berhijrah ke bandar-bandar, maka dengan sendirinya kampung-kampung tradisional itu akan dapat dimajukan.

Kedatangan belia-belia ke bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang adalah sementara sahaja. Apabila mereka mencapai umur bersara, mereka akan balik ke kampung juga. Apabila tiba ke peringkat itu, maka rumah dan kampung halaman yang mereka tinggalkan dahulu sudah menjadi belukar atau hutan belantara. Jika mereka dapat kerja di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan pembangunan wilayah berhampiran, di samping dapat menikmati suasana bandar di kampung-kampung atau berdekatan dengan kampung-kampung mereka, mereka akan terus menjaga rumah-rumah dan kampung halaman. Apabila tiba ke peringkat bersara, tidaklah mereka perlu membuka semula kampung dan membaiki rumah-rumah mereka.

Dasar Ekonomi Baru adalah terang dan jelas. Melalui dasar itu terdapat syarat tertentu yang menjamin bumiputera mendapat haknya daripada kekayaan negara. Pembukaan sumber baru dalam bidang ekonomi tidak terhad kepada bidang perusahaan dan perniagaan sahaja, tetapi meliputi bidang perladangan, perikanan dan tanah serta semua bidang baru yang diterokai dan dibuka. Dalam tiap-tiap bidang itu, pihak penganjur dengan sendirinya terpaksa menyediakan 30 peratus daripada jumlah projek itu yang dikhaskan kepada bumiputera.

Dasar Pembangunan Nasional selepas Dasar Ekonomi Baru tidak menentukan peruntukan bagi agihan ekonomi kepada bumiputera. Pemberian kekayaan kepada bumiputera ditentukan dari masa ke masa oleh kerajaan. Kadang-kadang tidak diketahui umum bahawa seseorang itu mendapat pertolongan daripada kerajaan. Pemberian kepada seseorang bumiputera itu adalah mengikut budi bicara kerajaan. Pemberian itu kadangkala tidak diketahui atau tidak telus sehingga menimbulkan syak wasangka di kalangan umum.

Pemberian projek kepada bumiputera di bawah Dasar Pembangunan Nasional biasanya tidak diketahui oleh umum. Oleh

itu, kadangkala timbul pergeseran kerana ramai yang hendak mengambil bahagian dalam projek telekomunikasi, projek kapal terbang, projek HICOM dan TNB.

Di negara-negara yang sudah maju, setiap projek yang diswastakan dilaksana dengan kelulusan Parlimen dan diikuti oleh publisiti yang seluas-luasnya. Dengan demikian, yang mempunyai kemampuan menawarkan diri bagi memperoleh tender itu. Satu contoh yang baik ialah penswastaan sebahagian daripada Lembaga Elektrik di United Kingdom. Langkah pertama kerajaan ialah memberikan sebahagian daripada sahamnya kepada pelanggan.

Selepas dihebahkan dalam akhbar, maka mereka pun memasukkan tender kepada pihak berkuasa, dan akhirnya yang layak diberi peluang.

Konsep sedemikian menafikan sebarang tuduhan berat sebelah. Dengan demikian, maka penswastaan itu dijalankan secara telus dan diketahui umum.

Dasar Pembangunan Nasional mementingkan bidang perdagangan dan perusahaan dengan harapan menjadikan Malaysia sebagai negara perindustrian dalam tahun 2020. Boleh dikatakan bidang yang lain ketinggalan. Tumpuan terhadap bidang pertanian sangat rendah. Dengan kurangnya perhatian kepada bidang pertanian dan sektor pengeluaran barang makanan, negara terpaksa mengimport barang-barang makanan berjumlah RM10 bilion setahun.

Pada tahun 1998, apabila nilai ringgit Malaysia jatuh, barang-barang makanan yang diimport semakin meningkat harganya. Rakyat mengeluh kerana keperluan makanan harian seperti beras, ikan, bawang, lada, telur, sayur, minyak, gula dan garam tinggi harganya. Kesan kenaikan harga barangan menyedarkan pihak berkuasa dan mereka mula menumpukan perhatian semula kepada sektor pertanian.

Di bawah rancangan luar bandar sebelum ini, kerajaan memberi bantuan kepada semua bidang perdagangan, pertanian, pekerjaan dan bidang sosial. Kerajaan memberi subsidi kepada bidang-bidang tertentu seperti untuk penternakan ikan air



Tun Razak sedang diberi taklimat di ibu pejabat Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) oleh pengerusinya Datuk Yaacob Hitam. Beliau diiringi oleh beberapa orang ahli kabinetnya. Dari sebelah kiri: Datuk Yaacob, Tun Dr. Ismail, Tun Razak, Tun Tan Siew Sin, Tuan Haji Ali Ahmad, Tengku Ahmad Rithauddeen dan Raja Tan Sri Mohar.

tawar, pengagihan susu lembu, telur ayam, anak-anak ayam, lembu dan barang-barang makanan yang lain. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, Tun Razak melancarkan program Buku Hijau untuk menghasilkan barang-barang makanan yang diabaikan. Pengabaian itu dulu menyebabkan kita terpaksa mengimport barang-barang makanan tersebut.

Menjelang hari-hari perayaan seperti Hari Raya dan Tahun Baru Cina yang memerlukan daging, anak-anak ayam diberikan kepada orang kampung sebanyak dua atau tiga ekor sebulan lebih awal. Ada yang mendapat 50 ekor dan ada yang mendapat 100 ekor atau lebih. Perusahaan ayam ini dijalankan secara 'pekebun kecil' dan bukannya semata-mata bergantung kepada ladang ayam yang memang menternak beribu-ribu ayam. Anak ayam ini dijaga dan diberi makan dengan sisa-sisa dapur sahaja (jagung, keledek, ubi) dan tidak memerlukan makanan belian dari kedai. Apabila sudah matang, anak-anak ayam itu dijual di pasar-pasar dan kedai-kedai.

Dengan cara itu juga, bekalan ayam bukan sahaja cukup untuk hari perayaan tetapi melebihi bagi seluruh negara sehingga kerajaan terpaksa menganjurkan kempen 'makan ayam' untuk menggalakkan pasaran. Pendeknya, soal tidak cukup tidak timbul lagi. Bekalan ayam tidak lagi bergantung kepada ladang ayam sahaja.

Begitu juga dengan sayur-sayuran. Bilik sejuk dibina di merata-rata tempat untuk menjamin sayur-sayuran yang dijual oleh penduduk kampung sentiasa segar. Bilik-bilik sejuk itu dibina mengikut keadaan sesuatu kawasan. Susu lembu pun begitu. Bilik-bilik sejuk dibina untuk membolehkan penternak kecil lembu menjual atau menyimpan susu mereka di kawasan-kawasan luar bandar dalam keadaan yang sentiasa segar.

Mengikut Dasar Ekonomi Baru, subsidi diberikan kepada mereka yang mengeluarkan barang-barang makanan seperti ikan, daging, telur, sayur-sayuran dan lain-lain lagi. Pesawah-pesawah diberi subsidi baja, penangkap ikan diberi motor bot kecil untuk ke laut, para petani kampung diberi subsidi untuk membina kolam ikan dan memelihara anak lembu sementara penoreh getah pula diberi subsidi untuk menanam semula

pokok-pokok getah dan sebagainya. Kementerian-kementerian mempunyai peruntukan subsidi untuk diberi kepada rakyat di kampung-kampung bagi mengeluarkan barang-barang makanan. Ada yang mendapat anak lembu untuk dipelihara dan dijadikan punca mata pencarian kedua.

Dengan demikian, Malaysia mengurangkan import barang-barang makanannya dari luar negara. Kalaupun negara menghadapi peperangan, masih tetap ada barang-barang makanan untuk diberikan kepada rakyat. Contohnya yang baik ialah semasa Tragedi 13 Mei 1969. Barang-barang makanan dibawa dari Kuala Selangor ke Kuala Lumpur untuk mereka yang tersadai di kawasan tragedi. Sekarang rakyat bergantung kepada barang makanan dari luar.

Istilah bumiputera bukan terhad kepada orang Melayu sahaja; ia merangkum suku kaum bumiputera yang lain. Di negeri Sabah dan Sarawak, terdapat lebih 20 suku kaum bumiputera dan mereka berhak menerima kuota yang diperuntukkan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Inilah perbezaan besar dibandingkan dengan Dasar Pembangunan Nasional. Mengikut Dasar Pembangunan Nasional, kuota yang diperuntukkan di bawah Dasar Ekonomi Baru itu tidak ada. Mengikut Dasar Pembangunan Nasional, bumiputera yang ada kebolehan memang mendapat perhatian. Kadangkala seseorang itu mendapat projek berkali-kali daripada kerajaan. Ini mungkin menyebabkan rakyat yang kaya menjadi lebih kaya sementara yang miskin pula lebih miskin.

Dasar Ekonomi Baru boleh diibaratkan seperti lumba lari. Mereka yang lemah ditempatkan di garisan tertentu 30 ela di hadapan mereka yang kuat. Oleh itu, diharapkan supaya semua yang lemah dan yang kuat mempunyai peluang yang sama untuk tiba di garisan penamat. Di bawah Dasar Pembangunan Nasional semua pelumba ditempatkan di garisan yang sama. Mereka bersama-sama berlumba. Dengan kekuatan mereka yang berbeza, maka sudah tentu yang lemah akan ketinggalan di belakang dan tidak dapat sampai bersama di garisan penamat.

Begitulah juga dalam bidang-bidang yang lain. Di bawah Dasar Ekonomi Baru, dalam setiap bidang diperuntukkan

sebanyak 30 peratus kepada kaum bumiputera. Sektor perumahan memang sudah ada peruntukan yang ditetapkan supaya setiap pemaju membina rumah kos rendah agar sebanyak 30 peratus daripadanya boleh dibeli oleh mereka yang berpendapatan kecil, khasnya bumiputera. Masalah yang timbul adalah mereka yang miskin ini tidak sesuai duduk bersama dalam kelompok yang lain kerana taraf hidup masing-masing berlainan antara yang berada dan yang kurang berada.

Skim perumahan ini lebih memberi keselesaan kepada mereka yang miskin jika diubah sedikit. Kerajaan menyediakan kawasan yang sesuai dengan infrastruktur yang cukup. Setiap pemaju yang hendak membina rumah mesti memperuntukkan 30 peratus kepada orang miskin, dikhaskan kawasan yang tertentu atau kuota untuknya membina rumah kos rendah.

Dengan demikian, maka mereka yang miskin dapat duduk bersama-sama setaraf dengan rakan-rakan yang lain. Dengan begitu juga maka pihak pemaju dapat menunaikan tanggungjawab mereka mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru dan di samping itu mereka dapat menyediakan rumah-rumah yang selesa kepada mereka yang mampu.

Mereka yang mampu itu juga dapat hidup bersama dan setaraf dengan yang miskin sebagai jiran mereka. Keadaan sekarang ini berbeza iaitu pemaju membina rumah mewah dan di samping itu membina rumah kos rendah dalam satu kawasan. Sungguhpun ia dapat memenuhi tanggungjawab mereka kepada Dasar Ekonomi Baru, tetapi penduduk yang bercampur aduk itu tidak mempunyai keselesaan hidup kerana mereka mempunyai taraf hidup dan gaya yang berlainan.

Pada mula Dasar Ekonomi Baru dijalankan, banyaklah golongan tertentu menganjurkan pelbagai kongres untuk menyiap dan mengemukakan rancangan mereka untuk dilaksanakan oleh kerajaan. Dengan adanya kerjasama antara kerajaan dan orang ramai dan beberapa pihak yang mengambil berat itu, maka Dasar Ekonomi Baru itu berjalan dengan lancar.

Dasar Ekonomi Baru itu dirintis melalui pemerintahan Tunku Abdul Rahman dan pelaksanaannya dipesatkan di bawah

Tun Razak. Malangnya, Tun Razak meninggal dunia sebelum dasar tersebut dapat menunjukkan hasilnya yang meluas.

Apabila Tun Hussein meneraju kerajaan Persekutuan selepas Tun Razak, beliau juga melaksanakan dasar yang sama. Apa yang tidak kemas, diperkemas dan apa yang kurang, ditambah.

Mengikut Tun Razak, peringkat pertama Dasar Ekonomi Baru akan berjalan selama 30 tahun. Sebelum tamatnya Dasar Ekonomi Baru, Tun Razak telah meninggalkan kita untuk selama-lamanya. Begitu juga dengan Tun Hussein. Tun Hussein bersara terlebih dahulu sebelum meninggalkan kita.

Dalam masa pemerintahan Tun Hussein, kongres ekonomi yang keempat telah diadakan. Kongres itu telah ditutup oleh Tun Hussein selepas berlangsung selama empat hari.

Pembentukan Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang ditubuhkan selepas Kongres Bumiputera semasa pemerintahan Tun Razak diperkembangkan lagi semasa pemerintahan Tun Hussein. Di samping menggalakkan bumiputera dalam bidang ekonomi, MARA turut meluaskan lagi pembentukan Institut Teknologi Mara (ITM) dengan membuka cawangan di merata-rata tempat di seluruh Malaysia. Kebanyakannya di luar Kuala Lumpur. Tugas utama ITM adalah untuk melahirkan belia-belia dalam bidang perusahaan dan perdagangan di peringkat diploma. Secara beransur ITM meluaskan bidang pengajaran ekonominya ke peringkat ijazah. Ini dilakukan dengan tidak mengetepikan tugas utamanya untuk melahirkan belia-belia di peringkat diploma dalam bidang teknikal, pendawaian, perakaunan, perniagaan dan lain-lain lagi.

Pelaksanaan ITM seperti juga dengan London School of Economics. Sungguhpun namanya sekolah tetapi London School of Economics mengeluarkan penuntut-penuntut dari serendah-rendahnya hingga ke peringkat ijazah kedoktoran. Ia adalah sebuah institusi pelajaran yang terkemuka di United Kingdom dan di seluruh dunia. Nama memang tidak menjadi persoalan di sini, tetapi hasilnya.

Tun Hussein, semasa menjadi Perdana Menteri, mengemas dan menguatkan lagi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini. Pendirian Tun Hussein adalah jelas seperti yang diucapkannya

dalam Kongres Ekonomi Bumiputera di Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur pada 1 Jun 1980:

'Saya telah sempat mengikuti perbincangan-perbincangan di beberapa bengkel. Sesungguhnya, saya merasa amat bangga di atas minat, kesungguhan dan sikap berterus-terang para peserta dalam perbincangan.

'Daripada pandangan dan pendapat yang telah dilahirkan di dalam kongres ini, saya dapat memahami perasaan bimbang dan keraguan kaum bumiputera terhadap keupayaan mereka serta kemampuan kerajaan dalam mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Walaupun kebimbangan ini merupakan satu perasaan, ia perlu diberi perhatian kerana kebimbangan kaum bumiputera itu mempunyai asas-asas yang munasabah.

'Kejayaan kaum bumiputera selama 10 tahun yang lalu adalah rendah daripada matlamat yang telah ditetapkan, sedangkan kejayaan yang dicapai oleh bukan bumiputera adalah pesat dan tinggi. Kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh kaum bumiputera dalam memperoleh kejayaan setakat ini, menjadikan kaum bumiputera sangsi di atas pencapaian matlamat sepenuhnya oleh kerana cabaran dan masalah yang lebih besar mungkin dihadapinya dalam masa 10 tahun yang akan datang.

'Tuntutan-tuntutan yang tidak berpatutan dari pihak bukan bumiputera, di samping kejayaan besar yang telah dicapainya itu menambahkan lagi keraguan kaum bumiputera. Memandangkan kepada keadaan inilah maka kaum bumiputera merasakan bahawa masa depan mereka adalah terancam dan mencemaskan. Perasaan kebimbangan kaum bumiputera ini menjadi semakin bertambah disebabkan keraguan mereka terhadap keupayaan dan kemampuan jentera pelaksanaan kerajaan menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru.

'Dasar Ekonomi Baru yang bermula pada tahun 1971 adalah berasaskan kepada keinsafan perlunya diwujudkan negara Malaysia yang makmur, adil dan bersatu padu dengan teras dan asas-asas yang kukuh. Perhatian khusus adalah ditumpukan kepada masalah kemiskinan dan jurang perbezaan

kedudukan ekonomi yang wujud di kalangan berbagai kaum di negara kita. Salah satu matlamat yang penting dalam penyusunan semula masyarakat adalah untuk mewujudkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera. Matlamat ini adalah jelas dan menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menjamin pencapaiannya menjelang tahun 1990.'

Satu Amanah

'Matlamat penyertaan bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, seperti juga matlamat-matlamat lain Dasar Ekonomi Baru, bukan sahaja merupakan janji kerajaan yang tidak dapat mesti ditunai dan ditepati, tetapi ia juga merupakan satu amanah.

'Di samping peranan kerajaan dan jentera pelaksanaannya, kaum bumiputera sendiri mempunyai peranan dan tanggungjawab yang penting. Tanpa peranan mereka secara aktif dan bersungguh-sungguh, matlamat ini mungkin tidak dapat dicapai.

'Demikian juga dengan peranan kaum bukan bumiputera. Mereka harus faham dan insaf tentang hakikat matlamat penyertaan bumiputera dan kebimbangan kaum bumiputera sebagaimana yang telah saya nyatakan mula-mula tadi. Mereka mestilah memberi kerjasama sepenuhnya, dengan jujur dan bersungguh-sungguh bagi menentukan pencapaian matlamat-matlamat yang telah ditetapkan itu bagi kepentingan masa depan rakyat dan negara keseluruhannya.

'Dalam usaha mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, kaum bumiputera sendiri hendaklah menggunakan sepenuh-penuhnya segala peluang dan kemudahan yang terbuka dan disediakan oleh kerajaan melalui jentera pelaksanaannya.

'Bumiputera yang telah mencebur diri dalam lapangan ekonomi hendaklah menumpukan sepenuh fikiran, tenaga dan daya usaha serta menggembleng dan menggunakan segala sumber dan kemampuan yang ada pada mereka bagi menjamin kemajuan usaha yang mereka jalankan. Di samping itu, mereka juga hendaklah bantu-membantu sesama sendiri supaya mereka dapat sama-sama maju sebagai satu masyarakat atau golongan, dan seterusnya dapat pula membimbing dan mem-

bantu bumiputera yang ingin atau baru menceburi diri dalam dunia perniagaan. Mereka juga hendaklah mengikis sikap semata-mata bergantung kepada kerajaan, sebaliknya mereka hendaklah memupuk sikap percaya kepada diri sendiri dan berdikari.

'Satu perkara yang perlu juga diberi perhatian dalam proses mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera ialah keperluan mengadakan etika perniagaan atau *business ethics*. Etika ini hendaklah selaras dengan nilai yang dipandang tinggi oleh masyarakat kita. Sifat tamak haloba dan mengharapkan kejayaan tanpa berusaha tidak mempunyai tempatnya dalam dunia perniagaan yang kita maksudkan. Ini hendaklah digantikan dengan sifat-sifat positif.

'Etika perniagaan yang sesuai dengan nilai hidup kita boleh mendorong lebih ramai lagi bumiputera untuk menyertai bidang perniagaan. Proses melahirkan satu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang utuh, tidak akan mencapai kejayaan yang tulen, sekiranya satu etika perniagaan yang dapat memandu mereka sebagaimana yang saya sentuh tadi, tidak wujud di kalangan mereka. Saya harap pertubuhan dan persatuan perniagaan, perusahaan atau perindustrian akan mengambil daya usaha bagi mewujudkan etika ini.'

Peranan Bukan Bumiputera

'Dalam usaha mewujudkan satu masyarakat perniagaan dan perindustrian bumiputera, peranan golongan bukan bumiputera juga tidak kurang pentingnya.

'Kerajaan telah berulang kali menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru adalah untuk faedah dan kebaikan semua rakyat di negara kita, tidak kira kaum dan asal keturunan mereka. Sebagaimana yang saya akan jelaskan sebentar nanti, kejayaan yang telah dicapai dalam masa 10 tahun ini, telah membuktikan bahawa golongan bukan bumiputera telah menikmati faedah yang besar. Pihak bukan bumiputera hendaklah insaf di atas hakikat ini dan adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin mereka untuk memberi gambaran yang sebenarnya tentang faedah-faedah yang telah dan akan mereka menikmati.

'Golongan bukan bumiputera harus juga faham dan sedar dengan perasaan kebimbangan kaum bumiputera terhadap

masa depan mereka dalam bidang ekonomi. Saya telah menjelaskan tadi sebab-sebab kebimbangan kaum bumiputera ini. Tuntutan supaya matlamat penyertaan bumiputera sebanyak 30 peratus ditambah kepada 51 peratus, sebagaimana yang telah dikemukakan dalam kongres ini adalah didorong atas perasaan kebimbangan ini. Ia bukanlah didorong oleh sikap tamak haloba.

'Saya ingin mengingatkan golongan yang cuba mengaburi semangat dan faedah Dasar Ekonomi Baru, supaya menghentikan perbuatan yang boleh membahayakan prospek masa depan negara kita. Kerajaan tidak sanggup melihat Dasar Ekonomi Baru dijadikan permainan "politik" yang boleh membangkitkan perasaan benci-membenci antara kaum. Perkara ini jika tidak dikawal akan hanya menimbulkan huru-hara dan kekacauan. Rakyat hendaklah berwaspada tentang kemungkinan perkara ini sengaja dibangkit-bangkitkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini mungkin iri hati melihat kejayaan yang telah kita peroleh, keamanan dan kemakmuran yang telah dinikmati oleh rakyat.

'Kita mesti lebih mengutamakan masa depan negara serta mementingkan keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan rakyat. Dasar Ekonomi Baru memang telah dirangka dan digubal sedemikian rupa bagi mencapai perpaduan negara yang berkaitan. Tiap-tiap rakyat mestilah menjayakan diri sendiri, sekiranya huru-hara dan perkara yang tidak diingini berlaku, siapakah yang akan rugi, dan yang akan menanggung akibatnya?

Pencapaian Setakat Ini

'Di sini biarlah saya menggambarkan sedikit sebanyak pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru setakat ini. Dalam usaha pembasmian kemiskinan, kemajuan yang telah dicapai secara amnya, adalah menggalakkan. Kadar kemiskinan telah berkurangan dari 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 35 peratus pada akhir tahun 1979.

'Dalam lapangan pekerjaan, tambahan purata pekerjaan tahunan antara 1970 hingga 1980 ialah 4.2 peratus bagi seluruh Malaysia. Pengangguran di kalangan semua kaum telah juga berkurangan.

'Kemajuan penyebaran pekerjaan dari segi penyusunan semula masyarakat, adalah memuaskan. Walau bagaimanapun jumlah bilangan bumiputera dalam pekerjaan berpendapatan tinggi, masih lagi kecil. Dalam bidang profesional, bilangan bumiputera masih lagi rendah. Pada tahun 1979, misalnya, kaum bumiputera hanya merupakan 11 peratus daripada jumlah bilangan arkitek, akauntan 7.6 peratus, jurutera 11.6 peratus dan doktor 8.6 peratus.

Dalam pemilikan harta, kaum bumiputera perseorangan dan agensi amanah hanya memiliki 11 peratus daripada keseluruhan ekuiti dalam syarikat berhad pada tahun 1980. Pemilikan bukan bumiputera dalam bidang ini adalah jauh lebih tinggi.

'Walaupun pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru telah menunjukkan kesannya, tetapi kejayaan bumiputera dalam penyertaan bidang ekonomi masih belum memuaskan. Kerajaan sedar dengan kebimbangan kaum bumiputera. Kerajaan akan menjalankan dengan sedaya upayanya segala usaha didalam kemampuannya bagi memastikan pencapaian matlamat yang telah ditentukan itu. Tiap-tiap rakyat, tidak kira kaum, mestilah insaf akan tanggungjawab ini, lebih-lebih lagi jika mereka memikirkan kepentingan masa depan negara.'

Kesedaran dan Inspirasi

'Kita tidak dapat menafikan kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam bidang-bidang tertentu. Salah satu aspek kejayaan yang boleh kita banggakan ialah bertambahnya kesedaran dan inspirasi kaum bumiputera untuk menyertai dalam pelbagai kegiatan ekonomi. Ini adalah satu petanda baik.

'Dalam masa 10 tahun melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita telah memperoleh pelbagai pengalaman yang amat berguna. Pengalaman ini akan kita jadikan panduan bagi kita menilai semula strategi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru bagi menjamin kejayaannya.

'Kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Berhubung dengan penyelarasan pelaburan, sebagaimana yang telah dibangkitkan dalam kongres, kerajaan telah pun menubuhkan sebuah jawatankuasa

yang dipengerusikan Yang Berhormat Menteri Kewangan, bagi memesat dan meningkatkan lagi pelaburan bumiputera.

'Kerajaan sedar bahawa kejayaan penyertaan kaum bumiputera dalam kegiatan-kegiatan ekonomi memerlukan tindakan yang lebih berkesan daripada pihak kerajaan. Rancangan Malaysia Keempat akan mengubahsuaikan program-program yang sedia ada serta mewujudkan program-program baru bagi menentukan pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Jentera pelaksanaan kerajaan akan digerakkan dengan lebih giat supaya ia dapat mencapai hasil yang diharapkan.

'Dengan cabaran-cabaran besar yang akan kita hadapi pada tahun-tahun 80-an seluruh jentera kerajaan akan melipatgandakan usahanya bagi menjamin pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru. Tiap-tiap agensi dan jabatan kerajaan akan menyesuaikan orientasi dan menyusun semula strategi supaya ia dapat menjalankan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi.

'Prosedur-prosedur yang usang atau tradisi-tradisi lama yang tidak sesuai lagi dengan kehendak dan masa, akan diubahsuaikan bagi menjamin kelicinan dan meningkatkan lagi prestasi jentera pelaksanaan. Tiap-tiap Ketua Eksekutif ataupun Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab secara langsung bagi menghadapi cabaran-cabaran yang besar dan baru ini.

'Kongres Ekonomi yang berlangsung selama tiga hari ini, telah membincangkan pelbagai isu yang dihadapi oleh kaum bumiputera. Rumusan dan resolusi yang disarankan adalah dengan tujuan untuk melipatgandakan usaha ke arah pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru, khasnya mengenai peranan masyarakat dan penyertaan bumiputera di dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Rumusan dan resolusi yang dibuat akan membantu Kerajaan di dalam usahanya untuk menjamin kejayaan Dasar Ekonomi Baru. Di atas segala sumbangan buah fikiran, kritik dan pandangan yang membina demi kepentingan negara, saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kongres.

'Dengan tujuan yang satu dan persefahaman yang tulen di antara kerajaan dan agensi-agensinya, kegigihan usaha dan semangat bumiputera serta kerjasama kaum bukan bumiputera, saya penuh yakin menjelang tahun 1990, matlamat yang ditentukan akan mencapai kejayaan.'

Kongres Ekonomi Bumiputera selama tiga hari yang telah selesai diadakan adalah amat penting. Semasa kongres itu diadakan hanya tinggal 10 tahun untuk menjayakan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan untuk dicapai menjelang 1990 dalam rangka Dasar Ekonomi Baru. Di samping itu, kerajaan juga sedang menyediakan Rancangan Malaysia Keempat. Ini menjadikan kongres tersebut lebih penting. Hasil daripada kongres itu akan dapat membantu kerajaan untuk menyusun strategi-strategi bagi Rancangan Malaysia Keempat serta memperhebat lagi langkah-langkah bagi menjamin pencapaian matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Bab 8

Parlimen Digantung

PADA 14 Mei 1969, Tun Razak mengisytiharkan darurat. Parlimen digantung pada 16 Mei dan pada hari yang sama Majlis Gerakan Negara ditubuhkan. Tun Razak dilantik menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara. Majlis tersebut mengandungi ahli-ahli yang dilantik. Mereka terdiri daripada pakar bidang-bidang yang tertentu. Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri mengambil alih sendiri tugas menyatupadukan rakyat dan merapatkan hubungan antara kaum. Slogan Tunku adalah 'bertolak ansur'. Tunku berkata, 'Orang Cina memerlukan orang Melayu dan orang Melayu memerlukan orang bukan Melayu.' Tun Razak dan ahli-ahli Majlis Gerakan Negara mentadbirkan negara di bawah undang-undang darurat dan menganalisis rusuhan 13 Mei 1969. Majlis Gerakan Negara juga mencari jalan untuk mengubat rusuhan tersebut supaya tidak berulang lagi.

Tugas utama Majlis Gerakan Negara ialah mencari jalan untuk memulihkan pentadbiran negara di bawah Parlimen. Dalam pada itu, pemulihan balik Parlimen tidak pula membiarkan perselisihan kaum terus-menerus. Kuasa yang diberi kepada Tun Razak adalah luar biasa. Selalunya di negara-negara lain seperti di Afrika, apabila seseorang itu mendapat kuasa muktamad maka tidak timbul dalam hati mereka untuk menyerahkannya kepada rakyat. Sebaliknya, di Malaysia tidak begitu.



Tun Razak di Jalan Chow Kit selepas 13 Mei 1969.

Semua pemimpin yang mentadbirkan Malaysia berusaha mencari jalan untuk menyerahkan balik kuasa kepada rakyat. Ini disebabkan oleh asal usul perjuangan pemimpin di Malaysia. Mereka mengetahui bahawa kuasa pimpinan diberi oleh rakyat dan rakyatlah yang menentukan corak pimpinan Malaysia. Tugas Majlis Gerakan Negara ialah mencari punca rusuhan kaum dan mengatur langkah-langkah tertentu untuk mengelakkan berulangnya rusuhan itu. Majlis Gerakan Negara juga menyemak undang-undang, termasuk Perlembagaan Negara, dan mengenal pasti kelemahan-kelemahan undang-undang itu.

Dalam pada kerajaan hendak memulihkan keadaan dan merapatkan pentadbiran dengan rakyat, maka timbul pula pelbagai isu yang boleh memburukkan lagi keadaan. Musuh dari luar negara menggunakan surat-surat khabar. Pelbagai artikel ditulis dari luar negara yang memberi fokus kepada isu perkauman. Ada di antara wartawan-wartawan luar negara menuduh bahawa orang bukan Melayu ditekan. Ini berikutan kononnya kerajaan Malaysia adalah kerajaan Melayu. Di Malaysia sendiri berlainan pula. Orang Malaysia menimbulkan soal pengagihan kekayaan negara tidak seimbang dan orang Melayu yang menderita. Semua perniagaan dibolot oleh orang Cina.

Wartawan-wartawan Barat khasnya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman dan lain-lain memang sudah dilatih supaya sentiasa 'menjaga tepi kain orang'. Bagi mereka apa sahaja yang berlaku yang bercorak baru adalah berita yang menarik. Tujuan mereka itu adalah baik. Mereka ingin memberikan hak rakyat untuk mengetahui apa yang berlaku di sekeliling mereka.

Di England misalnya, kehidupan Prince Charles dan Princess Diana dipaparkan secara meluas. Ketika mereka berdua berhadapan dengan masalah perceraian, akhbar-akhbar sentiasa mengekori mereka. Kehidupan dan peribadi mereka seolah-olah ingin ditelanjangkan oleh wartawan dan dihebahkan dalam akhbar-akhbar secara besar-besaran. Tiap-tiap hari berita mereka tersiar dengan alasan bahawa mereka adalah

public property dan rakyat mempunyai hak untuk mengetahui segalanya.

Satu lagi perkara yang suka dicungkil oleh wartawan-wartawan asing pada waktu itu ialah kedudukan raja-raja Melayu. Dalam artikel-artikel mereka, wartawan-wartawan asing selalu membandingkan kedudukan raja-raja Melayu dengan maharaja di India. Mereka sentiasa mengaitkan kedudukan raja-raja Melayu dengan kekayaan maharaja di India. Sedangkan kedudukan maharaja di India itu berlainan. Mereka itu kaya sementara Raja-raja Melayu di Malaysia hanyalah kedudukan mereka di atas takhta sahaja yang tidak berubah. Sara hidup raja-raja adalah bergantung kepada 'gaji' daripada kerajaan. Mereka tidak boleh kaya seperti maharaja di India. Tujuan wartawan-wartawan luar itu membandingkan Raja-raja Melayu dengan maharaja di India semata-mata hendak menimbulkan suasana yang boleh membangkitkan perselisihan faham antara kaum di Malaysia. Mereka sentiasa menulis artikel-artikel yang menekankan bahawa Malaysia diperintah oleh orang Melayu dan menafikan orang Malaysia keturunan lain seperti orang Cina dan orang Tamil mempunyai tempat di Malaysia. Wartawan-wartawan asinglah yang menyebabkan meletusnya pergaduhan kaum dalam tahun 1965. Wartawan-wartawan ini secara tidak langsung menulis perkara yang sebenarnya. Seperti yang kita lebih maklum bahawa pergaduhan kaum tahun 1969 itu meletus berpunca daripada hasutan komunis di Malaysia.

Semasa timbulnya isu dalam berita asing berkaitan soal 'tuduh-menuduh' antara orang Melayu dengan orang Cina, timbul pula satu isu lagi. Akhbar-akhbar di luar negara menyalahkan kerajaan kita yang kononnya 'menindas' orang bukan Melayu. Semua pemimpin Malaysia kononnya terdiri daripada orang Melayu. Raja-raja di peringkat negeri juga terdiri daripada orang Melayu. Orang-orang bukan Melayu tidak ada 'payung' untuk hidup di Malaysia.

Perkara seperti ini sudah menjadi mainan akhbar-akhbar luar negara. Mereka menulis artikel mengikut 'detik hati' masing-masing. Perkara yang mereka hendak tulis itu sudah

dikarangnya terlebih dahulu dalam fikiran dan denyut hati masing-masing.

Wartawan-wartawan asing itu tidak pula mahu menghalusi kedudukan sebenar kerajaan negara ini. Kabinet terdiri daripada semua kaum. Mereka lupa bahawa Tun Tan Siew Sin dan Tun Sambanthan adalah orang bukan Melayu. Mereka ini duduk dalam kabinet semenjak merdeka lagi. Memang benar Tun Sambanthan dan Tun Tan Siew Sin itu tidak cauvinis. Mereka berjiwa rakyat Malaysia. Mereka sudah tinggal di Malaysia turun-temurun. Tun Tan Siew Sin sendiri tidak fasih dalam bahasa Cina. Inilah orang-orang Cina yang dikehendaki di Malaysia. Mereka mungkin mempunyai keturunan Cina tetapi hati perutnya adalah orang Malaysia.

Cara hendak menentang dakyah ini adalah dengan menulis artikel dan menghantarnya kepada ibu pejabat akhbar tersebut. Kita di negara ini tidak boleh berdiam diri. Wartawan-wartawan luar negara yang berada di Malaysia hendaklah dijinakkan. Kita mesti merapati mereka. Ikutkan kemahuan mereka dan berdebat dengan mereka. Kalau mereka hendak minum, kita belanja mereka. Wartawan-wartawan, sama ada wartawan luar negara atau dalam negara, memang suka berfoya-foya dan suka minum minuman keras.

Dengan cara demikian, mereka akan mula jinak. Tambahan pula wartawan-wartawan di tanah air turut membantu berdebat dengan wartawan-wartawan asing. Dengan cara mendekati wartawan-wartawan asing itu, maka akan mulalah timbul persefahaman dengan mereka. Dengan kesedaran dan usaha itu, mereka akan mula menulis perkara-perkara yang benar. Dengan demikian, maka sedikit demi sedikit, wartawan-wartawan itu akan menulis berita-berita berdasarkan sumber-sumber yang tepat dan benar. Kedudukan wartawan asing ini adalah berlainan dengan kedudukan wartawan-wartawan di negara ini. Mereka menulis berita-berita dan artikel-artikel mengikut 'hawa nafsu' mereka sahaja.

Mereka sentiasa dikongkong oleh 'detik dada' mereka dan bukannya oleh 'detik kepala'. Mereka hanya memerlukan berita-berita yang penuh sensasi dan berita-berita yang me-

politik, maka wartawan-wartawan ini akan lebih mahir daripada ahli-ahli politik parti itu sendiri. Wartawan seperti ini memang mahir dalam bidang-bidang yang dikhaskan kepada mereka. Tugas mereka adalah menyiarkan berita-berita itu seberapa cepat yang boleh. Kita masih ingat lagi dengan peristiwa pada bulan Disember 1996 ketika pemberontakan di Lima, Peru. Tupac Amaru Revolutionary Movement (MRTA) menawan 400 orang ahli-ahli diplomat, ahli-ahli perniagaan dan orang awam di kediaman rasmi Duta Jepun di Peru semasa meraikan Hari Keputeraan Maharaja Jepun. Negara-negara yang berjauhan seperti Malaysia sungguhpun dutanya sendiri menjadi tebusan terpaksa bergantung kepada media elektronik seperti *Cable News Network* (CNN) untuk mengetahui nasib rakyat mereka.

Orang Malaysia yang dapat mengikuti berita-berita CNN seolah-olah berada dekat dengan kediaman Duta Jepun itu. Berita yang disiarkan adalah secara meluas dan mendalam. Wartawan-wartawan pejabat berita itu ada di tempat kejadian. Mereka merasa bahawa merekalah yang dapat menyiarkan berita-berita seperti itu ke seluruh dunia. Kita tidak dapat menafikan kebolehan wartawan mereka itu. Dengan liputan berita-berita elektronik itu maka rakyat Malaysia berasa tenang dan lega mengikuti nasib Duta Malaysia yang turut ditahan.

Peristiwa di kediaman rasmi Duta Jepun di Peru itu merupakan berita yang mengejutkan seluruh dunia. Wartawan-wartawan media eletronik dan akhbar-akhbar menyiarkan berita tersebut ke seluruh dunia. Peristiwa itu dibawa langsung ke rumah-rumah di seluruh dunia menerusi televisyen. Stesen televisyen seperti CNN melaporkannya secara terperinci sehingga berita tersebut seolah-olah berlaku di negara masing-masing. Ini adalah kuasa wartawan dan media.

Akhbar-akhbar di negara-negara Barat khususnya di Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman, Itali, Kanada dan lain-lain sangat kuat pengaruhnya di kalangan rakyat jelata. Wartawan-wartawan akhbar dan media elektronik di negara-negara itu mempunyai kepakaran dalam satu-satu bidang. Kebanyakan wartawan di sana sentiasa mengamalkan *objective reporting* dan ada pula wartawan yang mempunyai kelulusan

kedoktoran untuk menulis berita-berita tertentu. Mereka itu terdiri daripada para profesional yang terlatih dalam satu-satu bidang yang berkaitan dengan tulisannya.

Selalunya tulisan mereka itu bermula dengan berita yang kecil-kecil sahaja, tetapi kemudiannya dikembangkan menjadi berita besar dan penting. Apabila berita itu sudah menjadi besar, sudah tentulah ia menjadi isu kepada jabatan-jabatan kerajaan dan masyarakat.

Satu isu yang menjadi contoh ialah kes mahkamah seorang wanita bernama Paula Jones yang menuduh Presiden Bill Clinton mencabul maruah dan keselamatannya. Kes ini dicungkil oleh akhbar dan diperbesar oleh akhbar serta media elektronik. Kes ini menunjukkan bahawa di samping seorang rakyat biasa boleh menyeret seorang pemimpin ke mahkamah juga menunjukkan kuasa akhbar yang kuat di negara-negara Barat.

Sungguhpun kes Paula Jones menuduh Presiden Clinton itu tidak dapat dibuktikan di mahkamah dan mahkamah menolak tuntutan Paula Jones, tetapi ia menunjukkan kepada dunia betapa kuatnya kuasa akhbar dan media elektronik. Ia juga menunjukkan perbezaan kuasa antara badan-badan kerajaan iaitu antara Pentadbiran, Perundangan dan Kehakiman yang masing-masing memikul tanggungjawab tanpa ada kaitan antara satu dengan lain.

Pemisahan antara Pentadbiran *(Administrative)*, Perundangan *(Legislative)* dan Kehakiman *(Judiciary)* di Amerika Syarikat memang jelas. Satu-satu bahagian itu bergerak secara bebas dan tidak ada kaitan antara satu dengan lain. Misalnya, dalam perkara tuntutan Paula Jones terhadap Presiden Clinton. Wanita itu mengheret Presiden Bill Clinton ke mahkamah atas tuduhan mencabul kehormatannya.

Kes ini berjalan selama empat tahun, dan tuduhan itu dikatakan berlaku semasa Presiden Clinton masih menjadi Gabenor Arkansas. Kes ini berjalan dengan mendapat siaran akhbar dan radio serta televisyen di seluruh dunia termasuk di Malaysia.

Dalam perbicaraan tersebut, Jones telah kalah. Hakim Persekutuan Susan Webber Wright semasa menolak kes tersebut berkata bahawa Jones tidak mempunyai alasan yang teguh dalam tuntutannya menuduh Clinton. Dengan demikian, maka beliau menolak tuntutan Jones, dan Presiden menang. Dalam masa perbicaraan itu, liputan akhbar-akhbar meluas, tetapi rakyat tetap memberikan *rating* yang tinggi kepada Presiden Clinton memandangkan tugasnya sebagai Presiden begitu baik dan memberi faedah kepada rakyat dan negara serta dunia bebas.

Ini jelas menunjukkan bahawa demokrasi di Amerika itu adalah di tangan rakyat dan rakyat adalah berhak menuntut hak masing-masing. Bagi mahkamah pula tidak ada sesuatu gangguan terhadapnya dan ia bebas membuat keputusan. Hakim-hakim tidak dapat dipengaruh oleh mana-mana pihak.

Sungguhpun Paula Jones kalah dalam kes tersebut tetapi seluruh dunia dapat menyaksikan bahawa seorang rakyat biasa boleh mengheret seorang Presiden ke mahkamah. Inilah yang memberi kepercayaan dan keyakinan kepada seluruh dunia bahawa demokrasi di Amerika Syarikat itu adalah kepunyaan semua lapisan masyarakat.

Di samping kusutnya fikiran rakyat dengan laporan-laporan wartawan-wartawan asing mengenai apa yang didakwa kerajaan Melayu dan kedudukan raja-raja Melayu, diikuti pula oleh satu gerakan halus di kalangan rakyat. Kali ini datangnya daripada mereka yang memanggil diri sebagai intelektual yang melibatkan ahli-ahli UMNO. Perkara yang menjadi isu ialah surat layang yang ditulis oleh Dr. Mahathir Mohamad.

Surat itu memburukkan Tunku Abdul Rahman dan salinannya diedarkan kepada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan dan orang ramai. Tun Dr. Ismail bertindak cepat mengharamkan pengedaran, percetakan dan penyimpanan surat itu. Golongan yang memanggil diri mereka *ultras* menggunakan kandungan surat itu untuk memburukkan Tunku dan kerajaannya. Tun Razak memanggil mesyuarat khas Majlis Tertinggi UMNO di Sri Taman. Mesyuarat itu membincangkan surat Dr. Mahathir.

Majlis Tertinggi UMNO bersidang pada 12 Julai 1969 yang dipengerusikan oleh Tun Razak. Tunku tidak hadir dalam mesyuarat itu. Golongan yang mendakwa dirinya sebagai pejuang *Afro Asian Group* mengambil kesempatan mengeruhkan lagi kedudukan. Golongan ini memang terpengaruh oleh politik Sukarno dan mengharapkan Malaysia juga menjadi sebuah Republik.

Ramai yang berasa bingung dengan surat Dr. Mahathir itu. Ini disebabkan beliau adalah orang kuat UMNO dan seorang ahli Majlis Tertinggi UMNO. Mungkin Dr. Mahathir berasa kecewa kerana kalah dalam pilihan raya di kawasan Kota Setar Selatan. Selepas melayangkan surat itu, Dr. Mahathir menulis pula buku bertajuk *Malay Dilemma*. Buku ini menggambarkan penderitaan rakyat di kampung-kampung di bawah kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman.

Dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO itu, ahli-ahli sebulat suara mengambil keputusan memecat Dr. Mahathir daripada UMNO. Ahli-ahli sependapat bahawa perbuatan Dr. Mahathir itu adalah melanggar disiplin parti.

Sementara itu jentera pentadbiran Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) siap disusun dan jentera kerajaan mengikut arahan majlis. Tiap-tiap agensi kerajaan menumpukan kepada usaha pemulihan negara dan mengembalikan pemerintahan berparlimen. Tun Razak dengan beberapa menteri lain, khasnya Tun Dr. Ismail, menumpukan perhatian kepada usaha menggerakkan pentadbiran negara dan menganalisis punca rusuhan kaum 1969 serta mencari jawapan kepada punca itu agar tragedi tersebut tidak berulang lagi. Perkara yang besar ialah mencari 'ubat' yang mujarab untuk membetulkan kedudukan yang tidak seimbang dalam agihan ekonomi di kalangan rakyat yang berbilang keturunan.

Bagi Tunku Abdul Rahman pula, beliau menjelajah ke ceruk rantau Malaysia dengan slogan 'MUHIBBAH'. Tunku dengan bantuan pemimpin-pemimpin sukarela dan pemimpin masyarakat lainnya berusaha meyakinkan rakyat Malaysia supaya menanam semangat bertolak ansur antara orang Melayu

dengan orang bukan Melayu. Semua kaum perlu bergantung kepada kaum yang lain. Kedudukan persefahaman ini tidak begitu ketara di kalangan belia-belia yang telah mengikuti sistem persekolahan kebangsaan yang mula berjalan semenjak merdeka 1957. Mengikut sistem pelajaran itu, semua murid dari apa keturunan sekalipun sama ada Melayu atau Cina, adalah serupa – menumpukan taat setianya kepada Malaysia dan menyedari kedudukan Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan serta agama.

Dalam masa beberapa bulan sahaja, dengan pelaksanaan jentera tindakan negara, kedudukan negara semakin pulih. Keadaan di Kuala Lumpur pulih semula seperti sebelum rusuhan. Kelab-kelab malam mula dipenuhi khalayak. Tempat-tempat bersiar di Kuala Lumpur seperti Tasik Perdana, Jalan Duta dan tempat-tempat lain mula ternampak kereta berhenti di tepi jalan pada waktu malam.

Dengan keadaan yang cepat berubah ini maka rakyat menaruh harapan, terutama ahli-ahli politik, bahawa Parlimen akan berfungsi semula dan kerajaan pilihan rakyat akan kembali seperti biasa.

Majlis Gerakan Negara telah mula bergerak. Agensi-agensi kerajaan menjalankan tugas masing-masing mengikut arahan Majlis. Kedudukan negara beransur pulih. Dalam pada akhbar-akhbar luar negara memutarbelitkan berita-berita di Malaysia, maka timbul pula satu lagi isu. Kali ini isu tersebut ditimbulkan oleh golongan yang tidak merestui Tunku Abdul Rahman menerajui kerajaan. Golongan ini memanggil diri mereka sebagai golongan intelektual. Mereka menggangap Tun Razaklah Perdana Menteri. Mereka ini bergerak secara halus.

Mereka tidak mengetahui pertalian persahabatan di kalangan pemimpin-pemimpin, khasnya Ahli-ahli Jemaah Menteri. Ahli-ahli Jemaah Menteri itu menepati kata pepatah, 'seia sekata'. Mereka berdiri bulat di belakang Tunku Abdul Rahman. Dalam satu perjumpaan yang diadakan di antara pemimpin UMNO dengan Ahli-ahli Jemaah Menteri, Tun Dr. Ismail telah berucap dengan panjang lebar.



Tun Razak dan anggota-anggota Majlis Gerakan Negara membaca doa sebelum beliau mempengerusikan mesyuarat terakhir majlis itu pada 17 Februari 1971.

Antara lain Tun Dr. Ismail berkata, 'Jangan ada pihak yang suka mengambil kesempatan dalam masa ini. Pihak pemimpin-pemimpin UMNO dan kerajaan adalah sentiasa berdiri di belakang Tunku. Mungkin ada isu yang timbul dan kami mempunyai pendapat yang berbeza, tetapi apabila isu itu dipersetujui maka kami patuh dan memikul beban itu bersama.

'Memandangkan keadaan yang begitu rupa, saya sendiri menawarkan diri balik ke kabinet sungguhpun saya sudah bersara. Kami mempunyai pendirian yang bulat dan memikul tanggungjawab secara kolektif.'

(Tun Dr. Ismail adalah ahli kabinet dari mula kabinet pertama dibentuk. Beliau bersara atas sebab kesihatan).

Tun Razak yang menjadi timbalan kepada Tunku Abdul Rahman semenjak tahun 1951 iaitu sebagai Timbalan Yang Dipertua UMNO dan seterusnya Timbalan Perdana Menteri, tidak menghiraukan gerakan halus daripada golongan intelektual itu. Tun Razak adalah 'timbalan' yang taat setia. Sungguhpun beliau mempunyai kuasa yang besar dan luas sebagai Pengarah MAGERAN, tetapi boleh dikatakan setiap hari beliau bermesyuarat dengan Tunku Abdul Rahman atau sekurang-kurangnya berhubung dengan telefon. Pernah Tun berkata, 'Selepas Tunku bersara, saya berasa sunyi kerana tidak bercakap dengan Tunku di telefon tiap-tiap hari.'

Inilah perbezaannya antara pemimpin-pemimpin Malaysia dengan pemimpin di sesetengah negara di luar. Ada antara negara-negara di luar sengaja mencetuskan keadaan darurat supaya dapat mewujudkan pemerintahan diktator. Di Malaysia adalah berlainan. Semua pemimpinnya menumpukan segala tenaga dan kebolehan untuk meredakan keadaan darurat dan berusaha untuk menuju pemerintahan demokrasi berparlimen.

Dengan segala yang ditumpukan kepada pemulihan demokrasi berparlimen, maka Parlimen dipulihkan setelah 21 bulan sahaja.

Bab 9

Majlis Gerakan Negara Ditubuhkan

TIGA belas Mei 1969 merupakan tarikh hitam dalam sejarah Malaysia. Pada tarikh itu rusuhan kaum berlaku. Kuala Lumpur menjadi padang jarak padang terkukur. Bangunan yang berwarna putih menjadi hitam akibat jilatan api. Pada malam tersebut, Kuala Lumpur menyala merah. Bangunan-bangunan dan kedai-kedai banyak yang terbakar.

Pada 14 Mei 1969, seluruh masjid dan surau di Kuala Lumpur penuh dengan orang 'pelarian'. Mereka datang ke Kuala Lumpur untuk menyertai perarakan kemenangan pilihan raya UMNO. Apabila rusuhan meletus, mereka tidak dapat balik. Beberapa orang pemuda UMNO telah dipanggil ke Sri Taman, kediaman Timbalan Perdana Menteri. Tun Razak mengarahkan pemuda-pemuda UMNO menguruskan 'orang pelarian' yang tersadai itu balik ke kampung masing-masing. Jika mereka balik lambat katanya, pasti anak dan isteri mereka akan bimbang.

Kepada mereka yang tidak balik, Tun Razak mengarahkan supaya diberi makanan. Beras dan sayur-sayuran terpaksa dibawa dari Kuala Selangor. Kedai-kedai di Kuala Lumpur semuanya ditutup. Pada masa itu, orang Melayu memandang serong kepada orang Cina dan begitulah sebaliknya. Kebanyakan kedai di Kuala Lumpur dikuasai oleh orang-orang Cina. Jika pun ada

barang, mereka (orang Cina) tidak sedia menjualnya kepada orang Melayu. Dengan tibanya lori-lori yang membawa beras dan barang-barang makanan yang lain dari Kuala Selangor, maka dapatlah diselesaikan soal bekalan makanan. Kuala Selangor adalah 'kawah padi'. Dengan wujudnya hubungan antara Kuala Selangor dan Kuala Lumpur, maka soal makanan tidak lagi menjadi masalah.

Dengan tersiarnya berita rusuhan di Kuala Lumpur, maka keadaan itu melarat ke seluruh tanah air. Orang Melayu melaungkan slogan 'darah dibayar darah'. Rusuhan di Kuala Lumpur itu bukan lagi merupakan satu rusuhan terpencil, tetapi sudah merebak ke seluruh Semenanjung.

Barang-barang makanan merupakan masalah besar. Secara kebetulan kebanyakan kedai di Kuala Lumpur dan di negeri-negeri lain kecuali Kelantan dan Terengganu dikuasai oleh orang Cina. Kedai-kedai runcit memang dikuasai oleh orang Cina. Di Kelantan sebaliknya kedai-kedai atau warung-warung dikuasai orang Melayu. Soal kekurangan makanan di Kelantan dan Terengganu tidak timbul.

Sementara keadaan buruk dan ketakutan rakyat merebak ke seluruh negara, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman sibuk mengatur strategi dan membuat persiapan yang wajar untuk membendung krisis ini. Tunku mengatur kabinet yang berorientasikan darurat.

Tun Dr. Ismail, yang sudah bersara menawarkan diri untuk berkhidmat kembali dalam kabinet. Tunku mengalu-alukan kesanggupan Tun Dr. Ismail untuk berkhidmat semula dalam kabinet sungguhpun beliau (Dr. Ismail) uzur. Tun Dr. Ismail adalah seorang yang tegas, cekap, berani dan adil. Kewibawaannya sebagai pemimpin memang mendapat penghormatan daripada rakyat berbilang kaum. Sungguhpun wajahnya sentiasa serius, tetapi sebarang ketetapan yang dibuatnya adalah adil. Semua pihak sama ada kawan atau lawan menghormati sifat dan sikap Tun Dr. Ismail.

Tunku Abdul Rahman mengarahkan Tun Razak supaya mengatur agar barang-barang makanan dapat dihantar ke

kawasan-kawasan yang diisytiharkan darurat dan perintah berkurung. Pejabat Peguam Negara sibuk pula mengatur pengisytiharan dan undang-undang untuk mengisytiharkan darurat di seluruh negara dan mengisytiharkan seluruh kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan.

Pada 16 Mei 1969, Tun Abdul Razak dengan rasminya dilantik sebagai Pengarah Majlis Gerakan Negara atau MAGERAN. Dengan pelantikan itu, Tun Razak mempunyai kuasa mutlak mentadbirkan negara di bawah undang-undang darurat.

Tunku Abdul Rahman sentiasa memberi pujian kepada Tun Razak di mana sahaja yang sesuai dalam ucapannya. Di mana juga Tunku Abdul Rahman berucap, khasnya kepada ahli-ahli parti, beliau berkata, 'Saya mengenali Tun Razak selama berpuluh-puluh tahun, sebagai sahabat dan rakan, dan dalam masa pengalaman saya sebagai Perdana Menteri, saya sentiasa dapati Tun sebagai seorang nasionalis dan patriot, dan sentiasa menumpukan masa serta tenaga untuk memikul tanggungjawab secara adil. Perhubungan saya dengan Tun Razak adalah "unik" dalam sejarah. Perkongsian selama ini tidak dapat dipisahkan kerana telah dijalin secara persefahaman antara satu dengan lain dan saling hormat-menghormati antara satu dengan lain. Hubungan kami begitu rapat dan bergantung antara satu dengan lain. Tun Razak sentiasa menepati buah fikiran saya dan saya meminta buah fikirannya pada masa-masa yang diperlukan sama ada siang dan malam. Jika saya diberi nama "Bapa Malaysia" dan Tun Razak adalah salah seorang daripada *engineers* untuk kemerdekaan tanah air.' (Petikan daripada buku Tunku, *13 May ... Before & After*).

Dengan pembentukan Majlis Gerakan Negara, Tun Razak menumpukan sepenuh tenaga kepada masalah darurat dan mencari sebab-sebabnya serta merangka satu bentuk panduan untuk masa depan, sementara Tunku Abdul Rahman masih tetap Perdana Menteri dan mentadbirkan negara.

Tugas Tun Razak yang paling besar ialah memberi jaminan kepada rakyat supaya mereka (rakyat) tidak berada dalam keadaan ketakutan akibat perbuatan golongan pelampau dan pengganas.

Pengisytiharan darurat akibat rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 adalah kali kedua Tun Razak berhadapan dengan darurat di Malaysia. Kali pertama ialah semasa negara menghadapi darurat akibat ancaman komunis 1948-1962 ketika beliau menyandang jawatan Menteri Pertahanan. Kedua-dua darurat ini berlainan coraknya. Dalam darurat pertama (1948-1962), negara menghadapi musuh bercorak ideologi komunis, manakala kali kedua ini negara berhadapan dengan rusuhan kaum. Darurat pertama boleh dikatakan mudah ditentukan musuhnya kerana komunis berjuang dari dalam hutan manakala darurat kedua pula musuh berada di kalangan rakyat biasa. Ideologi komunis adalah musuh orang Islam atau Melayu kerana Islam tidak mengakui orang yang tidak ada agama. Musuh perkauman adalah di dalam hati sanubari setiap penduduk di negeri ini. Orang Melayu bimbang terhadap orang yang bukan Melayu, manakala orang bukan Melayu pula curiga kepada orang Melayu. Orang Melayu memang sabar tetapi jika ditekan mereka akan bangun hingga mati-matian.

Sungguhpun pergaduhan di Kuala Lumpur itu berpunca daripada orang Cina menyerang orang Melayu di Setapak, tetapi orang Melayu berpendapat bahawa inilah masanya untuk membalas dendam terhadap orang Cina. Orang Cina disokong oleh parti-parti pembangkang yang prokomunis, manakala orang Melayu menentang keganasan itu semata-mata dengan semangatnya. Orang Melayu berpendapat bahawa orang Cina sudah berlebihan apabila ingin merebut ekonomi tanah air. Orang Cina mendakwa pemberian ekonomi tidak seimbang. Semangat orang Melayu lebih berkobar kerana dalam masa menuntut kemerdekaan dulu mereka melaungkan slogan nasionalisasi. Mereka menganggap nasionalisasi itu boleh memberi mereka kedudukan ekonomi yang seimbang dan baik, tetapi bukan begitu senang. Pengambilan satu-satu syarat di bawah nasionalisasi akan menggunakan wang negara yang banyak.

Harta orang tidak boleh diambil secara percuma. Penilaian perlu dibuat dan ganti rugi perlu diberi kepada tuan punya

harta. Ada juga estet-estet getah diambil, dipecahkan-pecahkan dan diberi kepada pekebun-pekebun kecil.

MAGERAN yang diketuai oleh Tun Razak memikul tugas berat itu. Majlis ini menganalisis dan mendapatkan buah fikiran orang ramai mengenai sebab musabab yang mendorongkan rusuhan kaum. Dengan berjalannya pentadbiran MAGERAN, maka Parlimen digantung.

Tun Razak melantik beberapa orang Menteri kanan seperti Tun Dr. Ismail menjadi orang rapat Tun Razak *(inner circle)*. Tan Sri Ghazali Shafie, Ketua Setiausaha Kementerian Luar, telah bersara dan dilantik sebagai Senator. Beliau menjadi orang kuat Tun Razak untuk memikul beban yang maha berat itu. Hubungan Tan Sri Ghazali dengan Tun Razak tidak payah diceritakan. Mereka adalah rakan karib. Kedua-duanya adalah anak watan negeri Pahang. Kedua-duanya juga mempelopori gerakan tentera Wataniah sewaktu pemerintahan Jepun dalam Perang Dunia Kedua. Kedua-duanya adalah sangat secocok. Tan Sri Ghazali adalah seorang insan yang terlalu suka berkerja *(workaholic)*. Selepas menjadi Senator, beliau dilantik sebagai Menteri Tak Berportfolio. Tugas utamanya ialah membantu Tun Razak. Tan Sri Ghazali terkenal sebagai seorang pegawai kerajaan dan ahli politik. Beliau memainkan politiknya di belakang layar semasa masih dalam perkhidmatan kerajaan. Beliau terkenal kerana kebijaksanaan dan keperibadian tersendiri.

Dengan teraturnya pemerintahan Majlis Gerakan Negara, maka keadaan di seluruh negara cepat terkawal. Cetusan rusuhan yang serius meletus di ceruk rantau negara tidak lagi kedengaran. Rakyat merasa keselamatan mereka terjamin.

Tun Razak mengarahkan Pemuda UMNO mencari jalan, dalam masa Parlimen digantung, untuk menemui rakyat jelata supaya rakyat tidak merasakan jauh daripada parti dan kerajaan. Dengan arahan itu, maka Pemuda UMNO merancangkan satu projek iaitu 'Talasco Company'. Nama ini dipilih sempena gerakan Pemuda Tahan Lasak. Kamarul Ariffin, Azman Hashim, Hamzah Alang dan penulis ditugaskan untuk merangka serta menubuhkan Talasco. Dengan itu, tiap-tiap negeri menyumbangkan modal kepada Talasco.

Rusuhan kaum ini, jika diambil kira di seluruh dunia, adalah kecil. Di negara lain, terutama di benua Afrika, peluh 'semangat kemerdekaan' belum kering lagi, rusuhan kaum sudah meletus. Rusuhan kaum di negara-negara tersebut merupakan 'perang saudara'.

Pihak yang berkaitan menggunakan senapang dan senjata api yang berat dan ringan. Manakala di Malaysia dalam rusuhan kaum itu tidak langsung kedengaran letupan senjata. Yang kelihatan semata-mata asap kebakaran dan api di beberapa bangunan di Kuala Lumpur. Di negeri-negeri lain di luar Kuala Lumpur, keadaan seperti itu tidak wujud. Ini bermakna rusuhan itu dalam lingkungan Kuala Lumpur sahaja. Dengan angkatan tentera giat berkawal, rusuhan itu dibendung dalam masa beberapa bulan sahaja.

Kita hanya memerlukan pasukan keselamatan kita sendiri untuk mengawal rusuhan itu. Di sesetengah negara, apabila rusuhan meletus, kesan dan akibatnya mengambil masa bertahun-tahun. Kebanyakan negara yang dilanda rusuhan itu memerlukan negara ketiga untuk menjadi orang tengahnya. Bagi Malaysia, keadaan ini jelas kelihatan bahawa semangat perpaduan sudah mula meresap di dalam hati sanubari rakyat yang berbilang bangsa. Tunku Abdul Rahman, semenjak mula mengetuai UMNO dan kerajaan, sentiasa menanamkan semangat tolak ansur di kalangan rakyat berbilang bangsa di Malaya. Jika tiada semangat itu sudah tentulah rusuhan kaum seperti ini melarat di seluruh pelosok Malaysia. Tetapi dengan adanya semangat tolak ansur dalam darah daging rakyat, perpaduan kaum dapat dikemaskan.

Sekarang ini semangat tolak ansur itu sudah menjadi budaya bangsa dan dari masa ke masa diterapkan ke dalam jiwa masyarakat. Semangat tolak ansur ini bukan sahaja terucap di mulut-mulut sebagai slogan, tetapi turut diterjemahkan kepada pengagihan kekayaan negara di kalangan pelbagai kaum dan keturunan di Malaysia. Dr. Mahathir sentiasa melaungkan slogan semangat 'tolak ansur' dan persefahaman agar disematkan lebih tebal lagi dalam jiwa masyarakat. Sungguhpun slo-

gan itu kecil tetapi kesan dan implikasinya amat besar kepada kebudayaan dan tali persahabatan rakyat setiap hari.

Di kalangan negara-negara kecil yang dilanda oleh rusuhan kaum, ada negara-negara jirannya yang mengambil berat atas rusuhan itu dan cuba hendak menyelesaikannya. Malangnya, negara-negara jiran itu tidaklah begitu kaya dan tidak juga negara yang kuat. Mereka yang bergelut dengan rusuhan itu nampaknya sengaja mendalamkan perselisihan mereka hingga negara-negara besar dan kaya campur tangan. Ini adalah satu lojik yang terbuka. Negara-negara kaya itu campur tangan dengan memberikan 'formula' penyelesaian persengketan berserta 'buah tangan' iaitu bantuan kewangan. Contoh yang ketara sekali ialah persengketaan PLO dengan Israel. Sudah banyak negara jiran yang memberikan buah fikiran kepada PLO tetapi tidak ada yang berjaya. Sebaliknya, apabila White House campur tangan maka perjanjian keamanan pun ditandatangani di Amerika Syarikat. Begitu juga halnya dengan Bosnia-Herzegovina. Banyak negara lain cuba memberikan buah fikiran dan bantuannya tetapi tidak diterima. Apabila Amerika Syarikat campur tangan dengan 'buah tangan'nya untuk membangunkan semula negeri itu, maka satu perjanjian keamanan berjaya ditandatangani antara puak-puak yang bertelagah itu. Amerika Syarikat menghantar pasukan tentera yang besar ke Bosnia di samping surat daripada White House bagi mendapatkan derma pemulihan di Bosnia.

Semuanya memberikan bantuan kepada Bosnia atas seruan Amerika Syarikat. Apa boleh buat. Amerika Syarikat seolah-olah seperti naungan kepada seluruh dunia. Suara White House kepada seluruh dunia juga lebih berkesan daripada suara Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Jika keadaan ini berlarutan, maka masanya akan tiba apabila Amerika Syarikat akan menjadi 'bapa angkat' kepada negara-negara yang berhadapan dengan pertengkaran dan mengalami rusuhan.

Sistem pentadbiran Amerika Syarikat memang meyakinkan orang awam. Kerajaan Amerika Syarikat adalah benar-benar satu kerajaan yang berpegang kepada demokrasi kuasa rakyat. Pentadbirannya terbahagi kepada tiga iaitu Perundangan

(Legisrative) yang diketuai dengan Kongres; Pentadbiran *(Administrative)* atau dipanggil dengan nama White House dan Kehakiman *(Judiciary)*. Ketiga-tiga bahagian ini adalah bebas fungsinya antara satu dengan lain. Suara rakyat diambil kira pada bila-bila masa. Ahli-ahli Kongres bebas mengeluarkan pendapatnya antara satu dengan yang lain. Ketika mengundi juga mereka bebas. Menjadi pengetahuan umum, dalam satu parti pun mereka bercanggah apabila memberi undi dalam satu-satu usul atau undang-undang dalam Kongres. Rakyat pula mempunyai badan-badan sukarela atau pertubuhan-pertubuhan sukarela. Mereka bebas menentang satu-satu isu yang dikeluarkan kepada umum. Akhbar-akhbar di Amerika Syarikat bebas menerbitkan berita-berita dari mana-mana lapisan masyarakat. Ahli-ahli Kongres (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) bebas membawa rang undang-undang untuk dibahaskan dan diluluskan di Kongres. Mereka membawa rang undang-undang jika didapati perlu untuk kepentingan rakyat.

Tiap-tiap polisi kerajaan adalah telus. Setiap rakyat bebas mengeluarkan buah fikirannya. Pihak kerajaan pula memang menghalusi buah fikiran rakyat. Jika seseorang berada di Amerika Syarikat, ada kemungkinan dia merasakan bahawa akhbar-akhbar di sana sentiasa menyelak kain orang lain. Berita-berita sedemikian adalah penting kerana rakyat mendapat tahu apa yang berlaku.

Badan-badan sukarela di Amerika Syarikat adalah kuat dan bebas. Mereka tidak bergantung kepada pihak pemerintahan untuk bergerak. Dengan demikian, maka segalanya dapat dilihat oleh rakyat. Tidak ada puak yang boleh mengetepikan atau menyembunyikan satu-satu isu. Dalam sistem sedemikian, dapatlah dilihat bahawa rakyat benar-benar berkuasa dan tidak semata-mata menggunakan kuasa mereka dalam pilihan raya sahaja.

Sistem sebeginilah yang memberikan kepercayaan kepada negara-negara dan rakyat yang bertelagah bahawa campur tangan Amerika Syarikat itu akan memberi keadilan dan demokrasi yang sepenuhnya.

Kepercayaan rakyat atau negara terhadap sesebuah negara lain bergantung kepada sistem negara-negara itu. Jika sesebuah negara bergantung kepada sistem demokrasi, maka perjalanan demokrasi dapat dilihat jika rakyatnya dapat menguasai kerajaan mengambil kira buah fikiran rakyat. Demokrasi mempunyai banyak makna dan corak. Jika diambil kira semata-mata berpegang kepada corak pilihan raya untuk rakyat dan akhirnya dipanggil demokrasi, maka cara begitu tidak benar-benar menunjukkan perkembangan demokrasi. Negara-negara yang menganut sistem komunisme pun ada pilihan raya dan memanggilnya demokrasi juga. Apa yang berlainan ialah cara-cara pilihan raya itu dijalankan. Demokrasi yang benar-benar dipanggil demokrasi ialah apabila rakyat keluar mengundi secara sukarela dan bebas. Tidak ada kejutan, tidak ada desakan dan tidak ada paksaan.

Inilah yang dipraktikkan di Amerika Syarikat. Sistem yang terang terbuka itulah yang menarik negara-negara yang bertelagah mengingini Amerika Syarikat menolongnya. Mereka yakin bahawa dengan demokrasi Amerika Syarikat dan dengan campur tangannya serta disusul pula dengan bantuan, maka semua ini menarik negara yang bertelagah untuk menerima pandangan kerajaan Amerika Syarikat. Ini dapat dilihat di mana-mana pertelagahan kaum berlaku dan Amerika Syarikat masuk campur tangan, keadaannya dapat diselesaikan. Ini tidak dapat dinafikan.

Kita lihat saja di Indo-China, Bosnia, Afrika dan Timur Tengah. Mana-mana negara yang bertelagah dan berlaku persengketaan kaum, dengan sendirinya Amerika Syarikat akan menawarkan diri untuk menyelesaikan.

Kita di Malaysia, dalam pertempuran kaum 13 Mei 1969, kita tidak memerlukan mana-mana negara menyelesaikannya. Pemimpin-pemimpin Malaysia pada waktu itu, dengan kewibawaan mereka tersendiri, memberikan kepercayaan kepada kerajaan. Oleh itu, diharapkan suasana dan kesan-kesan yang ditinggalkan oleh pemimpin-pemimpin di peringkat pertama kemerdekaan Malaysia dapat dicontohi oleh generasi akan

datang. Pemimpin datang dan pemimpin pergi tetapi negara tetap ada untuk selama-lamanya. Jika pemimpin-pemimpin berubah maka sudah tentulah sikap mereka itu akan turut menimpa negara.

Bab 10

Tun Razak
Perdana Menteri

PERLEMBAGAAN Malaysia adalah hasil daripada persetujuan yang dicapai antara kaum sebelum merdeka. Perlembagaan Malaysia boleh dianggap sebagai satu perjanjian kaum yang muktamad. Perlembagaan Malaysia mengandungi syarat-syarat yang melindungi hak dan kepentingan semua bangsa di Malaysia – orang Malaysia keturunan Cina, orang Malaysia keturunan India dan orang Melayu. Pelbagai rundingan dan mesyuarat telah diadakan sebelum merdeka antara pemimpin-pemimpin kaum untuk menggubal syarat-syarat yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia. Syarat-syarat hak keistimewaan orang Melayu telah ditimbangkan dan memberi hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu dan jaminan-jaminan yang lain. Jika hak asasi satu-satu kaum dipersoalkan, maka sudah tentu ia menimbulkan perasaan dan sentimen rasa bimbang dan curiga.

Malaysia adalah sebuah negara yang unik. Orang Melayu merupakan penduduk majoriti. Kuasa politik juga di tangan orang Melayu tetapi kekayaan negara lebih terletak di tangan orang bukan Melayu. Sungguhpun kuasa politik di tangan orang Melayu, orang Melayu sanggup memberi dan berkongsi kuasa dengan keturunan bukan Melayu melalui pemberian peluang kepada orang bukan Melayu menjadi warganegara.

Dengan kedudukan demikian, maka adalah adil jika kuasa ekonomi pun dibahagikan antara semua kaum di Malaysia. Kerajaan boleh membuat undang-undang untuk membolehkan orang Melayu merebut sama kekayaan negara. Kejayaannya adalah terpulang kepada orang Melayu sendiri. Kekayaan yang diperoleh oleh orang bukan Melayu sebelumnya tidak patut diungkit, tetapi apa yang diperlukan adalah untuk menyama-ratakan kekayaan dan ekonomi pada masa depan berhubung dengan peluang-peluang yang dibuka.

Pemberian ekonomi dan kekayaan negara sama rata antara kaum merupakan persefahaman yang dicapai antara kaum sebelum merdeka dan inilah konsep yang diterima untuk membina negara Malaysia. Orang Melayu tidak begitu senang dengan cara kekayaan negara dibahagikan kepada kaum lain. Di samping mereka kekurangan kuasa politik dengan berkongsi dengan orang bukan Melayu dan tidak mendapat bahagian mereka dalam perkembangan peluang ekonomi yang terbuka di Malaysia, orang Melayu menganggap diri mereka berada di belakang.

Dalam pilihan raya umum tahun 1969, calon-calon yang ekstrem dan penyokong-penyokong mereka membesar-besar-kan dan mempersoalkan sesetengah daripada kandungan perlembagaan yang sepatutnya diterima dan dijadikan isi per-lembagaan sebelum kemerdekaan. Golongan ini menimbulkan perkara-perkara sensitif itu dengan tidak pula membawa kepada bahasan isu-isu yang menjadi isu perseimbangan dalam per-lembagaan. Dalam masa yang sama mereka juga menuntut supaya syarat-syarat dalam Perlembagaan yang mereka sentuh itu dihapuskan. Umpamanya mereka menimbulkan soal jawatan menteri besar. Mereka menuntut supaya jawatan ini diberi kepada sesiapa sahaja. Inilah isu yang timbul semasa mereka meminta Menteri Besar Selangor 'balik kampung'. Mereka melaung-laungkan isu itu dan berkumpul depan kediaman Menteri Besar Selangor di Jalan Raja Muda sambil membuka-kan butang seluar mereka.

Berikutan rusuhsan kaum 13 Mei 1969, Parlimen (Dewan Rakyat dan Dewan Negara) digantung dari 14 Mei 1969 hingga

20 Januari 1971. Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) ditubuhkan. Tun Razak dilantik sebagai Pengarah MAGERAN. Tun Razak mempunyai kuasa eksekutif dan legislatif tetapi pelaksanaannya perlu mendapat persetujuan Perdana Menteri. Kementerian masih berfungsi tetapi bertanggungjawab kepada Perdana Menteri dan Pengarah MAGERAN tetapi tidak kepada Parlimen.

Tujuan menubuhkan kerajaan darurat adalah membuat persiapan kembali kepada pemerintahan demokrasi berparlimen. Sambungan semula Parlimen sekali gus dibuat dengan perisytiharan Tun Razak menjadi Perdana Menteri selepas Tunku Abdul Rahman bersara daripada kerajaan.

Parlimen disambung semula pada 23 Februari 1971. Ia bermula dengan persidangan Dewan Rakyat untuk meminda perlembagaan. Semasa pemerintahan darurat sebuah jawatankuasa perundingan telah ditubuhkan. Tugas jawatankuasa ini ialah mengkaji secara teliti perkara-perkara yang menyebabkan timbulnya rusuhan kaum pada Mei 1969. Jawatankuasa ini mengesyorkan supaya perkara-perkara sensitif dalam perlembagaan seperti bahasa kebangsaan, hak istimewa orang Melayu, kedudukan raja-raja dan agama dipinda serta diperkemas supaya tidak ditimbulkan di tengah masyarakat ramai. Jawatankuasa itu juga telah mengesyorkan supaya Rukunegara digubal. Perkara-perkara ini yang melibatkan undang-undang hendaklah dimasukkan ke dalam perlembagaan dan perlembagaan itu dipinda untuk mengelakkan rakyat yang ekstrem daripada menggunakannya di khalayak ramai.

Tun Razak menjadi Perdana Menteri. Beliau mengambil alih tanggungjawab mentadbir negara. Beliau berkehendakkan negara bercorak demokrasi berparlimen, negara yang stabil dan kedudukan politik yang kuat. Beliau juga memerlukan perpaduan rakyat yang rapat. Beliau mengatur langkah supaya perkara-perkara ini dapat dipikulnya.

Tun Razak adalah Perdana Menteri yang banyak menjelajah. Perjalanan beliau bukanlah untuk berseronok atau berehat, tetapi untuk melihat sendiri keadaan di peringkat bawah dan

rakyat. Sebelum merdeka, beliau menjelajah ke seluruh pelosok tanah air untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi membebaskan Tanah Melayu dan menolak pemerintahan British. Selepas merdeka, beliau menjelajah ke seluruh rantau tanah air untuk mengisi kemerdekaan. Sebelum merdeka, beliau menjelajah menaiki basikal, perahu dan bot. Selepas merdeka, apabila jalan raya telah dibina dan feri diganti dengan jambatan, Tun Razak mula menjelajah dengan kereta dan van. Antara empat Perdana Menteri (Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein dan Dr. Mahathir), Tun Razaklah yang telah mengukur bumi Malaysia.

Semasa Tunku Abdul Rahman berkuasa, sungguhpun beliau sebagai Timbalan Perdana Menteri tetapi tugas yang dipikulnya lebih berat daripada Perdana Menteri. Kebanyakan usul dan dasar negara, selepas diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman, ia dipikul dan dilaksanakan oleh Tun Razak. Semasa Tunku Abdul Rahman mengumumkan konsep penubuhan Malaysia di Singapura, selepas pengumuman itu dengan sendirinya pelaksanaan penubuhan Malaysia dipikul oleh Tun Razak. Tun Razaklah meneraju perundingan dengan pemimpin-pemimpin di Sabah, Sarawak dan Singapura serta Brunei. Taat setia Tun Razak kepada Tunku Abdul Rahman tidak menimbulkan sebarang keraguan. Begitu juga dengan kepercayaan Tunku Abdul Rahman kepada Tun Razak. Tunku Abdul Rahman terang-terang mengumumkan bahawa Tun Razaklah yang akan menyandang jawatan menggantinya jika berlaku sesuatu kepada beliau. Kedua-dua pemimpin ini telah menjelajah Tanah Melayu. Susah hendak mengira siapakah yang berjalan lebih jauh antara mereka. Kedua-duanya telah menjelajah kampung halaman di ceruk rantau Tanah Melayu. Bezanya sikit sahaja.

Tunku Abdul Rahman menjelajah Tanah Melayu sebelum merdeka untuk mendapatkan sokongan rakyat bagi menolak penjajahan British, manakala Tun Razak pula menjelajah Tanah Melayu selepas merdeka untuk mengatur pembangunan bagi rakyat jelata. Dengan tongkatnya, Tun Razak telah melawat kampung kecil dan besar untuk menyaksikan sendiri apa jenis



Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong menerima menghadapTun Razak sempena perlantikannya sebagai Perdana Menteri kedua.

pertolongan yang boleh diberi kepada rakyat. Apabila merdeka diisytiharkan, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu terpaksa menempuh beberapa feri untuk menyeberang sungai tetapi selepas merdeka, feri-feri ini telah digantikan dengan jambatan. Dahulu seseorang itu terpaksa mengambil masa beberapa hari untuk sampai ke Kota Bharu dari Kuala Lumpur. Selepas feri diganti dengan jambatan, perjalanan itu mengambil masa satu hari sahaja.

Pada 22 September 1970, Tun Razak menjadi Perdana Menteri selepas Tunku Abdul Rahman bersara. Tun Razak menjadi Perdana Menteri yang kedua pada bulan Februari 1959 apabila Tunku Abdul Rahman meninggalkan jawatan itu untuk berkempen pada pilihan raya umum tahun itu. Tunku Abdul Rahman meninggalkan jawatan dan menyerahkannya kepada Tun Razak. Tun Razak memikul tanggungjawab itu sepenuhnya dan Tunku Abdul Rahman tidak mempengaruhi tugas Tun Razak. Sungguhpun demikian, Tun Razak sentiasa berhubung dengan Tunku Abdul Rahman dalam beberapa perkara yang penting.

Keadaan ini berlainan sekali dengan Lee Kuan Yew di Singapura. Goh Chok Tong menjadi Perdana Menteri dengan *Senior Minister* Lee Kuan Yew yang mempengaruhi tugasnya. Jawatan Goh Chok Tong terhimpit oleh pengaruh *Senior Minister*. Dari segi praktiknya, Goh Chok Tong tidak dapat bergerak sendiri sebagai Perdana Menteri. Goh Chok Tong tidak dapat membuat keputusan melainkan selepas mendapat persetujuan daripada Lee Kuan Yew.

Kedudukan di Tanah Melayu dan Singapura adalah berlainan. Tunku Abdul Rahman menyerahkan tugas Perdana Menteri kepada Tun Razak pada tahun 1959 dengan penuh kepercayaan, sesuatu yang berlainan dengan Lee Kuan Yew.

Dengan persefahaman antara Tunku Abdul Rahman dengan Tun Razak yang terlalu rapat, maka ahli UMNO dan komponen Perikatan turut menunjukkan persefahaman mereka yang rapat. Ahli-ahli UMNO memberikan sokongan bulat mereka kepada pucuk pimpinan. Bahagian-bahagian UMNO pun begitu juga. Soal rebutan kuasa dalam UMNO tidak kedengaran.

Istilah politik wang tidak ada dalam kamus UMNO sewaktu pimpinan Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak. Dengan adanya perpaduan dan persefahaman antara ahli-ahli UMNO dan Perikatan, Tunku Abdul Rahman sentiasa mengatakan bahawa beliaulah Perdana Menteri yang riang sekali. Kabinet bulat menumpukan taat setianya kepada Perdana Menteri.

Bab 11


Budaya Hidup

TUN RAZAK dan rakan-rakannya mengenal pasti perkara-perkara sensitif yang mudah menyinggung perasaan rakyat sepanjang perbincangan Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Semuanya diproses untuk dimeteraikan dalam pindaan perlembagaan. Pindaan kepada perlembagaan dibawa ke Dewan Rakyat pada persidangannya mulai 23 Februari hingga 3 Mac 1971. Inilah kali pertama Dewan Rakyat bersidang selepas digantung hampir dua tahun.

Selain daripada pindaan perlembagaan mengenai perkara-perkara sensitif, MAGERAN juga mendapati dua perkara penting perlu diamalkan oleh rakyat Malaysia bagi menamatkan rusuhan kaum.

Malaysia ialah sebuah negara yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Pelbagai corak nilai hidup sosial, kebudayaan dan ekonomi terdapat dalam masyarakat Malaysia. Ini dirumitkan pula oleh keadaan di mana orang yang menguasai ekonomi tertentu terdiri daripada kaum-kaum tertentu dan bertempat di kawasan-kawasan tertentu. Faktor yang membelah-bahagikan lagi masyarakat ialah jurang generasi yang jelas kelihatan.

Ramai rakyat masih ingat akan keraguan-keraguan sewaktu negara mencapai kemerdekaan disebabkan oleh sifat dan corak masyarakat kita. Tetapi keazaman rakyat ingin membina satu bangsa Malaysia yang bersatu padu telah membangkitkan



Tun Razak melawat sekitar Chow Kit dan Kampung Baru bersama dengan wartawan pada Julai 1969. Walaupun rusuhan perkauman 13 Mei telah dua bulan berlalu, keadaan di Kuala Lumpur masih tegang. Dalam ucapannya menerusi radio dan TV pada 13 Jun 1969. Tun Razak mengingatkan, 'Rakyat Malaysia, Melayu, Cina, India dan lain-lain mestilah bersedia untuk hidup bersaudara jika kekuatan masyarakat majmuk hendak subur dan selamat.'

semangat mereka untuk berusaha sedaya upaya ke arah kejayaan. Rakyat yakin bahawa keadaan yang pelbagai corak itu boleh menjadi satu sumber kekuatan negara.

Penduduk negara ini sudah beberapa keturunan hidup dalam aman dan damai, bersama-sama menikmati kekayaan alam tanah air ini. Mereka bersama-sama berusaha mencapai kemerdekaan dan bersama-sama pula menentang beberapa pencerobohan yang mengancam keutuhan dan kemerdekaan negara. Secara berhati-hati, tetapi dengan pasti, rakyat telah bersama-sama membina sebuah masyarakat yang membenarkan setiap orang mendapat tempat dan kesempatan mencari rezeki.

Namun, usaha-usaha rakyat untuk membina bangsa dan negara sedemikian telah diganggu oleh kegiatan anasir-anasir perosak. Anasir-anasir ini terdapat di kalangan semua kaum. Dari masa ke masa perasaan perkauman dan prasangka-prasangka perkauman yang terpendam telah dipergunakan dengan pelbagai helah sehingga mengakibatkan berlakunya masalah perkauman. Peristiwa pergaduhan kaum yang mengejutkan sekali ialah rusuhan yang telah berlaku pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur.

Semua faktor ini menunjukkan betapa perlunya rakyat berikhtiar semula dan melipatgandakan lagi usaha-usaha mereka untuk membina bangsa dan negara.

Tugas memperkukuhkan bangsa dan negara adalah tanggungjawab setiap rakyat. Tugas ini memerlukan satu penyusunan dan pelaksanaan dasar-dasar dan rancangan-rancangan yang sempurna, dinamik, kemas dan teratur. Kegiatan-kegiatan dalam lapangan politik, ekonomi, pelajaran, kemasyarakatan dan kebudayaan mestilah diselaraskan demi perpaduan bangsa dan negara.

Inilah tugas yang mustahak sekali dihadapi rakyat. Bagaimana mereka bertindak menghadapi cabaran ini akan menentukan sama ada boleh atau tidak Malaysia wujud kekal dan berjaya sebagai satu bangsa dan negara. Rakyat sekarang perlu memperbaharui arah dan azam bangsa dan negara kita. Mereka perlu memperbaharui tekad hidup menuju ke arah tujuan-

tujuan tertentu – tujuan-tujuan yang akan melahirkan kepentingan dan perasaan keperibadian bangsa yang sama.

Sememangnya jelas bahawa jalan di hadapan tidak luput daripada persoalan-persoalan. Bagaimanapun, hal ini janganlah menjadi halangan kepada rakyat. Kehidupan memang penuh dengan persoalan-persoalan. Segalanya bergantung pada rakyat.

Jika rakyat dapat menghadapi cabaran-cabaran zaman ini dan menggunakannya sebagai peluang untuk berkembang, nescaya mereka akan muncul sebagai satu bangsa yang lebih kukuh dan padu, disatukan oleh kenangan sejarah, kenangan kejayaan dan penderitaan yang diwarisi bersama. Rakyat akan bertambah yakin akan kesanggupan mereka menghadapi masa hadapan, dan sedia bersama bergerak maju untuk mencapai tingkat usaha dan kejayaan yang lebih tinggi.

Dalam usaha untuk mencapai tujuan ini rakyat akan berpandu kepada prinsip-prinsip tertentu yang lahir daripada sejarah yang sama, melambangkan fikiran dan perasaan, dan termaktub dalam perlembagaan. Tujuan-tujuan dan prinsip-prinsip yang dapat diterima dan digunakan untuk semua ini akan menjadi ikatan yang menyatupadukan rakyat. Tujuan-tujuan yang diterima sepenuhnya oleh bangsa dan negara ini serta prinsip-prinsip yang akan membimbing langkah mereka disatukan dalam Rukunegara.

Prinsip penyatuan ini merupakan asas Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Rukunegara digubal dan dipamerkan kepada khalayak ramai untuk diamalkan. Rukunegara tidak bersifat undang-undang. Di India, perkara seperti itu dimasukkan ke dalam perlembagaan, manakala di Indonesia pula, Pancasila dijadikan amalan hidup masyarakat. Begitulah juga dengan kedudukan Rukunegara; ia boleh diibaratkan sebagai Rukun Hidup.

Sungguhpun tidak termasuk ke dalam perlembagaan dan tidak bersifat undang-undang, tetapi Rukunegara telah diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 31 Ogos 1970 dan diterima oleh semua lapisan masyarakat sama ada daripada parti pemerintah mahupun parti pembangkang.

Tujuan besar Rukunegara adalah untuk dijadikan budaya rakyat dan diamalkan oleh masyarakat semua peringkat. Oleh itu, diharapkan Rukunegara akan menjadi satu pegangan hidup yang boleh menyatupadukan rakyat yang berbilang keturunan dan agama. Apabila semua keturunan rakyat di Malaysia mempunyai haluan yang sama dan pegangan hidup yang serupa, maka dapatlah mereka mengelakkan perkara-perkara yang berkait dengan soal perkauman. Umpamanya Dasar Pelajaran Kebangsaan. Dasar pelajaran itu mempunyai tujuan utama iaitu menjadikan bahasa Malaysia sebagai lingua franca di kalangan semua rakyat yang berbilang bangsa dan keturunan. Kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dengan sendiri akan menghilangkan soal kulit dan keturunan.

Kejayaan Dasar Pelajaran Kebangsaan menjadikan Bahasa Malaysia sebagai lingua franca di kalangan rakyat yang berbilang keturunan di Malaysia sudah menjadi kenyataan. Ambil contoh suara menerusi radio atau televisyen. Jika kita melihat kaca televisyen, maka kita dapat melihat wajah dan keadaan yang boleh mempengaruhi kita.

Tetapi di corong radio tidak kelihatan muka pemberita atau juruhebahnya. Kita hanya mendengar suara semata-mata. Daripada kefasihan suara itu, seseorang juruhebah atau pembaca berita tidak dapat dibezakan sama ada ia seorang Melayu ataupun bukan Melayu. Bahasa yang mereka gunakan serupa sahaja. Semua fasih dalam Bahasa Malaysia. Malah nada mereka pun serupa.

Begitulah diharapkan dengan amalan Rukunegara. Setiap rakyat diharapkan dapat mengamalkan Rukunegara dan ia menjadi 'darah daging' kepada semua lapisan masyarakat yang pelbagai keturunan di Malaysia.

Pada mula Rukunegara dilancarkan, sambutan rakyat amat hangat. Seluruh sekolah melafazkan Rukunegara dalam setiap perhimpunannya. Malangnya, semakin jauh meninggalkan tarikh pengisytiharannya, Rukunegara menjadi semakin lembap. Hingga sekarang nampaknya Rukunegara hanya diproklamasikan setahun sekali iaitu pada perhimpunan Hari Kebangsaan.

Rakyat Malaysia sangat mudah terlupa akan nilai bangsa. Mereka seolah-olah lemas oleh ombak pembangunan dan kemajuan. Mereka lupa kepada asuhan rohani yang akan menjadi tulang belakang kepada kehidupan rakyat pada waktu-waktu yang tertentu.

Rukunegara ada dua bahagian iaitu kenyataan cita-cita dan kenyataan prinsip-prinsip. Kenyataan cita-cita adalah seperti berikut:

'Bahawasanya negara kita Malaysia mendukung cita-cita:

- Hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakat;
- Memelihara satu cara hidup demokratik;
- Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;
- Menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaan yang kaya dan pelbagai corak;
- Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.'

Ini diikuti dengan kenyataan prinsip-prinsip:

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

- Kepercayaan kepada Tuhan

  Perlembagaan Malaysia memeteraikan bahawa agama Islam adalah agama rasmi negara ini tetapi agama-agama lain adalah bebas dianuti oleh orang Malaysia yang berketurunan lain. Ini dengan sendirinya menunjukkan bahawa agama itu penting dan selaras dengan tujuannya untuk mengasuh penganut-penganutnya supaya mengamalkan budaya berbaik-baik dan penyayang antara satu dengan lain serta meninggalkan perkara-perkara keburukan.

  Jika semua rakyat Malaysia berpegang kepada agama dan taat kepada ajarannya sama ada Islam, Kristian,

Buddha atau Hindu maka dengan sendirinya rakyat Malaysia menolak ideologi komunis. Sememangnya diketahui bahawa komunis tidak percaya kepada adanya agama dan komunisme itulah agama golongan komunis.

- Kesetiaan kepada Raja dan Negara
  Malaysia mengamalkan pemerintahan beraja dengan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang berdaulat. Seri Paduka Baginda adalah lambang perpaduan rakyat dan mohor pemerintahan di peringkat Persekutuan. Begitu juga dengan kedudukan takhta di negeri-negeri yang juga merupakan mohor pemerintahan di peringkat negeri.

  Kedudukan Seri Paduka Baginda, sungguhpun dipilih lima tahun sekali, secara bergilir-gilir antara sembilan buah takhta tetapi Seri Paduka Baginda tidak terlibat dengan pergolakan politik dan bersifat berkecuali dan Seri Paduka Baginda adalah simbol dan jaminan kestabilan politik negara.

- Keluhuran Perlembagaan
  Tiap-tiap negara mempunyai keistimewaan untuk rakyatnya sebagai warganegara. Perlembagaan memberi kepada rakyat hak yang tertentu. Tiap-tiap rakyat menjunjung perlembagaan dan bendera. Setiap warganegara wajib menghormati falsafah perlembagaan, latar belakangnya dan tujuannya. Perlembagaan memberi jaminan hidup kepada rakyatnya yang taat setia. Tanggungjawab seseorang warganegara ialah menjunjung dan mempertahankan perlembagaan dan sanggup memperjuangkan nyawa untuk mempertahankannya. Perlembagaan memberi jaminan dan perlindungan kepada rakyatnya dalam fasal-fasal yang tertentu seperti kedudukan Seri Paduka di peringkat Persekutuan dan raja-raja di peringkat negeri.

  Begitu juga dengan fasal-fasal seperti kebebasan beragama di samping agama rasmi iaitu Islam, hak, taraf kerakyatan, bahasa kebangsaan dengan jaminan kepada

bahasa ibunda yang lain. Hak istimewa orang Melayu dikaitkan dengan hak kerakyatan dari bangsa lain.

- Kedaulatan Undang-undang
  Tiap-tiap badan sama ada badan sukarela, badan awam atau antara suami isteri ada undang-undang yang mengawalnya. Begitulah dengan sesebuah negara. Undang-undang itu boleh diibaratkan sebagai jalan kereta api. Pergerakan dan aktiviti sesebuah badan itu merupakan gerabak dan jenteranya. Jika jentera itu tergelincir daripada landasan maka dengan sendiri barang-barang dalam gerabak itu berkecai.

Pentadbiran sesebuah negara berasaskan kepada pelaksanaan undang-undang. Pertama ialah Parlimen *(Legislative)*, kedua, Pentadbiran *(Executive)* dan ketiga ialah Kehakiman *(Judiciary)*. Ketiga-tiga badan ini bergerak secara bebas antara satu dengan lain. Tiap-tiap satu badan berfungsi secara sendiri. Badan-badan ini tidak mempengaruhi antara satu dengan lain.

Badan perundangan *(Legislative)* mempunyai tugas membuat undang-undang. Ahli-ahlinya terdiri daripada ahli-ahli politik manakala badan Pentadbiran melaksanakan tugas mentadbirkan negara mengikut kehendak ahli-ahli politik dalam dewan yang dipanggil Dewan Rakyat atau Parlimen.

Badan Kehakiman *(Judiciary)* mempunyai tugas yang amat penting iaitu menterjemahkan undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan dilaksanakan oleh pihak pentadbiran.

Pihak pentadbiran adalah terdiri daripada mereka yang mahir atau profesional dan berpengalaman dalam bidang-bidang yang tertentu.

Tiap-tiap rakyat dari semua peringkat sama ada kaya atau miskin, cacat atau segar adalah sama sahaja dari segi undang-undang. Kehakiman adalah tempat akhir rakyat meletakkan harapan. Hakim-hakim mempunyai kerja semata-mata menterjemahkan undang-undang. Jika

keputusan dibuat maka adalah diharapkan kedua pihak (yang menuduh dan yang dituduh)berpuas hati atas keadilan yang mereka terima.

- Kesopanan dan Kesusilaan

Sifat kesopanan dan kesusilaan dalam diri seseorang memberikan hak kepada mereka untuk menguruskan hal masing-masing. Tatasusila membenci sikap angkuh dan perbuatan sombong yang boleh menyinggung perasaan orang lain. Kualiti kesopanan dan kesusilaan mempunyai kaitan rapat dengan adat resam dan tradisi rakyat. Jika rakyat diasuh dengan tradisi dan berpegang rapat dengan adat resam maka dengan sendirinya seseorang itu mempunyai sifat kesopanan dan kesusilaan yang tinggi.

Itulah sebabnya di setiap negeri di Tanah Melayu ini ditubuhkan satu jabatan untuk menguruskan adat istiadat orang Melayu. Pepatah ada berkata, 'Biar mati anak jangan mati adat'.

Rukunegara adalah 'nadi' kepada rakyat Malaysia. Selagi 'nadi' itu berdenyut dan diamalkan oleh rakyat maka selama itulah Malaysia akan dapat mengekalkan hidup rukun damai dan menyayangi antara satu dengan lain. Amalan Rukunegara adalah merupakan garisan kepada rakyat Malaysia untuk menentukan masa depannya. Rukunegara hendaklah dimasukkan ke dalam 'darah daging' penduduk supaya amalan itu menggerakkan semangat dan sifat rakyat dengan memegang satu pedoman iaitu hidup rukun antara satu dengan lain. Rukunegara merupakan satu prinsip yang mendenyutkan perasaan dan semangat yang sama di kalangan rakyat yang terdiri daripada pelbagai bangsa, keturunan dan agama.

Generasi muda hendaklah mengambil berat dan menyerapkan Rukunegara ke dalam hati sanubari masing-masing untuk menjamin supaya perpaduan dan keteguhan Malaysia sentiasa terpelihara.

Bab 12

Jiran Tetangga dan Sahabat

TUN RAZAK menghargai hubungan jiran tetangga. Beliau mengadakan hubungan secara peribadi dengan pemimpin negara-negara ASEAN (Indonesia, Thailand, Singapura dan Filipina). Hubungan peribadinya dengan pemimpin-pemimpin jiran tetangga berlanjutan semenjak beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri hinggalah kepada zaman beliau Perdana Menteri.

Pada satu hari (sekitar tahun 70-an) semasa minum kopi bersama Tan Sri Ghazali Shafie, beliau berkata: 'Shariff hendak makan angin ke Palembang?'

'Bila Tun?' saya bertanya.

'Esok,' katanya. 'Siaplah.'

Tan Sri Ghazali menyampuk: 'I tak kena ajak.'

Saya mencelah, 'Abang selalu berulang alik ke Indonesia.'

Selepas zohor keesokan harinya, kami bertolak ke Palembang (Indonesia). Encik Abdullah Majid (Setiausaha Akhbarnya) dan beberapa orang pegawai peribadi Tun Razak sahaja yang berada dalam jet eksekutif yang membawa kami ke Palembang. Apabila kapal terbang itu mengelilingi lapangan terbang Palembang sebelum mendarat, kelihatan lapangan terbang tersebut dibanjiri manusia dengan pelbagai corak warna pakaian. Sebaik pesawat itu mendarat, Presiden Suharto mengalu-alukan ketibaan Tun Razak. Kedua mereka kelihatan

terlalu mesra. Ketibaan itu telah diserikan oleh tarian kebudayaan dan Tun Razak disambut dengan penuh adat resam daerah itu.

Duta Besar Malaysia di Jakarta, Tan Sri Khalil Yaacob ada bersama dalam upacara sambutan itu. Tidak ada upacara rasmi yang disediakan. Selepas upacara di lapangan terbang, rombongan itu terus ke jamuan teh. Pada malam itu satu jamuan makan malam diadakan. Pagi esoknya, Tun Razak dan Suharto bersarapan bersama. Dan keesokannya, Tun Razak pun bertolak balik. Kalaupun ada perbincangan, maka isu-isu tersebut dikemukakan ketika dalam jamuan itu sahaja.

Dalam lawatan singkat itu, nyatalah Tun Razak menitikberatkan pertemuan 'empat mata' antara rakan-rakan seperjuangan dengan negara-negara jiran. Pertemuan seperti itu sangat penting. Segala perkara yang terkilan di hati masing-masing telah berhasil dibenamkan. Liputan akhbar-akhbar dan media ditumpukan kepada upacara-upacara sosial sahaja dan tidak ada isu-isu yang ditimbulkan dalam akhbar. Tun Razak tidak menggunakan akhbar untuk menyampaikan sesuatu perkara kepada mana-mana pihak, baik kepada pemimpin-pemimpin tempatan mahupun luar negeri. Beliau terus menemui mereka secara sahabat. Begitu juga yang dilakukannya dengan pemimpin-pemimpin Thailand, terutama Tun Tanat Khoman.

Para penganalisis politik pada zaman itu menyifatkan hubungan Malaysia dengan Indonesia sebagai saudara tua sementara dengan Thailand pula sebagai saudara kembar. Begitu juga dengan hubungan Tun Razak dengan Brunei. Hubungan itu juga mesra. Para penganalisis menyifatkan Brunei sebagai saudara bongsu dan hubungan dengan Singapura sebagai rakan dalam satu pasukan. Oleh kerana tuntutan Filipina terhadap Sabah masih berlanjutan, hubungan dengan pemimpin-pemimpin Filipina agak kurang mesra.

Hubungan Malaysia dengan Indonesia tidak pernah luntur. Sungguhpun Presiden Sukarno melancarkan kempen 'Ganyang Malaysia', pemimpin-pemimpin di Malaysia tidak menganggapnya sebagai permusuhan antara rakyat Malaysia dengan



Tun Razak sentiasa menitikberatkan pertemuan 'empat mata' dengan pemimpin-pemimpin negara jiran. Di sini kelihatan Tun Razak mengadakan pertemuan dengan Presiden Suharto.

rakyat Indonesia. Konfrontasi itu semata-mata dianggap idea Sukarno. Rakyat di Malaysia, khasnya aktivis-aktivis UMNO, telah diarahkan menerusi Pemuda UMNO, supaya tidak menyinggung perasaan rakyat Indonesia.

Menerusi saluran-saluran tertentu, pemimpin-pemimpin Malaysia sentiasa mempunyai hubungan sulit dengan pemimpin-pemimpin Indonesia, khususnya dengan askar-askar di bawah pimpinan Jeneral Suharto.

Rombongan sulit pertama yang diterbangkan oleh Suharto sebagai permulaan pemulihan hubungan kedua-dua negara telah melawat Alor Setar untuk menemui Tunku Abdul Rahman. Tun Razak dan Tan Sri Ghazali memainkan peranan penting menghidupkan semula hubungan kedua-dua negara yang terputus akibat konfrontasi Presiden Sukarno. Rombongan sulit Indonesia itu diketuai oleh Jeneral Ali Murtopo. Dengan kebijaksanaan Tun Razak dan Tan Sri Ghazali maka pertemuan rombongan sulit itu dapat dilaksanakan. Tunku Abdul Rahman yang berada di Alor Setar menerima ahli-ahli rombongan itu dengan penuh mesra. Ramai juga rakyat Indonesia yang anti-Sukarno menetap di Malaysia semasa konfrontasi itu. Dalam zaman konfrontasi itu – selama tiga tahun – pemimpin-pemimpin di Malaysia sentiasa menggunakan slogan 'biduk lalu kiambang bertaut' dan 'air dicincang tidak akan putus'.

Sungguhpun Jawatankuasa Sempadan antara Malaysia dan Thailand serta Malaysia dan Indonesia bercorak ketenteraan, tetapi bidang tugasnya termasuk soal ekonomi, politik dan sosial. Semangat setia kawan antara Tun Razak dengan pemimpin-pemimpin di Thailand dan Indonesia sentiasa membawa pemimpin-pemimpin itu 'bertemu muka' dari masa ke masa – sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Dengan adanya semangat setia kawan sedemikian, segala perkara yang rumit menjadi licin dan segala perkara yang tidak mungkin menjadi mungkin.

Dengan adanya perang dingin antara kuasa-kuasa besar barat yang diketuai oleh Amerika Syarikat dan blok timur yang

dikuasai oleh Soviet Union pada masa itu, perbincangan Jawatankuasa Sempadan terutama dengan Thailand sangat besar ertinya. Negara-negara Korea Utara dan Vietnam Utara berkiblat ke Soviet Union manakala Korea Selatan dan Vietnam Selatan berkiblat ke Amerika Syarikat. Kedudukan di Korea dan Vietnam sekurang-kurangnya hingga kepada tarikh jatuhnya Soviet Union penghujung tahun 1991 sentiasa menimbulkan bahaya kepada negara-negara di sebelah selatan seperti Thailand dan Malaysia yang mengamalkan polisi dasar luar berkecuali.

Dengan kedudukan Korea dan Vietnam sebegitu rupa, Communist Party of Malaya (CPM) mendapat inspirasi dan kekuatan perjuangannya di sempadan Malaysia dengan Thailand. Dari segi politik Jawatankuasa Sempadan antara Malaysia dengan Thailand itu sudah tentulah memanfaatkan Thailand yang mengharapkan sokongan tentera Malaysia jika negara itu berada dalam bahaya akibat aktiviti-aktiviti komunis.

Kerajaan Malaysia boleh mengarahkan bala tenteranya ke utara Malaysia hingga ke sempadan hatta kemungkinan memasuki sempadan Thailand jika diperlukan untuk memberi sokongan kepada tentera Thailand. Dengan adanya sempadan bersama antara Malaysia dengan Indonesia, bala tentera Indonesia juga boleh bergerak ke Malaysia untuk bersama-sama menolong Thailand jika Thailand diserang oleh negara-negara yang memusuhinya. Tambahan pula Malaysia dan Thailand kedua-duanya mengamalkan pemerintahan beraja.

Dengan penduduk di sempadan Thailand-Malaysia seperti di Lembah Sungai Golok terdiri daripada orang Thailand yang beragama Buddha dan Islam, semangat muhibah sangat perlu diamalkan.

Pada satu ketika semasa Jeneral Krianshak menjadi Perdana Menteri Thailand dan juga Menteri Pertanian Thailand, Raja Thailand telah mengeluarkan titah agar kawasan selatan Thailand dimajukan. Jeneral Krianshak memberitahu titah diraja itu kepada Menteri Pertanian Malaysia pada waktu itu (Shariff Ahmad) bahawa beliau telah mengarahkan pegawai-

pegawai di kementeriannya mengikut hasrat baginda raja itu. Jawatankuasa Bersama telah ditubuhkan dan beberapa mesyuarat bersama antara Malaysia dan Thailand di peringkat menteri dan peringkat pegawai-pegawai juga diadakan sehingga menghasilkan satu Perjanjian Pertanian Bersama antara Malaysia dengan Thailand untuk kemajuan pertanian di kedua-dua negara.

Dalam beberapa perbincangan 'empat mata' antara Jeneral Krianshak dengan Menteri Pertanian Malaysia, beberapa garisan atau visi kedua-dua pemimpin dikemukakan. Kedua-dua pemimpin ingin memajukan bersama Lembah Sungai Golok. Mengikut konsep itu, tanah seluas lebih kurang enam batu dari tebing Sungai Golok di sebelah Thailand dan enam batu dari tebing Sungai Golok di sebelah Malaysia dijadikan Kawasan Pembangunan Wilayah yang akan ditadbirkan bersama antara kedua-dua negara. Jeneral Krianshak berkata bahawa apa juga khazanah dan hasil yang diperoleh dan dimajukan di kawasan itu akan dirasai bersama oleh rakyat Malaysia dan Thailand. Mengikut konsep itu, sebuah empangan dibina. 'Biarlah rakyat di kedua-dua negara menimba air dari kolam yang satu untuk diminum bersama,' kata Jeneral tersebut. *(Let us drink water from the same well)*.

Pada tahun 1965, Tun Razak telah memilih Bangkok sebagai tempat perundingan untuk memulihkan semula hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia. Tun Razak mengetuai rombongan Malaysia, Tun Adam Malek mengetuai rombongan Indonesia, sementara Tun Tanat Khoman (Menteri Luar Thailand) menjadi 'orang tengah' perundingan itu. Selepas persidangan di Bangkok itu barulah rombongan Malaysia ke Jakarta untuk memeteraikan perjanjian pemulihan hubungan diplomatik yang terputus akibat konfrontasi Sukarno ketika Malaysia dibentuk pada tahun 1963.

Begitu juga dengan musim menuai padi di KADA, Kedah. Menjadi perkara biasa bagi orang-orang dari Thailand berhijrah ke Kedah untuk 'makan gaji' dan membantu pesawah-pesawah KADA ketika musim menuai padi. Jika tidak dibantu oleh rakyat

Thailand, maka sudah tentu banyak padi akan rosak kerana tidak dituai.

Kawasan KADA amat luas. Apabila padi – yang ditanam dua kali setahun – masak serentak maka ia perlu dituai secepat mungkin. Mengikut kajian didapati bahawa jika padi tidak dituai dalam masa yang ditentukan, kita akan kerugian lebih kurang 15 peratus setiap musim.

Mengikut kedudukan kawasan sawah di Malaysia, kita boleh menghasilkan padi mencukupi bagi negara ini. Dengan adanya pengeluaran padi yang berlebihan di Thailand, Malaysia tidak berhasrat untuk mengeluarkan padi secukupnya sebaliknya mengeluarkan sebanyak 85 hingga 90 peratus sahaja. Kekurangan itu sengaja dilakukan untuk menolong Thailand yang sudah lama mengeluarkan padi yang berlebihan.

Dimaklumkan juga bahawa bukan semua penduduk di Malaysia ini cenderung untuk turun ke sawah. Di sesetengah tempat sawah pun tidak terkawal. Ini dapat dipastikan apabila satu usaha diadakan untuk membuka satu kawasan tanaman padi dua kali setahun di Endau/Rompin. Yang memberi sambutan hanyalah mereka dari negeri Kedah.

Sebagai sebuah negara pertanian, satu jawatankuasa bersama pertanian dengan Indonesia juga telah dimeteraikan. Perjanjian itu ditandatangani oleh Menteri Pertanian Indonesia dengan Menteri Pertanian Malaysia (Shariff Ahmad).

Semua ini walaupun dimeteraikan di bawah pimpinan Tun Hussein tetapi sebenarnya ia adalah lanjutan daripada semangat setia kawan yang telah dijalin oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak.

Semasa kedudukan darurat di Sarawak begitu memuncak berikutan gerakan komunis di kawasan sempadan Sarawak dengan Indonesia, gelombang pemancar radio antara Kuching dan Pontianak diubahsuai agar kedua-dua stesen itu dapat memberi khidmat bersama. Radio Sarawak di Kuching mengadakan pertukaran program dengan Radio Indonesia di Pontianak.

Semuanya ini dilakukan untuk mempererat hubungan antara kedua negara di samping memberi penerangan yang

tepat khususnya mengenai aktiviti-aktiviti komunis di sempadan Malaysia-Indonesia.

Tun Razak mengambil berat hubungan dengan rakan-rakannya. Beliau sentiasa mengambil berat rakan-rakan politiknya. Ahli-ahli politik yang sudah bersara, misalnya bekas-bekas menteri, sentiasa mendapat layanan daripada Tun Razak. Ada sesetengah mereka itu dilantik menjadi pengerusi badan-badan berkanun dan ada pula yang menjadi pengerusi badan-badan perniagaan yang kerajaan mempunyai saham di dalamnya. Selain itu, jika ada bekas-bekas Menteri yang menceburi bidang perniagaan, Tun Razak akan sentiasa menghulurkan pertolongan supaya bekas-bekas menteri itu dapat menampung kehidupan masing-masing selepas bersara. Tun Razak sentiasa mengenang sumbangan rakan-rakannya. Kepada beliau sesiapa juga yang berkecimpung dalam politik, sudah tentu ada jasanya kepada negara. Tiap-tiap khidmat yang dicurahkan itu perlu dibalas dengan pertolongan jika mereka dalam kesusahan.

Tun Razak memerlukan kawan dalam memikul beban negara. Kawan yang karib dengan beliau selepas Tunku Abdul Rahman bersara adalah Tan Sri Ghazali Shafie. Tan Sri Ghazali adalah rakan karibnya. Mereka berdua datang dari Pahang. Mereka bersahabat semenjak menuntut di Raffles College, Singapura. Beza umur pun hanya sebelas hari.

Tun Razaklah orang yang kuat sekali menjemput Tan Sri Ghazali yang bersara daripada jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Luar supaya masuk ke dalam politik. Selepas bersara, Tan Sri Ghazali menjadi Senator dan dilantik menjadi Menteri Tak Berportfolio (menteri yang tidak mempunyai kementerian atau jabatan-jabatan tertentu di bawah penguasaan dan tanggungjawabnya). Sungguhpun begitu kedudukan Tan Sri Ghazali boleh dikatakan tidak diam. Beliau sentiasa dipanggil oleh Tun Razak. Pejabatnya pun dalam bangunan yang sama dengan pejabat Tun Razak.

Tugas mereka bukan di pejabat sahaja. Kedua-dua mereka selalu bersarapan, makan tengah hari dan makan malam bersama. Dalam pada menikmati sarapan itu mereka ber-

bincang mengenai perkara-perkara negara. Umum maklum bahawa Tan Sri Ghazali memang tidak lekang daripada Tun Razak.

Apabila gerila Tentera Merah Jepun merampas sebuah kapal terbang di Kuala Lumpur dulu, Tan Sri Ghazalilah yang disuruh oleh Tun Razak untuk menyelesaikannya. Tan Sri Ghazali berada di Lapangan Terbang Kuala Lumpur berhari-hari untuk menyelesaikannya.

Tan Sri Ghazali menelefon ke Sri Lanka dan Libya untuk membolehkan kapal terbang itu mendarat bagi mengisi minyak. Selepas beberapa hari, gerila-gerila itu bersetuju bertolak ansur dan melepaskan orang tawanannya.

Hubungan Tan Sri Ghazali dengan Tun Razak sangat rapat dan mereka senang berbincang. Hubungan mereka menepati kata pepatah 'isi dengan kulit'.

Selepas beberapa bulan menjadi Senator, Tan Sri Ghazali bertanding dalam satu pilihan raya kecil di Lipis. Kawasan itu dipegang oleh Datuk Razak Hussain (nama serupa dengan Tun Razak). Datuk Razak Hussain meninggalkan kawasan itu untuk memberi peluang kepada Tan Sri Ghazali bertanding di situ.

Tugas Tun Razak dan Tan Sri Ghazali memang berat. Mereka ialah ahli Wataniah di Pahang. Pada zaman pemerintahan Jepun, mereka berganding bahu untuk bergerak di belakang tabir bagi menyokong terutama British Force 136. Pada umumnya mereka bekerja dengan kerajaan Jepun tetapi di dalam hati kecil mereka menentang Jepun. Dalam masa beberapa tahun pemerintahan Jepun di Tanah Melayu, mereka berjaya bergerak dengan 'dua muka'. Pada waktu siang, mereka bekerja sebagai pegawai Jepun dan pada waktu malam pula mereka adalah ejen British.

Tugas ahli-ahli Wataniah di Pahang adalah menjaga dan menjamin takhta kerajaan supaya tidak dilanda oleh mana-mana puak. Apabila tentera British masuk semula ke Tanah Melayu, ahli-ahli Wataniah menjadi benteng bagi orang-orang Melayu.

Selepas Perang Dunia Kedua, wujud dua buah negara komunis – Republik Rakyat China dan Soviet Union. Ahli-ahli

komunis di Malaya berkiblat ke Republik Rakyat China, manakala negara-negara di Eropah Timur pula mempunyai kiblat ke Soviet Union. Selepas Soviet Union meninggalkan fahaman ideologi komunis, maka Republik Rakyat China sahajalah negara komunis yang besar di dunia.

Komunisme di Soviet Union yang berusia 70 tahun telah disemadikan pada penghujung tahun 1991 apabila Presiden Soviet yang akhir, Mikhail Gorbachev menandatangani satu *decree* menyerahkan senjata-senjata nuklear kepada Presiden Commonwealth of Independent States of Russia (CIS), satu nama yang menggantikan Soviet Union.

Perintah akhir ini dibuatnya untuk mengelakkan mana-mana negeri di bawah pemerintah CIS yang baru daripada menyalahgunakan senjata nuklear yang telah dibina oleh Soviet Union. Pengisytiharan dan penyerahan kuasa mengenai penggunaan kuasa nuklear daripada Gorbachev kepada Boris Yeltsin itu merupakan satu detik sejarah yang tidak dapat dilupakan oleh seluruh dunia. Keikhlasan Gorbachev disanjung tinggi. Jika beliau mengambil sikap 'berdegil' maka beliau masih berkesempatan menggunakan kuasa itu sebagai *bargaining power* untuk terus berkuasa di dunia baru komunis yang 'murtad' itu.

Mengikut kata Gorbachev, *'There is no place for me in the Commonwealth of Independent States.'* Dia menambah, *'The main ideas of Perestroika had taken hold and my life's work has been accomplished.'* Perestroika adalah proses mengubahsuai negara itu daripada Soviet Union yang memerintah secara 'kuku besi' kepada pemerintahan 'suara rakyat'.

Sungguhpun Gorbachev kurang senang dengan usaha Boris Yeltsin menubuhkan CIS menggantikan Soviet Union secara *unconstitutional* itu tetapi beliau tidak pula berkeras dan sebaliknya menyokong Yeltsin. Beliau lebih mementingkan nasib rakyat daripada nasib dan kuasanya sendiri.

Jika kita renung kembali kepada tarikh pemulihan demokrasi berparlimen di Malaysia tahun 1971 selepas pemerintahan MAGERAN, maka kita dapati bahawa penyerahan kuasa nuklear daripada Gorbachev kepada Yeltsin itu ada persamaannya.

Apabila darurat diisytiharkan selepas Peristiwa 13 Mei 1969 dan kuasa pemerintahan diserahkan kepada Tun Razak, Parlimen digantung. Segala perjalanan dan pentadbiran berada dalam tangan Tun Razak. Tunku Abdul Rahman sungguh pun masih Perdana Menteri, tetapi segala kuasa dan kepercayaannya telah diserahkan kepada Tun Razak. Dengan ringkas dikatakan bahawa Tun Razak boleh buat apa sahaja untuk mengekalkan kuasa 'diktator'nya. Kalaupun beliau hendak 'menggulingkan' Tunku Abdul Rahman sekalipun, maka kuasa yang ada di tangannya sudah cukup. Dalam salah satu perbualan sambil minum kopi di Sri Taman, Tun Razak berkata, 'Tunku tidak boleh bersara. Kalau dia hendak bersara, biarlah nanti keadaan di Malaysia pulih seperti sediakala.'

Gorbachev telah memupuk fikiran rakyat selama enam tahun agar mereka 'berjinak-jinak' dengan kuasa-kuasa Barat. Beliau dan rakan-rakan seperjuangannya ingin membawa perubahan radikal kepada kebudayaan politik agar dapat dikembangkan asas demokrasi ala Barat, khasnya mewujudkan sistem kebebasan rakyat berfikir, sistem perniagaan bebas serta mengikis kebimbangan dunia terhadap peperangan nuklear. Hasratnya itu dibuat secara beransur-ansur.

Golongan lama pelampau hendak mengambil kuasa daripada Gorbachev dan berbalik ke pemerintahan 'kuku besi' tetapi gagal disebabkan rakyat sudah mulai sedar akan hakikat Gorbachev hendak menamatkan pemerintahan parti yang memerintah negara atas nama rakyat, tetapi tidak mendapat ihsan rakyat.

Sebagai sebuah negara besar adalah menghairankan pemimpin-pemimpin Soviet Union boleh 'bertaubat' daripada 'agama komunis' yang menafikan adanya Tuhan. Sistem pelajaran negara komunis terang-terang memperjuangkan *atheistic and materialistic approach to education.* Dari sejak lahirnya seseorang anak komunis itu diasuh dan diasah fikirannya bahawa 'Tuhan tidak ada', maka sudah tentulah apabila anak itu besar kelak dia akan yakin bahawa Tuhan tidak ada. Satu masa di Moscow dulu sempat penulis berjumpa dengan

keluarga Islam. Mereka yang tua-tua ini masih berpegang kepada Islam tetapi yang muda-muda seolah-olah 'malu' untuk mengakui dirinya keturunan Islam.

Kesimpulannya 'Moscow murtad' ini adalah kehendak Allah S.W.T. Kita sebagai orang Islam tidak berkecil hati kepada mereka yang bukan Islam, asalkan mereka percaya adanya Tuhan. Tetapi kita berasa terhina jika ada seseorang yang tidak beragama menekan mereka yang percaya kepada Tuhan. Selama 70 tahun pemimpin-pemimpin komunis di Soviet Union memaksa rakyatnya menafikan adanya Tuhan, maka sudah sewajarnyalah mereka itu menerima kemurkaan Allah S.W.T. Apatah lagi di Afghanistan – negara Islam – askar-askar Soviet memburu dan membunuh askar-askar mujahidin (umat Islam) semenjak 1979 dan hanya berundur pada tahun 1989.

Semasa Tun Razak menjadi Pengarah MAGERAN, syarat mutlak berbalik kepada pemerintahan demokrasi berparlimen ialah menerima Rukunegara dan menerima Dasar Ekonomi Baru.

Rakyat Malaysia berpandu kepada Rukunegara kerana dua faktor besar iaitu Percaya kepada Tuhan dan Kesetiaan kepada Raja dan Negara. Kedua-dua amalan ini dengan sendirinya menolak fahaman komunis kerana komunis tidak mempercayai adanya Tuhan dan tidak mengiktiraf kedudukan raja.

Bab 13

Kemenangan Diplomatik

PERDANA MENTERI PERTAMA, Tunku Abdul Rahman dalam satu majlis makan tengah hari anjuran wartawan-wartawan di Singapura pada 27 Mei 1961 telah mengumumkan hasratnya agar Tanah Melayu, Singapura dan tiga buah negeri iaitu Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei dapat digabungkan dalam satu famili bernama Malaysia.

Pengumuman Tunku itu disambut baik oleh kerajaan British, dan pada 13 Oktober dihebahkan bahawa kerajaan British telah mempelawa Tunku Abdul Rahman ke London dalam bulan November 1961 untuk membincangkan syor itu agar dapat menebas jalan bagi merundingkannya dengan kerajaan-kerajaan di negeri-negeri Borneo. Dalam pada itu, pada 23 Ogos 1961, Tunku dan Perdana Menteri Singapura telah bersetuju pada dasarnya untuk mencantumkan Tanah Melayu dengan Singapura. Satu memorandum mengandungi perkara-perkara yang dipersetujui bagi mencantumkan Tanah Melayu dan Singapura yang dicadangkan itu telah disiarkan sebagai 'Kertas Putih' pada 25 November 1961.

Perbincangan di London antara Tunku dengan Perdana Menteri British Harold Macmillan telah diadakan antara 20 hingga 22 November 1961 dan satu kenyataan bersama antara kerajaan Malaysia dan British telah dikeluarkan pada 23 November 1961.

Dalam satu kenyataan bersama antara Tunku Abdul Rahman dan Perdana Menteri British Harold Macmillan disebutkan:

'Dalam beberapa mesyuarat di London pada minggu ini, menteri-menteri British dan Tanah Melayu telah mengkaji cadangan hendak menubuhkan "Persekutuan Malaysia" yang akan mengandungi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei.

'Dengan mengkaji masalah itu sedalam-dalamnya dalam beberapa bulan ini maka kerajaan British dan kerajaan Tanah Melayu yakin bahawa cadangan itu elok tujuannya.

'Menteri-menteri itu berasa puas hati dengan perkara-perkara yang dipersetujui oleh kerajaan Tanah Melayu dengan kerajaan Singapura bagi mencantumkan negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu.'

Rombongan Tunku Abdul Rahman dan kerajaan British berpendapat bahawa sebelum membuat sebarang keputusan yang muktamad, adalah perlu ditinjau fikiran rakyat Sarawak dan Borneo Utara (Sabah). Kerajaan Tanah Melayu dan kerajaan British bersetuju menubuhkan sebuah Suruhanjaya bernama Suruhanjaya Cobbold.

Suruhanjaya itu mengandungi seorang pengerusi dan empat orang ahli. Lord Cobbold dilantik sebagai Pengerusi. Kerajaan British melantik dua orang ahli manakala kerajaan Malaya melantik dua orang lagi. Ahli-ahli daripada kerajaan British adalah Sir Anthony Abell dan Sir David Waterston manakala dari Tanah Melayu pula terdiri daripada Tan Sri Ghazali Shafie dan Datuk Wong Pow Nee.

Kewajipan suruhanjaya itu adalah untuk memeriksa pandangan rakyat Borneo terhadap cadangan memasukkan Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia dan membuat syor-syor setelah menimbangkan buah fikiran itu.

Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei juga menubuhkan jawatankuasa perunding untuk menyiasat; bertemu dan memberi pendapat serta menjelajah ke negeri-negeri itu untuk menyokong dan mendapatkan buah fikiran rakyat.

Perwakilan Borneo Utara (Sabah):
Datu Mustapha bin Datu Harun (Ketua)
Pang Tet Pshung (ahli)
O.K.K.G.S Sundang (ahli)
Lai En Kong (ahli)

Perwakilan Sarawak:
Yeo Cheng Hoe (Ketua)
Ong Kee Hui (ahli)
Temenggong Jugah a/k Barieng.
Pengarah Montegari a/k Tugang
Dato' Abang Haji Openg
Ling Beng Siew
James Wong
Remigius Durin a/k Nganau

Jawatankuasa-jawatankuasa ini mengadakan perbincangan dan rundingan dengan rakyat daripada pelbagai keturunan dan agama di negeri-negeri itu. Mereka juga mengadakan rundingan-rundingan dengan rakan-rakan mereka di Tanah Melayu. Dengan cara begitu semua lapisan rakyat dapat ditemui dan diberitahu mengenai kebaikan untuk menubuhkan Malaysia itu.

Di samping jawatankuasa-jawatankuasa ini ada pula beberapa jawatankuasa kecil yang menjalankan usaha untuk meyakinkan rakyat mengenai kebaikan Malaysia. Ada jawatankuasa yang diberi nama 'Jawatankuasa Setia Kawan' dan ada pula dinamakan 'Jawatankuasa Muhibah'. Dengan gerakan seperti ini, berita negeri-negeri tersebut memasuki Tanah Melayu dalam badan yang dinamakan 'Malaysia' dapat sambutan yang sangat hangat dan menyeluruh.

Ada sesetengah kaum kecil yang menuntut supaya diberi kemerdekaan kepada Sarawak dan Borneo Utara (Sabah) lebih dahulu sebelum dibuka pintu untuk berunding memasuki Malaysia. Suara yang menentang itu adalah kecil dan pada asasnya mereka bersetuju memasuki Malaysia. Apa yang timbul ialah soal bercantum dengan Tanah Melayu untuk mencapai

kemerdekaan ataupun kemerdekaan dulu baru memasuki Malaysia.

Jika diberi kemerdekaan dulu sudah tentu kerajaan British akan mengenakan banyak syarat, tetapi jika negeri-negeri itu memasuki Malaysia untuk mencapai kemerdekaan maka kerajaan British mungkin tidak banyak halangan.

Borneo adalah besar. Negeri Sarawak letaknya di bahagian barat laut Borneo bersempadan dengan Kalimantan, di sebelah Timur dan Selatan bersempadan dengan Brunei dan Borneo Utara (Sabah) di sebelah utara. Sarawak mempunyai kawasan seluas 47 500 batu persegi. Borneo Utara (Sabah) pula seluas 29 388 batu persegi. Tanah Melayu pula mempunyai kawasan seluas 50 700 batu persegi.

Semasa Suruhanjaya Cobbold menjalankan tugasnya di Sarawak dan Borneo, Jawatankuasa Setia Kawan menjelajah ke kawasan-kawasan pedalaman manakala Tunku Abdul Rahman berulang alik ke London. Tiap-tiap kali Tunku ke London, Tun Razak wajib menyertai rombongan itu. Tun Razak memainkan peranan yang sangat penting dalam rundingan Tunku Abdul Rahman dengan kerajaan British. Beberapa rundingan diadakan di London untuk menghalusi beberapa perincian pembentukan Malaysia. Dalam rundingan-rundingan itu tidak timbul sebarang isu yang boleh membantutkan rancangan Malaysia itu.

Kerajaan British memang mendorong pembentukan Malaysia kerana ia telah melihat perjalanan Tanah Melayu merdeka yang sangat lancar. Tanah Melayu ialah tanah naungan British yang pertama mencapai kemerdekaan dan yang berjalan dengan baiknya selepas merdeka. Kecekapan pemimpin-pemimpin Tanah Melayu mentadbirkan kemerdekaan Tanah Melayu menjadi contoh yang baik kepada British. Jika Tanah Melayu berjalan dengan baik selepas merdeka, tidak ada sebabnya Malaysia tidak boleh berjalan dengan licin.

Pembentukan Malaysia tidak seperti penubuhan Persekutuan Tanah Melayu. Tanah Melayu merdeka tidak mengeluarkan darah setitik pun manakala pembentukan Malaysia

menumpahkan darah. Anehnya penumpahan darah ini bukan kerana berperang dengan penjajah tetapi kerana diserang oleh bala tentera Presiden Sukarno. Persetujuan British untuk memberi kemerdekaan kepada Singapura, Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Brunei dengan menyertai Tanah Melayu telah menimbulkan kemarahan Sukarno dan Presiden Magapagal dari Filipina. Presiden Sukarno marah kerana penubuhan Malaysia meranapkan cita-citanya untuk menubuhkan Malaysia Raya, manakala Magapagal pula sentiasa menuntut Borneo Utara.

Presiden Sukarno melancarkan gerakan 'Ganyang Malaysia' terhadap Tanah Melayu manakala Magapagal pula meletakkan Borneo Utara sebagai wilayah Filipina. Malah Magapagal mengeluarkan *decree* untuk meletakkan Borneo Utara ke dalam Filipina.

Sukarno sentiasa bercita-cita hendak mewujudkan Malaysia Raya dengan memasukkan semua negeri di sekelilingnya sebagai Malaysia Raya. Beliau mendesak diadakan pilihan raya terlebih dahulu sebelum Sarawak, Borneo Utara (Sabah) dan Brunei memasuki Malaysia.

Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak mengadakan beberapa mesyuarat dengan Sukarno dan Magapagal untuk mencari penyelesaian. Mesyuarat 'tiga segi' diberi nama MAPHILINDO (Malaya, Filipina dan Indonesia). Setiap kali mesyuarat, mereka mencapai persetujuan tetapi apabila mereka balik ke negara masing-masing, kedua-dua pemimpin itu menjalankan gerakan 'konfrontasi'. Gerakan konfrontasi Sukarno meletus menjelang pengisytiharan Malaysia. Pada mulanya Malaysia hendak diwujudkan pada 31 Ogos 1963. Memandangkan sikap Sukarno yang menentang penubuhan Malaysia, maka Tunku menangguhkan pembentukan Malaysia kepada 16 Ogos 1963. Penangguhan ini dibuat untuk membolehkan Sukarno mengubah sikap dan menyokong pembentukan Malaysia.

Sungguhpun Tunku beralah tetapi Sukarno masih terus menyerang Malaysia selepas ditubuhkan. Sukarno menghantar askar payung terjunnya ke bumi Malaysia. Mengikut laporan

yang diperoleh, askar-askar dihantar menyerang Malaysia itu diberi taklimat terlebih dahulu. Mereka diberitahu bahawa apabila tiba di Malaysia kononnya maka mereka akan disambut oleh rakyat Malaysia yang juga tidak bersetuju dengan rancangan Malaysia.

Tun Razak sebagai Menteri Pertahanan melengkapkan pertahanan Malaysia. Apabila askar-askar Indonesia itu turun di sebelah barat pantai Malaysia seperti di Johor dan Kuala Selangor, mereka itu diberkas. Orang kampung sendiri turut campur tangan memberkas mereka.

Gerakan Konfrontasi Sukarno itu berjalan selama lebih kurang tiga tahun. Askar-askar Indonesia sangat hairan dan 'bingung' dengan tentangan rakyat Malaysia tidak seperti yang diberitahu dalam taklimat mereka. Askar-askar Indonesia yang ditawan itu mengaku bahawa mereka dianiayai Sukarno.

Malaysia membawa isu konfrontasi Sukarno itu ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Malaysia sebenarnya tidak memerlukan bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Askar Malaysia sendiri sudah cukup untuk menghadapi serangan Indonesia.

Tun Razak menggunakan dua cara untuk menentang konfrontasi Sukarno. Yang paling utama menggunakan askar-askar Malaysia sendiri. Dalam pada itu, Tun Razak tidak juga melupakan gerakan 'diplomatik sulit' dengan orang-orang Indonesia. Tun Razak dan Tan Sri Ghazali Shafie merapatkan diri dengan rakyat Indonesia yang lari ke Malaysia. Sebenarnya, ramai rakyat Indonesia yang tidak bersetuju dengan gerakan konfrontasi Sukarno itu lari ke Malaysia. Mereka diberi tempat secara sulit di Malaysia. Salah seorang daripada mereka ialah Des Alwi yang dilantik sebagai orang perantaraan.

Des Alwi merupakan orang yang menjadi perantaraan antara Tun Razak dengan pemimpin-pemimpin Indonesia secara senyap dan sulit. Pemimpin-pemimpin Indonesia seperti Adam Malik dan Jeneral Nasution bukan jauh dengan Malaysia. Mereka memang mempunyai saudara-mara di Malaysia.

Des Alwi kenal Tun Razak dan dia memang seorang anti-Sukarno. Beliau berada di Malaysia di bawah perlindungan



Tun Razak berjabat tangan dengan Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu U-Thant. Tun Razak menghadiri sesi ke-21 Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 29 September 1966 dan berucap di sana.

politik negara ini. Beliau adalah anak angkat kepada pejuang kemerdekaan Indonesia dan nasionalis Indonesia, Sultan Shahril. Tun Razak mengenali Des Alwi semasa menuntut di London. Dalam konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia itu maka Des Alwi menjadi 'ejen' yang sangat kuat untuk merapatkan Tun Razak dengan pemimpin-pemimpin di Indonesia. Des Alwi juga kenal dengan Tunku Abdul Rahman dan Tan Sri Ghazali.

Ketika Sukarno menjalankan gerakan konfrontasinya terhadap Malaysia, rakyat Indonesia sebenarnya tidak berdiam diri. Ramai tidak bersetuju dengan Sukarno kerana pemimpin itu hendak menyatukan orang Islam dengan ahli-ahli parti komunis Indonesia yang dipimpin oleh Aidid. Keadaan di Indonesia semakin tegang. Sukarno tidak mengetahui sangat tentang gerakan rakyat Indonesia yang tidak bersetuju dengan pimpinan *guided democracy* Sukarno dan usahanya hendak membentuk sebuah kerajaan dengan parti komunis. Aidid sangat rapat dengan Sukarno.

Persahabatan Sukarno dengan Aidid menimbulkan kemarahan pemimpin-pemimpin Islam dan askar Indonesia seperti Jeneral Yani, Jeneral Nasution dan Jeneral Suharto. Tidak kurang juga ramai rakyat bukan askar yang menentang Sukarno.

Apabila keadaan bertambah tegang maka berlakulah pertempuran antara askar yang anti-Sukarno dengan pemimpin-pemimpin komunis. Dalam pertempuran itu, ramai yang terkorban termasuk Jeneral Yani. Jeneral Nasution selamat, tetapi anaknya terkorban oleh peluru yang dihalakan kepadanya.

Dalam pertempuran itu komunis tewas dan Aidid terbunuh. Kemenangan tentera Indonesia menentang komunis itu menyebabkan kedudukan Sukarno lemah.

Dengan bersatunya askar-askar, khasnya pasukan Sri Wangi, maka kuasa Sukarno pun mulai luntur. Sukarno tidak ada kuasa lagi. Pihak askar kemudiannya melantik Jeneral Suharto menjadi pemimpin yang mempunyai kuasa sebagai ketua negara.

Dengan pucuk pimpinan di tangan Suharto maka Sukarno terpaksa berdiam diri.

Dengan terserahnya kuasa kepada Suharto maka gerakan 'diplomatik sulit' dengan Malaysia itu dipergiatkan lagi. Tujuan mereka adalah untuk menyambung semula hubungan diplomatik dengan Malaysia yang diputuskan oleh Sukarno pada tahun 1963, waktu pengisytiharan Malaysia diumumkan.

Tun Razak dan Tan Sri Ghazali menjalankan rundingan menerusi orang tengah dengan pemimpin-pemimpin Indonesia di bawah pimpinan Suharto. Pemimpin baru Indonesia itu hendak memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia. Tun Razak memanfaatkan segala hubungannya dengan pemimpin-pemimpin Indonesia untuk memulihkan hubungan diplomatik secara rasmi.

Dengan pemulihan hubungan Malaysia dengan Indonesia itu maka tali persaudaraan antara Tun Razak dengan pemimpin-pemimpin Indonesia, khususnya Jeneral Suharto beransur rapat. Tun Razak melawat Indonesia sebagai negara pertama dilawatnya selepas diangkat sebagai Perdana Menteri.

Apabila Jeneral Suharto dengan rasminya menjadi Presiden Republik Indonesia, tugas utamanya ialah hendak memulihkan hubungan diplomatik dengan Malaysia secara rasmi. Untuk menunjukkan kejujuran Indonesia satu rombongan yang terdiri daripada pegawai tinggi tentera yang diketuai oleh Laksamana Syaaf datang ke Kuala Lumpur untuk menyampaikan 'salam' kerajaan Indonesia kepada Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman pada bulan Mei 1966.

Selepas mereka bermesra dengan Tun Razak di Kuala Lumpur, rombongan itu terus ke Alor Setar untuk menemui Tunku Abdul Rahman atas hasrat yang sama. Kedatangan rombongan Indonesia itu tidak diatur. Ia dilakukan secara mengejut. Rombongan itu berada di Malaysia selama satu hari sahaja. Kedatangan rombongan tentera itu dengan sendiri membuka 'tabir' rundingan rasmi antara Indonesia dengan Malaysia. Rundingan-rundingan rasmi diteruskan kemudian antara ahli-ahli diplomatik Malaysia dengan Indonesia untuk memulihkan hubungan dua negara serumpun.

Satu rundingan diplomatik diadakan di Bangkok. Tun Razak mengetuai rombongan Malaysia yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan ahli-ahli politik. Rombongan ini bertolak ke Bangkok lebih kurang seminggu selepas rombongan tentera Indonesia datang ke Kuala Lumpur. Pihak Indonesia pula diketuai oleh Adam Malek. Pemimpin Thailand menjadi tuan rumah. Tun Tanat Khoman sangat rapat dengan Tun Razak dan Adam Malek. Pertemuan ahli-ahli rombongan Malaysia dan Indonesia (pengarang berada bersama) sangat mesra dan tidak kelihatan sebagai musuh. Mereka gelak ketawa dan masing-masing ada membawa cerita untuk menghidupkan dan memesrakan suasana. Pihak Indonesia menceritakan bagaimana mereka mengatur langkah dan strategi untuk menewaskan parti komunis di bawah pimpinan Aidid.

Ada di antara ahli rombongan dari kedua-dua negara itu menginap di hotel yang sama dan ini menambahkan lagi kelicinan. Rundingan antara kedua-dua pihak itu mengambil masa yang panjang. Tugas yang penting adalah untuk mengumumkan kepada dunia bahawa kedua-dua negara sudah berbaik semula. Kemesraan cepat tergambar apabila kedua-dua belah pihak berada di *coffee house* bersama 'minum kopi'. Persidangan di Bangkok itu juga kemudian menetapkan supaya rombongan Malaysia mengunjungi Presiden Suharto di Indonesia.

Satu perjanjian ditandatangani oleh Tun Razak bagi pihak Malaysia dan Adam Malik bagi pihak Indonesia. Dalam perjanjian itu dengan rasminya Indonesia mengiktiraf Malaysia. Tun Razak mengetuai rombongan muhibah Malaysia ke Indonesia pada bulan Ogos 1966. Tali persaudaraan antara Malaysia dengan Indonesia disambung semula.

Dengan pemulihan hubungan antara Malaysia dan Indonesia itu hubungan peribadi antara Tun Razak dengan Presiden Suharto semakin rapat. Mereka sering berhubung melalui telefon. Kadangkala Presiden Suharto datang ke Malaysia atau Tun Razak pergi ke Indonesia. Pernah satu ketika Tun Razak pergi ke Palembang, Indonesia cuma satu malam (pengarang ada bersama). Tun Razak tiba di sebelah petang dan terus saja

minum bersama dengan Presiden Suharto. Pada malamnya diadakan satu jamuan makan malam dan pagi esoknya mereka bersarapan bersama-sama sebelum Tun Razak bertolak balik ke Kuala Lumpur. Apa yang perlu diingatkan ialah perhubungan rapat antara pemimpin-pemimpin Malaysia dan Indonesia itu dipupuk selepas kedua-dua pihak bersengketa.

Jika kemerdekaan Malaysia dicapai di atas meja rundingan dengan menandatangani kemerdekaan dengan pen sahaja tetapi pemulihan hubungan antara dua keluarga Indonesia dan Malaysia yang mempunyai hubungan sedarah sedaging mengeluarkan darah. Ini adalah sejarah dan tidak boleh dilupakan oleh generasi muda.

Pemulihan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Indonesia memerlukan satu usaha yang sangat besar oleh Tun Razak. Kegagahan Tun Razak untuk menghadapi satu-satu isu dan masalah adalah satu usaha yang tekun dipikulnya. Memang benar pepatah orang tua yang mengatakan, 'Lilin membakar dirinya untuk memberi cahaya terang kepada mereka yang ada di sekelilingnya.' Itulah dia Tun Razak.

Selepas menyelesaikan hubungan Malaysia dengan Indonesia timbul pula masalah baru. Pemimpin-pemimpin Singapura mula bersikap angkuh. Pemimpin-pemimpinnya menimbulkan isu 'Malaysian Malaysia'. Mereka di Singapura menonjolkan isu ini dan berkempen di merata tempat. Mereka kononnya hendak meletakkan semua rakyat tidak mengira kedudukan dan taraf mereka sama sahaja.

Dengan kata lain 'duduk sama rendah berdiri sama tinggi'. Konsep itu tidak dapat diterima di Malaysia. Malaysia mempunyai kedudukan bertaraf raja sementara rakyat Singapura tidak bernafas kepada raja. Fikiran mereka sentiasa bercorak republik. Memasuki Dewan Rakyat pun tidak perlu memakai pakaian yang teratur.

Pihak Singapura menuduh pemimpin Malaysia proMelayu dan konsep Malaysia berat kepada orang Melayu. Tuduh-menuduh timbul. Tun Razak berulang alik ke Singapura.

Di samping berunding Tun Razak juga melihat kedudukan dan fikiran penduduk di sana. Tun Razak berpendapat bahawa

jika konsep 'Malaysian Malaysia' diamalkan di Malaysia maka akan timbullah perbalahan kaum antara orang Melayu dengan bukan Melayu. Tetapi pihak Singapura secara terbuka membesarkan konsep 'Malaysian Malaysia'. Malah Radio Singapura dipenuhi dengan ucapan-ucapan dan penerangan konsep 'Malaysian Malaysia.'

Perbezaan konsep ini sebenarnya sangat besar dan pemimpin-pemimpin Malaysia tidak dapat melayannya. Selepas begitu panjang bahasan dalam akhbar-akhbar dan dalam rapat-rapat UMNO maka Malaysia mengambil satu sikap yang tegas 'SINGAPURA DIBERI KEMERDEKAAN'.

Penjelasan kepada rakyat diadakan dan usul telah dibahaskan dalam Parlimen supaya Singapura dikeluarkan daripada Malaysia. Selepas isu itu dibahaskan Singapura dengan rasminya dikeluarkan daripada Malaysia pada 9 Ogos 1965.

Permulaan hubungan antara Malaysia dengan Indonesia merupakan satu 'kejayaan diplomatik' yang besar bagi Tun Razak. Apabila Tun Razak menjadi Perdana Menteri, beliau membuka sejarah baru bagi Malaysia. Tun Razak 'membuka pintu' untuk berbaik-baik dengan Republik Rakyat China yang sebelum ini tidak ada hubungan. Sungguhpun ada sesetengah pihak mengadakan hubungan dengan China tetapi hubungan seperti itu diadakan menerusi Hong Kong. Malaysia tidak mempunyai hubungan dengan China kerana Malaysia terlalu lama 'berperang' dengan ahli-ahli Parti Komunis Malaya.

Malaysia berperang dengan ahli-ahli komunis Malaya lebih daripada 12 tahun. Peperangan itu hanya tamat pada tahun 1962.

Pada 28 Mei 1974, Tun Razak membuat lawatan selama enam hari ke Republik Rakyat China. Dalam lawatan itu Tun Razak dengan rasminya mewujudkan hubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China. Tun Razak mengadakan pertemuan dengan Ketua Negara China, Mao Tse-tung dan Perdana Menterinya Chou En-lai. Hubungan Malaysia dengan Republik Rakyat China bukan dari segi 'ideologi'. Malaysia masih anti-komunis. Pengiktirafan itu semata-mata dari segi diplomatik.

Malaysia tidak dapat mengakui Republik Rakyat China dari segi 'ideologi'nya. Kedua-dua negara menganuti 'ideologi' yang berbeza. Republik Rakyat China menganuti 'ideologi' komunis manakala Malaysia menganuti 'ideologi' demokrasi dan Islam adalah agama rasmi negara.

Pengiktirafan Republik Rakyat China merupakan satu kejayaan yang besar bagi Malaysia. Malaysia adalah satu-satunya negara di Asia yang mengakui Republik Rakyat China. Pengiktirafan oleh Malaysia itu membawa pelbagai reaksi. Orang Malaysia keturunan Cina dan ahli-ahli perniagaan menyambut baik pengiktirafan itu. Bagi orang Melayu pula, pandangan mereka adalah berlainan.

Mereka yang melihat perhitungan politik menyatakan bahawa pengiktirafan Republik Rakyat China akan memberi sokongan moral kepada orang Cina di Malaysia dan mungkin mereka bergabung dengan orang Cina dari segi politik. Keadaan ini akan merugikan orang Melayu.

Di samping Republik Rakyat China orang Cina juga mempunyai negara-negara lain seperti Taiwan, Hong Kong dan Singapura. Jika negara-negara ini bergabung dalam lingkungan politik maka sudah tentu Malaysia bermasalah. Malaysia hanya mengharapkan Indonesia dan Brunei sebagai rakan karib.

Jika keempat-empat negara China iaitu Republik Rakyat China, Taiwan, Hong Kong dan Singapura bersatu ataupun bekerjasama maka sudah tentu orang Melayu di Malaysia tidak dapat bertahan, lebih-lebih lagi jika orang Malaysia keturunan Cina bekerjasama dengan mereka itu. Mereka adalah keturunan yang sama. Orang Melayu khuatir Malaysia menjadi sasaran serangan mereka.

Tun Razak mengambil keputusan mengakui Republik Rakyat China selepas menghalusi segala segi. Tun Razak tidak yakin bahawa Republik Rakyat China akan menggunakan kuasanya untuk menjajah negara-negara jiran. Republik Rakyat China juga menganggotai badan-badan dunia termasuklah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu sebagai anggota tetap.

Apabila Malaysia menukar fokusnya daripada pertanian kepada perniagaan di bawah pimpinan Dr. Mahathir Mohamad ramailah ahli-ahli perniagaan Malaysia berhijrah ke Republik Rakyat China untuk membuka perdagangan dan perniagaan. Jika mereka berulang-alik dari Malaysia ke Republik Rakyat China semata-mata menumpukan kepada usaha perniagaan dan perdagangan dan tidak melibatkan aktiviti politik maka hubungan Malaysia dan Republik Rakyat China akan terus maju.

Malaysia di bawah pimpinan Tun Razak membuka saluran diplomatik dengan China berdasarkan hakikat bahawa China adalah sebuah negara yang besar di rantau sebelah sini. Mahu tak mahu, Malaysia terpaksa rapat dengan China sebagai langkah untuk mengembangkan ekonomi negara kita.

Bab 14

Parlimen Hidup Semula

MAJLIS GERAKAN NEGARA (MAGERAN) mula beroperasi. Tun Razak mengarahkan segala pentadbiran negara diletakkan di bawah jagaan MAGERAN. Kedudukan negara mula beransur pulih. Tunku Abdul Rahman, yang juga Perdana Menteri, menumpukan perhatian kepada usaha menjelajah ke ceruk rantau tanah air meluaskan perasaan muhibah di kalangan rakyat jelata. Jawatankuasa Muhibah di seluruh negara digerakkan. Tunku memulakan Gerakan Muhibah dengan mengadakan jamuan teh di kampung-kampung dan Kampung Baru *(New Village)* serta di tiap-tiap majlis berbilang keturunan. Tunku sentiasa menekankan sikap tolak ansur di kalangan rakyat. Orang Melayu memerlukan orang bukan Melayu dan yang bukan Melayu memerlukan orang Melayu untuk memikul tanggungjawab mentadbirkan negara. Perasaan muhibah hendaklah disematkan dalam hati sanubari sekalian rakyat yang berbilang keturunan di Malaysia.

Tunku Abdul Rahman yakin terhadap fungsi perhimpunan beramai-ramai dalam majlis-majlis. Mengikut Tunku, 'Jika rakyat boleh makan serta minum bersama-sama di satu meja maka tidak ada sebabnya mereka tidak boleh hidup bersama.'

Pelaksanaan MAGERAN berjalan sejajar dengan gerakan muhibah di seluruh negara. Dalam masa yang singkat, keadaan tegang akibat peristiwa 13 Mei 1969 tenang. Tun Razak sebagai Pengarah MAGERAN bersama-sama menteri lain seperti Tun

Dr. Ismail, Tan Sri Ghazali Safie, Tan Sri Khir Johari, Tun Tan Siew Sin, Tun Sambanthan serta beberapa orang pegawai kanan kerajaan menumpukan tugas mereka kepada usaha mengutip bahan-bahan dan rumusan serta jawapan kepada punca rusuhan 13 Mei 1969.

Tun Dr. Ismail adalah seorang yang tegas. Beliau tidak banyak cakap. Tiap-tiap perkataan yang dikeluarkannya sangat bernas dan padat. Boleh dikatakan semua lapisan rakyat segan dengan pendirian Tun Dr. Ismail. Dengan sikapnya yang demikian, seluruh lapisan rakyat daripada semua keturunan, merasa segan dengannya. Mereka sentiasa menghormati akan keputusan yang sangat adil yang dikemukakan oleh Tun Dr. Ismail.

Tun Dr. Ismail mempunyai personaliti yang unik. Beliau ialah seorang yang tidak lepas dengan paip di mulutnya dan sentiasa memakai pakaian yang bergaya, menjadikannya seorang yang segak. Personalitinya memberikan beliau satu karisma yang sangat berlainan. Sungguhpun pada zahirnya beliau seorang yang kurang bercampur gaul dengan orang ramai, tetapi dalam hati kecilnya beliau adalah seorang pemimpin yang mempunyai perasaan yang bertatah emas. Daripada cara beliau berjalan hinggalah kepada caranya duduk di kerusi, beliau merupakan seorang pemimpin yang berkaliber tinggi.

Tun Dr. Ismail berasal dari Johor dan dari keluarga elit negeri Johor. Bapanya merupakan orang yang mula-mula menjadi Yang Dipertua Dewan Negara semenjak dewan itu ditubuhkan selepas merdeka.

Dalam kabinet Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail sentiasa muncul sebagai yang ketiga kanan selepas Tun Razak. Beliau bersara akibat kesihatan tetapi kembali semula ke kabinet atas jemputan Tunku untuk membantu dan menolong mengawal keadaan di Malaysia selepas rusuhan 13 Mei 1969. Keikhlasan Tun Dr. Ismail memang terpancar kelihatan pada air mukanya. Ini tidak dapat dinafikan.

Tun Dr. Ismail dilantik oleh Tun Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri apabila Tun Razak mengambil alih tempat Tunku Abdul Rahman. Walau bagaimanapun, Tun Dr. Ismail



Tun Dr. Ismail kelihatan di sini dengan Tun Razak. Perwatakan Tun Dr. Ismail yang tegas mendorong beliau keluar dengan hujah-hujah yang keras tetapi beliau bersikap adil dalam setiap keputusan yang dibuat.

pergi meninggalkan kita untuk selama-lamanya ketika tenaga dan khidmatnya masih diperlukan oleh rakyat Malaysia. Beliau meninggal dunia sebagai Pemangku Perdana Menteri ketika Tun Razak berada di luar negara.

Majlis Gerakan Negara menjemput orang ramai memberikan pendapat mengenai punca rusuhan dan cara hendak mengatasi serta mencari jawapan supaya peristiwa 13 Mei 1969 tidak berulang lagi. Tiap-tiap lapisan masyarakat, persatuan dan badan NGO telah dijemput untuk memberikan pendapat. Majlis Gerakan Negara akan membuat rumusan dan merangka satu sifir atau formula supaya tragedi 13 Mei tidak berulang lagi.

Tiap-tiap isu, tiap-tiap peristiwa yang meletus di sana sini yang mengaitkan tragedi 13 Mei 1969 dihalusi dan dianalisis. Sama ada isu itu besar atau kecil, semuanya dianalisis secara terperinci.

Daripada perbincangan-perbincangan dan memorandum yang diterima oleh Majlis Gerakan Negara, didapati bahawa punca meletusnya tragedi 13 Mei 1969 adalah kerana pengagihan ekonomi yang tidak seimbang antara pelbagai lapisan rakyat di Malaysia. Yang penting sekali ialah perkara sensitif itu telah dibawa ke dalam gelanggang politik.

Orang Malaysia keturunan Cina sudah turun-temurun berniaga. Orang Melayu boleh dikatakan memikul tanggung-jawab dan beban kerajaan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa ibu bapa orang-orang Melayu menghantar anak-anak mereka ke sekolah dan juga universiti untuk memasuki jabatan kerajaan. Tujuan mereka itu baik. Mereka berkehendakkan anak-anak mereka (orang Melayu) berkhidmat kepada negara. Dalam perkhidmatan awam pun ada disediakan kuota pengambilan anak-anak Melayu ke dalam perkhidmatan awam.

Memang benar ada ibu bapa yang ingin anak-anak mereka memasuki perkhidmatan awam kerana jawatan dalam perkhidmatan awam mempunyai jaminan pencen. Sebagai penduduk kampung, orang Melayu atau ibu bapa Melayu memerlukan sangat anak-anak mereka memasuki perkhidmatan awam

selepas persekolahan. Anak-anak Melayu yang berkelulusan universiti memang memohon jawatan dalam perkhidmatan awam sebagai pilihan utama.

Perlembagaan Malaysia digubal atas persetujuan kaum di Malaysia. Ada antara perkara-perkara seperti hak istimewa orang Melayu diimbangkan dengan hak kerakyatan orang bukan Melayu. Ada yang berpendapat hak kerakyatan kepada orang bukan Melayu merupakan perkongsian politik kepada orang Melayu. Kalau dulunya orang Melayu 'majoriti' dalam bidang politik, maka hak itu telah membuka peluang kepada orang bukan Melayu masuk ke dalam bidang politik.

Lebih kurang dalam masa satu tahun selepas ditubuhkan, Majlis Gerakan Negara sudah dapat mengenal pasti isu-isu yang menyebabkan berlakunya tragedi 13 Mei 1969 dan berusaha mencari jalan supaya satu dasar negara dirumus agar peristiwa seperti itu tidak berulang lagi. Dalam perbahasan di Majlis Gerakan Negara, beberapa perkara telah dikenal pasti sebagai punca rusuhan. Sekurang-kurangnya empat isu besar yang perlu diambil kira dan dicari jalan agar isu itu tidak digunakan atau dieksploitasi oleh musuh-musuh negara. Antaranya ialah kedudukan raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu, bahasa kebangsaan dan hak kerakyatan.

Semua isu sensitif ini selalunya dibawa ke dalam gelanggang politik. Perkara-perkara seperti raja-raja Melayu, bahasa kebangsaan dan hak istimewa orang Melayu adalah terlalu dekat dengan jiwa orang Melayu dan sudah diamalkan di negeri ini semenjak beberapa tahun manakala hak kerakyatan pula meliputi kaum bukan Melayu. Pada keseluruhannya tiap-tiap satu isu ini ditimbulkan dalam gelanggang politik terutama dalam pilihan raya 1969.

Dengan penonjolan isu-isu ini, sudah tentulah ia menimbulkan perasaan marah di kalangan penduduk di Malaysia. Isu-isu inilah yang ditimbulkan oleh kebanyakan parti pembangkang dalam pilihan raya tahun 1969. Mereka membangkit-bangkitkan soal Raja-raja, isu hak istimewa orang Melayu dan kedudukan bahasa kebangsaan. Dengan sendirinya ucapan-ucapan seperti ini membakar perasaan orang Melayu dan menimbulkan

kemarahan mereka. Isu-isu ini bukan perkara baru. Kesemuanya merupakan perkara-perkara lama yang sudah menjadi 'darah daging' kepada orang Melayu. Mereka lebih sedia mati daripada menggadaikan ketiga-tiga isu ini.

Isu-isu itu merupakan perkara besar. Semuanya memerlukan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. Dengan termaktubnya perkara-perkara itu dalam perlembagaan, orang ramai tidak boleh menimbulkannya dalam mana-mana forum awam atau dipolitikkan. Apa yang boleh dipersoalkan hanyalah pelaksanaan perkara-perkara itu dari segi dasarnya.

Majlis Gerakan Negara sebulat suara bersetuju agar perkara-perkara sensitif ini tidak ditimbulkan dalam perbahasan politik. Majlis Gerakan Negara juga sebulat suara bersetuju agar perkara-perkara sensitif ini dimaktubkan dalam Perlembagaan.

Di samping perkara-perkara sensitif ini, dua perkara lagi akan dikemukakan untuk dijadikan dasar negara. Satu daripadanya ialah Rukunegara dan yang kedua ialah Dasar Ekonomi Baru. Perkara yang pertama hendaklah dijadikan sebagai amalan serta budaya hidup rakyat dan kedua, hendaklah dijadikan amalan di kalangan rakyat yang berbilang keturunan. Dengan adanya Dasar Ekonomi Baru, dapatlah diagihkan kekayaan negara secara sama rata di kalangan rakyat berbilang bangsa dan keturunan. Perlembagaan Malaysia dirangka begitu rupa dengan mewujudkan kuasa perlindungan kepada tiap-tiap keturunan di Malaysia.

Orang Melayu berkuasa dalam bidang politik tetapi semakin lama mereka semakin tertinggal dalam bidang ekonomi. Mereka merasakan bahawa dengan pemberian hak kerakyatan kepada orang-orang bukan Melayu maka timbul ancaman kepada kuasa politik orang-orang Melayu.

Semua ini dikaji dan dirumuskan ke dalam pindaan perlembagaan ataupun diamalkan dalam Dasar Ekonomi Baru. Usaha-usaha untuk mengembalikan Parlimen giat dijalankan. Tunku Abdul Rahman telah menjelaskan bahawa beliau akan bersara sebaik sahaja Parlimen 'dihidupkan' semula. Pemulihan Parlimen merupakan satu peristiwa yang bersejarah. Memang

susah hendak mengenal pasti mana-mana negara yang menjalankan pemerintahan darurat atau tentera yang bersungguh-sungguh hendak kembali ke Parlimen. Tetapi, Malaysia 'berkejar' hendak balik ke Parlimen. Ini menunjukkan bahawa pemimpin-pemimpin di Malaysia tidak gila kuasa. Mereka akan berkongsi dengan rakyat bagi mentadbirkan negara.

Usaha-usaha hendak kembali ke Parlimen berjalan selaras sama ada dalam pentadbiran kerajaan, tentera ataupun badan-badan sukarela. Semuanya sependapat ingin kembali ke Parlimen.

Pindaan kepada perlembagaan sudah pun siap dan rangka Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru juga sudah dibuat. Pindaan perlembagaan akan dibawa ke Parlimen serentak dengan pemulihan semula Parlimen.

Parlimen dipanggil selepas lebih setahun digantung (Mei 1969-Mac 1971). Pindaan perlembagaan seperti yang dicadangkan oleh Majlis Gerakan Negara merupakan perkara utama dilaksanakan oleh Tun Razak sebagai Perdana Menteri kedua dan pemulihan Parlimen itu juga merupakan tarikh berakhirnya Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri.

Apabila Dewan Rakyat mula bersidang, Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail mencadangkan 'Menurut peruntukan peraturan mesyuarat 14 (2) bahawa pada mesyuarat pertama ini hendaklah menimbangkan dengan serta-merta melalui semua peringkat Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan (No. DR. 14/71) sebelum menimbangkan apa-apa Butiran Urusan yang lain dalam aturan Urusan Masyuarat.'

Selepas sahaja Tun Dr. Ismail mengemukakan usul tersebut dan diluluskan dengan sebulat suara, Tun Abdul Razak, Perdana Menteri memulakan ucapannya:

'Tuan Speaker, saya merasa yakin dan percaya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berada di dalam dewan ini dengan perasaan yang penuh gembira kerana dengan izin Allah S.W.T kita telah dapat mengadakan semula persidangan Parlimen. Saya juga percaya bahawa tuan-tuan sekalian mempunyai penuh kesedaran betapa beratnya tanggungjawab tuan-tuan semua untuk menjaminkan supaya demokrasi berpar-

limen berjalan dengan licin dan sempurna di dalam negara kita ini.

'Tatkala saya dilantik menjadi Pengarah Majlis Gerakan Negara kira-kira 21 bulan dahulu iaitu pada 17 Mei 1969, tugas saya yang utama ialah mengembalikan keamanan dan keteraman. Saya juga bertanggungjawab untuk memelihara supaya pentadbiran negara berjalan dengan licin dan lancar serta menimbulkan semula perasaan harmoni dan percaya-mempercayai di antara pelbagai kaum di negara kita ini. Dengan adanya bantuan dan kerjasama daripada semua pihak, saya telah dapat menjalankan tugas-tugas saya ini dengan sempurna.

'Dalam pada itu, saya sentiasalah memikirkan dan menjalankan pelbagai usaha untuk mengembalikan semula keadaan dan suasana di dalam negara ini seperti sediakala supaya dapatlah diadakan semula persidangan Parlimen di mana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat melaksanakan tugas masing-masing sebagai wakil-wakil rakyat.

'Sebagaimana yang tuan-tuan sedia maklum, kuasa sesebuah kerajaan itu datangnya daripada rakyat. Kita semua berada di dalam Parlimen pada hari ini semata-mata kerana kita telah mendapat kepercayaan daripada rakyat. Kedudukan kita tidak lebih daripada menjadi pemegang amanah bagi pihak mereka itu. Harapan mereka yang utama sekali untuk kita melaksanakannya ialah supaya kita menjalankan kewajipan-kewajipan itu dengan rasa penuh kesedaran dan bertanggungjawab sehingga dapatlah sentiasa terpelihara perasaan harmoni di antara kaum.

'Oleh yang demikian, kita mestilah menjalankan perbincangan dan penyusunan dasar-dasar kita dengan cermat sambil mengingati dan menginsafi perasaan dan harapan-harapan rakyat di negara kita ini.

'Tuan Speaker, masalah-masalah yang terbentang di hadapan kita sekalian bukanlah dapat dihuraikan dengan sewenang-wenangnya dengan tidak berpandukan kepada latar belakang sejarah perkembangan politik dan ekonomi Malaysia. Kita mesti menerima hakikat bahawa bangsa kita terdiri daripada pelbagai kaum yang masih belum sempurna dan kuat perpaduannya. Berbanding dengan negara-negara lain, negara kita masih muda dan pengalaman kita dalam perjalanan sistem demokrasi

berparlimen kurang dari 20 tahun. Selain daripada itu, ekonomi negara kita bukan sahaja belum mencapai kemajuan yang sepenuhnya, tetapi juga mempunyai kedudukan yang jelas tidak seimbang di antara kaum-kaum yang ada di sini.

'Sementara itu, kita juga mesti sedar bahawa di tengah-tengah masyarakat kita pada hari ini terdapat satu generasi baru, terdiri daripada mereka yang telah menjadi dewasa selepas kita mencapai kemerdekaan. Mereka tidak tahu latar belakang politik yang terdapat ketika kita memperjuangkan kemerdekaan negara dengan sebab tidak faham kompromi-kompromi yang telah dipersetujui pada masa itu di antara kaum-kaum bagi menjayakan perjuangan kita.

'Satu lagi puak yang mesti kita hadapi ialah orang yang tidak bertanggungjawab yang bercita-cita hendak mendapatkan kuasa dengan cara menghasut dan membangkitkan sentimen perkauman, menimbulkan rasa bimbang dan curiga-mencurigai antara kaum-kaum.

'Inilah hakikat-hakikat yang kita mesti jadikan panduan tatkala kita menyusun rancangan-rancangan bagi mengatasi pelbagai rupa masalah yang dihadapi oleh bangsa dan negara kita semasa kita melangkah masuk pada satu babak baru dalam sejarah negara kita ini.

'Persidangan kita pada hari ini terlambat 20 bulan dari masa yang sepatutnya. Saya juga sama merasa kesal seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tetapi kita semua tahu sebab-sebabnya. Kekacauan bulan Mei 1969 merupakan satu detik hitam dalam sejarah negara kita, tetapi dengan izin Allah S.W.T, kita telah dapat merancangkan dasar-dasar dan mengambil tindakan-tindakan yang tegas dan berkesan untuk menyelamatkan bangsa dan negara kita dari terjerumus ke dalam gaung yang dalam. Sungguhpun pada hari ini keadaan dan suasana pada umumnya telah pulih seperti sediakala, tetapi tidaklah sayugia kita melupakan pengajaran-pengajaran dan pengalaman-pengalaman yang kita telah peroleh dari kejadian 13 Mei itu.

'Memanglah mudah bagi kita membiarkan sahaja masalah-masalah itu berlanjutan sambil mengharapkan bahawa satu masa nanti ia akan hilang dengan sendirinya. Tetapi sesebuah negara itu tidak dapat diperintah semata-mata berasaskan

kepada harapan dan jangkaan. Jika kita tidak bertindak untuk mengambil langkah yang perlu sekarang ini, maka kita boleh dikutuk oleh rakyat kerana melakukan kesalahan tidak menyempurnakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kita. Saya yakin tiap-tiap seorang daripada kita ingin mengelakkan dari berulangnya lagi peristiwa 13 Mei itu di negara kita ini kerana kesan-kesan yang lebih dahsyat dan meluas akan timbul sekiranya kejadian itu berlaku lagi. Kita telah menanggung kerugian yang besar dan mendapat pengalaman yang pahit daripada perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan tidak sopan sekumpulan kecil orang yang berniat hendak menimbulkan kekacauan dan huru-hara. Sekarang kita mesti bertindak dengan tegas kerana apa yang kita pertaruhkan ialah untung nasib bangsa dan negara kita.

'Tuan Speaker, marilah kita sekalian sematkan di dalam hati dan ingatan kita pengajaran-pengajaran yang kita telah peroleh dari peristiwa 13 Mei dan janganlah kita bincang dan bahaskan lagi tentang apa yang menyebabkan tercetusnya peristiwa itu dan bagaimana ia bermula kerana ini mungkin akan melupakan kita kepada musuh kita yang sebenarnya, iaitu anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab yang kerjanya menanamkan benih-benih syak wasangka dan perasaan bimbang di kalangan kaum-kaum serta menggunakan perkara-perkara sensitif untuk faedah diri mereka sendiri.

'Anasir-anasir yang tersebut telah mendapat kesempatan yang besar untuk membangkitkan perasaan perkauman apabila kempen pilihan raya berjalan pada bulan April dan Mei 1969. Mereka sengaja menimbulkan perasaan takut dan marah dengan cara mempersoal dan mempersenda-sendakan syarat-syarat dalam perlembagaan mengenai dengan bahasa Malaysia dan kedudukan istimewa orang Melayu, sehingga memburukkan lagi perasaan tidak terjamin yang dirasai oleh orang Melayu apakala mereka melihat bagaimana luasnya jurang perbezaan di antara mereka dengan orang yang bukan Melayu terutamanya sekali dalam lapangan ekonomi dan pelajaran. Setengah daripada anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu telah mencetuskan rasa tidak puas hati dengan cara sengaja memberi keterangan-keterangan yang salah mengenai pelak-

sanaan syarat-syarat perlembagaan yang tersebut itu dan juga menghapuskan syarat-syarat tersebut dari perlembagaan. Satu pihak lagi dari anasir-anasir itu telah menimbulkan rasa takut dan tidak percaya dengan mengatakan bahawa kepentingan-kepentingan yang sah orang bukan Melayu sebagaimana yang termaktub di dalam perlembagaan itu hendak dicabuli.

'Tuan Speaker, kita mestilah menginsafi hakikat yang sebenarnya sebagaimana yang terdapat di Malaysia pada hari ini. Oleh kerana peristiwa 13 Mei itu masih jelas dalam ingatan kita, maka perlulah kita bersikap tegas untuk menunjukkan keazaman kita hendak mengekal dan memelihara kekuatan demokrasi bagi menentang gerakan-gerakan tipu helah anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab itu.

'Kita mestilah menunjukkan bukti-bukti bahawa kita benar-benar tegas dalam kata-kata kita hendak menghapuskan segala peluang yang boleh digunakan oleh anasir-anasir itu untuk merosakkan suasana atau susunan politik kita. Pendek kata, kita tidak akan membiarkan sekumpulan kecil menyalah-gunakan kebebasan yang telah diberi itu sehingga menjahanamkan hak kebebasan kita.

'Tuan Speaker, dengan bersidangnya semula Parlimen, maka kita semua hari ini sedar akan harapan besar hasrat kita dan hasrat hati rakyat negara ini. Saya menaruh harapan yang tinggi bahawa dengan tindakan kita meluluskan rang undang-undang yang sedang dibincangkan di dalam dewan ini, maka akan terhapuslah perasaan syak dan waham di kalangan seluruh rakyat negara ini. Saya juga berharap setelah mendengar perbincangan-perbincangan kita di sini, mereka akan merasa yakin bahawa sekalipun kita mempunyai pegangan-pegangan politik yang berlainan, tetapi kita bersatu dalam usaha hendak memelihara keamanan dan keteguhan negara dan perpaduan serta keharmonian rakyat.

'Maka dengan sebab yang saya sebutkan tadi, kerajaan telah mengambil keputusan untuk mengemukakan rang undang-undang yang ada di hadapan tuan-tuan pada hari ini dengan tujuan hendak meminda beberapa peruntukan di dalam perlembagaan. Kita mempunyai dua tujuan yang sangat penting.

'Pertama, pindaan-pindaan itu bermaksud untuk menyekat perbincangan awam atas perkara-perkara yang sensitif supaya

dengan itu dapatlah demokrasi berparlimen berjalan dengan licin di negara kita ini. Keduanya ialah bertujuan untuk membetulkan menerusi undang-undang beberapa perkara yang tidak seimbang di kalangan kaum-kaum. Kerajaan telah mengambil masa yang panjang untuk memikir dengan teliti sebelum membuat keputusan hendak mengemukakan pindaan-pindaan yang tersebut di dalam dewan ini. Kita telah mendapat kesempatan untuk mengadakan perbincangan-perbincangan yang berfaedah secara berterus-terang di dalam Majlis Perundingan Negara atau National Consultative Council.

'Kita yakin dan percaya bahawa pindaan-pindaan itu adalah mustahak memandang kepada keadaan dan suasana yang terdapat pada masa ini dan tidak syak lagi bahawa pindaan-pindaan itu dipersetujui oleh sebilangan besar rakyat yang suka melihat supaya keharmonian di antara kaum tidak terjejas.

'Sekarang saya suka menjelaskan pindaan-pindaan yang dicadangkan satu per satu.

'Pindaan yang pertama yang terkandung dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini ialah mengenai dengan Artikel 10 dalam perlembagaan. Pindaan ini ialah bertujuan untuk mencegah sesiapa jua pun membuat kenyataan-kenyataan yang boleh menyentuh perasaan sensitif kaum-kaum yang ada di negara kita ini. Caranya adalah dengan memberi kuasa kepada Parlimen untuk meluluskan undang-undang yang mencegah perbuatan mempersoalkan sebarang perkara, hak kedudukan, taraf, keistimewaan, kedaulatan atau hak mutlak yang ditentukan atau dilindungi oleh peruntukan-peruntukan dalam Bahagian III (yang mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dan kerakyatan); Artikel 152 (mengenai dengan kedudukan istimewa orang Melayu dan kepentingan sah kaum-kaum lain), dan Artikel 181 (mengenai dengan kedaulatan raja-raja).

'Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, hak kebebasan bercakap dan mengeluarkan fikiran di bawah Artikel 10 Fasal 1 (a) dalam Perlembagaan telah pun tertakluk kepada peruntukan di bawah fasal 2 (a) kepada artikel itu yang memberi kuasa kepada Parlimen membuat undang-undang untuk mengenakan "sekatan" yang didapati perlu atau mustahak demi

kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, perhubungan persahabatan dengan negara-negara lain, ketenteraman awam atau akhlak dan sekatan-sekatan yang dimaksudkan untuk melindungi keistimewaan Parlimen atau mana-mana Dewan Negeri atau untuk mengelakkan penghinaan terhadap mahkamah, fitnah ataupun perbuatan mengapikan supaya dilakukan sesuatu kesalahan.

'Jika sekatan-sekatan yang tersebut dalam Fasal 2 (a) itu diterima dan difikirkan perlu, maka tentulah lebih perlu lagi dikenakan sekatan-sekatan ke atas perbuatan mempersoalkan peruntukan yang penting dan asasi yang terkandung di dalam perlembagaan itu memandang kepada pengalaman yang baru kita peroleh, kerana di atas asas-asas inilah bangsa kita telah dibina dan dengan sebab itulah satu fasal baru hendak dimasukkan di bawah Artikel 10 yang menghurai dan menjelaskan kuasa-kuasa Parlimen di bawah Fasal 2 (a).

'Tuan Speaker, saya rasa tidaklah perlu saya menghuraikan satu per satu di dalam dewan ini untuk menunjukkan bagaimana adilnya perlembagaan negara kita itu terhadap semua pihak dan ia telah digubal hasil dari persetujuan yang telah dicapai oleh kaum-kaum yang besar di Malaysia setelah perundingan-perundingan secara berterus-terang dan mendalam diadakan di antara kita sesama sendiri sebelum daripada kita mencapai kemerdekaan.

'Tuan Speaker, seperti saya telah terangkan perlembagaan kita telah meletakkan syarat yang adil kepada semua pihak mengenai dengan kewarganegaraan. Begitulah juga peruntukan-peruntukan yang lain di dalam perlembagaan itu mengenai dengan perlindungan ke atas hak-hak yang sah bagi semua kaum di Malaysia.

'Misalnya peruntukan-peruntukan berhubung dengan kedudukan istimewa orang Melayu adalah diseimbangkan dengan jaminan yang diberi untuk melindungi kepentingan yang sah bagi kaum-kaum lain dan juga peruntukan kewarganegaraan yang telah pun saya sebutkan tadi. Peruntukan berhubung dengan kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan yang tunggal adalah diseimbangkan dengan jaminan bahawa bahasa kaum lain boleh digunakan selain daripada untuk tujuan-tujuan rasmi. Ber-

hubung dengan peruntukan mengenai dengan kedaulatan raja-raja, saya percaya tidak sesiapa pun hendak mencabar kedudukan raja-raja itu.

'Saya yakin bahawa tidak seorang pun rakyat yang taat setia suka melihat bahawa perkara kedudukan raja-raja itu menjadi bahan perbahasan dalam gelanggang politik.

'Inilah perkara-perkara yang termaktub di dalam perlembagaan kita yang boleh disifatkan sebagai soal-soal yang sensitif yang mesti dilarang siapa-siapa jua pun mengadakan perbincangan awam mengenai dengannya iaitu perkara-perkara yang boleh digunakan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab untuk merosakkan perpaduan rakyat. Saya suka menegaskan di sini bahawa peruntukan yang menjadi asas negara kita ini patutlah dipelihara bukan sahaja kerana menjaga kepentingan-kepentingan kita bahkan kerana ia terlampau suci untuk dijadikan bahan-bahan perbahasan yang merbahaya.

'Tuan Speaker, sekarang sukalah saya menjelaskan pula bahawa kuasa hendak diberikan kepada Parlimen untuk mengenakan larangan-larangan mengadakan perbincangan awam di atas peruntukan-peruntukan sensitif itu tidaklah termasuk perbincangan tentang pelaksanaan peruntukan-peruntukan itu.

'Tuan-tuan tentulah bersetuju bahawa peruntukan sensitif itu tidaklah patut menjadi bahan untuk perbincangan awam, tetapi tidaklah didapati adil kiranya cara-cara pelaksanaan peruntukan-peruntukan yang tersebut disekat daripada dibahas iaitu setakat yang mengenai dengan perbuatan-perbuatan menyalahgunakan kuasa-kuasa untuk melaksanakan peruntukan-peruntukan perlembagaan itu oleh kerajaan atau mana-mana pihak yang berkuasa. Dicadangkan iaitu perkara-perkara yang boleh dipersoalkan itu akan ditentukan dalam sebuah undangan yang akan dikemukakan ke Parlimen tidak berapa lama lagi.

'Tidak siapa pun dapat mendakwa bahawa ia mempunyai kebijaksanaan dan tidak melakukan kesalahan, dan kami dalam kerajaan sentiasa sanggup menerima sebarang pandangan-pandangan dan syor-syor tentang cara-cara bagaimana peruntukan-peruntukan itu dapat dilaksanakan. Kita telah mengakui bahawa adalah untuk kepentingan kita bersama bahawa

peruntukan-peruntukan itu diberi perlindungan dan kita juga mengakui bahawa adalah bagi faedah kita semua untuk menjamin supaya peruntukan-peruntukan itu dilaksanakan dengan adil dan saksama supaya tercapailah tujuan-tujuan dan maksud-maksud diadakan peruntukan-peruntukan tersebut.

'Tuan Speaker, sekarang saya beralih pula kepada pindaan yang kedua iaitu Fasal 3 dalam Rang Undang-undang itu yang bermaksud hendak meminda Artikel 63 dalam Perlembagaan berhubung dengan keistimewaan Ahli-ahli Parlimen yang menjamin bahawa mereka tidak akan dibawa ke pengadilan mahkamah di atas sebarang perkara yang mereka ucapkan dalam perbincangan dalam salah satu dewan atau dalam mana-mana jawatankuasa dewan.

'Kita bercadang hendak memasukkan satu fasal baru dalam Artikel 63 yang bertujuan bahawa seseorang Ahli Parlimen yang dituduh melakukan kesalahan di bawah mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen menurut di bawah Artikel 10(4) sebagaimana yang dipinda dengan Fasal 2 Rang Undang-undang ini, maka ahli tidak berhak mendapat perlindungan di bawah Artikel 3(2). Sehingga Parlimen dapat meluluskan undang-undang di bawah Fasal 4 Artikel 10, maka Akta Hasutan, 1948 atau *Sedition Act*, 1948 seperti yang dipinda di bawah Ordinan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 45, 1970 adalah berjalan kuatkuasanya. Pindaan yang ketiga ialah Fasal 4, dalam rang undang-undang itu memberi kesan yang sama kepada Artikel 72 kepada Perlembagaan berhubung dengan keistimewaan yang sama bagi seorang Ahli Dewan Undangan bagi mana-mana negeri di Malaysia.

'Tuan Speaker, saya memanglah sedar bahawa Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri adalah terdiri daripada mereka yang bertanggungjawab. Tetapi kita semua tahu bahawa apa yang kita katakan di sini adalah dirakamkan dalam Peringatan Mesyuarat Dewan dan terus dilaporkan oleh alat-alat sebaran am. Jika kita hendak melarang perkara-perkara sensitif itu dibincang dengan secara awam dengan memberi kuasa kepada Parlimen meluluskan undang-undang bagi mengehadkan kebebasan bercakap mengenai dengan hal-hal itu dan membolehkan diambil tindakan undangan-undangan ke atas mereka yang dituduh melakukan kesalahan melanggar

undang-undang yang tersebut itu, maka tentulah patut dan adil bahawa Ahli-ahli Parlimen atau mana-mana Ahli Dewan Negeri juga tertakluk kepada dakwaan itu kiranya kita sendiri melanggar undang-undang yang tersebut.

'Kita patutlah sedar bahawa Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sentiasa mendapat perhatian istimewa daripada orang ramai dan ucapan-ucapan mereka di dalam dewan adalah menarik perhatian rakyat. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat dibenarkan menimbul dan membangkitkan soal-soal sensitif dalam dewan dengan tidak tertakluk kepada kuat kuasa undang-undang maka tidaklah bererti pindaan yang dicadangkan dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini. Dewan ini telah pun bersetuju bahawa kebebasan berucap dalam dewan ini tidak bererti seseorang ahli itu boleh menyentuh perkara yang boleh membangkitkan perasaan kaum dan mengancam kedudukan kaum-kaum di negara ini.

'Tegahan ini telah ditetapkan dalam Peraturan 36 kepada Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat yang menentukan bahawa adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang harus membangkitkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum lain dalam negara ini.

'Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat semua bersetuju bahawa peraturan ini tidak memadai untuk tujuan-tujuan yang dimaksudkan memandang kepada suasana yang terdapat pada hari ini. Saya rasa tidaklah memadai dengan kuasa yang ada pada Speaker untuk memerintah ahli-ahli dewan menarik balik kata-katanya setiap kali mereka melanggar Peraturan 36 itu.

'Ini bukan sahaja memberatkan tanggungjawab Tuan Speaker yang mesti memberi keputusan dalam sekelip mata pada tiap-tiap kali kejadian itu berlaku, tetapi yang pentingnya kata-kata merbahaya telah terhambur dan tidak dapat dipadamkan lagi. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah juga tertakluk kepada tindakan-tindakan undang-undang di atas kata-kata mereka yang merbahaya itu seperti orang awam. Dicadangkan bahawa Ahli-ahli Dewan Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang didapati melanggar undang-undang ini hanya akan dibicarakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi. Akta Hasutan, 1948 akan dipinda sewajarnya untuk mengadakan peruntukan itu.

'Tuan Speaker, sekarang saya berpaling pula kepada fasal 5 dalam Rang Undang-undang itu yang bermaksud hendak meminda Artikel 152 kepada Perlembagaan berhubung dengan Bahasa Kebangsaan dengan menentukan pengertian perkataan-perkataan 'tujuan-tujuan rasmi' atau *official purpose* dalam Artikel itu. Perlembagaan telah menentukan bahawa Bahasa Malaysia hendaklah menjadi bahasa Kebangsaan dengan tidak menghalang atau mencegah penggunaan bahasa-bahasa lain terkecuali untuk tujuan-tujuan rasmi. Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkataan-perkataan "tujuan-tujuan rasmi" dalam artikel itu tidak dihuraikan pengertiannya.

'Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya perkataan-perkataan itu diberi pengertian yang jelas dengan cara ditambah satu fasal yang baharu yang menentukan bahawa perkataan-perkataan itu bermakna sebarang tujuan kerajaan, sama ada kerajaan persekutuan atau negeri, termasuklah mana-mana tujuan untuk pihak berkuasa awam. Saya rasa pengertian ini sangatlah berguna dan perlu untuk menjelaskan lagi tujuan yang telah pun sedia difahamkan.

'Tuan Speaker, saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak bahawa pindaan-pindaan kepada fasal ini sebagaimana yang telah saya terangkan tadi tidaklah sekali-kali akan mencacatkan Artikel 161 yang menentukan bahawa bahasa Inggeris boleh digunakan dalam kedua-dua buah Negeri tersebut untuk selama masa 10 tahun selepas daripada Hari Malaysia.

'Tuan Speaker, berpaling kepada fasal 6 dalam rang undang-undang ini, yang terbahagi kepada tiga bahagian yang tujuannya untuk membuat beberapa pindaan kepada Artikel 153, saya bercadang hendak menjelaskan terlebih dahulu Fasal 6 (a) dan 6 (c) bersekali. Fasal 6 (a) dalam rang undang-undang ini bertujuan hendak meminda Artikel 153 dengan memasukkan selepas sahaja perkataan "Melayu" di mana yang tersebut dalam Artikel itu, perkataan "dan bumiputera mana-mana negeri Borneo".

'Fasal 6 (c) dalam rang undang-undang itu cuma merupakan satu penghuraian sahaja dan bertujuan supaya dimasukkan satu fasal baru (9A) kepada Artikel 153 yang

menghuraikan pengertian perkataan-perkataan "bumiputera negeri-negeri Borneo" sebagai mempunyai erti yang sama dengan pengertian yang telah dicatat dalam Artikel 161A kepada Perlembagaan. Saya rasa tidaklah perlu saya menerangkan tujuan pindaan ini.

'Tuan Speaker, mengenai dengan pindaan yang terkandung dalam fasal (a) kepada rang undang-undang itu, saya juga percaya bahawa pindaan dapat diterima oleh semua pihak. Tujuan asas bagi Artikel 153 itu adalah untuk memberi kesempatan kepada orang Melayu maju dengan lebih pesat supaya dapat pada satu masa kelak mereka bertanding dengan orang bukan Melayu dengan mempunyai syarat-syarat kelayakan dan kebolehan yang sama, kerana pada masa ini adalah diakui bahawa orang Melayu belum mencapai kemajuan yang sama pesat dengan orang yang bukan Melayu. Hakikat yang sama seperti ini terdapat juga di kalangan bumiputera negeri-negeri Malaysia Timur. Oleh yang demikian, pindaan yang dicadangkan itu memanglah logik.

'Saya patutlah mengemukakan bersekali Fasal 8 kepada Rang Undang-undang itu yang bertujuan untuk meminda Artikel 161 (a) perlembagaan. Pindaan ini adalah untuk menyelaraskan dengan pindaan dalam fasal 6 Rang Undang-undang ini dan saya fikir tidak perlulah saya menerangkan dengan lebih lanjut.

'Tuan Speaker, saya suka menjelaskan bahawa cadangan membuangkan fasal (1), (2), dan (3) dalam Artikel 161 (a) telah dibuat dengan permintaan kerajaan-kerajaan Sabah dan Sarawak menurut sebagaimana Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan atau *Inter-Governmental Committee Report.* Dengan terhapusnya Fasal (1) dalam Artikel 161(a), kedudukan bumiputera dalam kedua-dua buah negeri ini tidak sekali-kali akan tercacat kerana mereka akan terus mendapat keistimewaan-keistimewaan yang sama di bawah pindaan yang dicadangkan itu. Maka dengan terhapusnya Fasal (2), bumiputera dalam kedua-dua buah negeri itu akan mendapat kedudukan yang lebih baik kerana mereka akan dapat keistimewaan-keistimewaan yang diberi oleh Artikel 153 bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi juga di Malaysia Barat.

'Oleh kerana tujuan meminda Artikel 161(a) itu untuk meletakkan bumiputera di Sabah dan Sarawak sama taraf

dengan orang Melayu di negeri-negeri Malaysia Barat maka perlulah Fasal (3) itu dibuang, kerana jika tidak maka syarat-syarat itu akan bercanggah. Keistimewaan-keistimewaan yang boleh diberi oleh Yang di-Pertuan Agong menurut Artikel 153 kepada bumiputera Sabah dan Sarawak ialah mengenai dengan perkara-perkara persekutuan sahaja, iaitu perkara yang di bawah kekuasaan kerajaan pusat. Pindaan-pindaan ini tidaklah sekali-kali akan mencacatkan kuasa-kuasa negeri untuk memberi keistimewaan-keistimewaan kepada bumiputera-bumiputera di dalam kedua-dua buah negeri yang tersebut dalam perkara-perkara yang terletak dalam kekuasaan negeri itu. Dengan pindaan-pindaan ini, maka jelaslah bahawa bumiputera Sabah dan Sarawak adalah diletak kepada satu kedudukan yang sama dengan orang Melayu dalam negeri-negeri di Malaysia Barat.

'Tuan Speaker, sekarang saya beralih pula kepada Fasal 6 (b) dalam rang undang-undang ini yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong selaras dengan kewajipan-kewajipan baginda sebagaimana yang telah ditentukan di bawah Artikel 153 dalam perlembagaan, untuk menjamin penyerapan bagi orang Melayu dan bumiputera Negeri-negeri Borneo tempat-tempat yang berpatutan banyaknya dalam universiti-universiti, maktab-maktab dan lain-lain pusat pelajaran yang lebih tinggi dari peringkat menengah di mana didapati lebih banyak calon-calon yang berkelayakan daripada tempat-tempat yang disediakan. Saya rasa perlu menjelaskan tujuan-tujuan Fasal 6 (b) ini. Saya telah pun menarik perhatian dewan ini bahawa salah satu sebab yang membawa kepada tercetusnya kekacauan dalam bulan Mei 1969 itu ialah bertambahnya perasaan tidak terjamin di kalangan orang Melayu disebabkan jurang perbezaan yang mereka dapati di antara mereka dengan orang yang bukan Melayu terutama sekali dalam bidang-bidang pelajaran dan ekonomi. Saya juga telah menerangkan bahawa salah satu daripada tujuan-tujuan besar kenapa kita mencadangkan pindaan-pindaan kepada perlembagaan ini adalah untuk membetulkan menerusi undang-undang keadaan tidak seimbang dalam beberapa lapangan kehidupan rakyat. Cara-cara dan langkah-langkah lain yang perlu juga diambil untuk membetulkan keadaan yang tidak seimbang dalam lapangan-

lapangan pelajaran dan ekonomi. Dalam bidang ekonomi, kerajaan telah mengadakan satu Rancangan Ekonomi Baru yang bertujuan untuk menyusun balik ekonomi negara dengan maksud supaya dapatlah tiap-tiap kaum mengambil bahagian yang sama di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan negara. Satu lagi perkara yang belum seimbang ialah pelajaran yang ada hubungan rapat dengan kemajuan ekonomi dan sosial.

'Hari ini bilangan penuntut-penuntut dari semua kaum yang mempunyai kelayakan untuk melanjutkan pelajaran tinggi telah bertambah dengan banyaknya. Namun begitu, disebabkan oleh latar belakang sosioekonomi yang serba kurang dan kemudahan-kemudahan pelajaran yang tidak mencukupi di kawasan-kawasan luar bandar, maka kemajuan akademik penuntut-penuntut Melayu pada bandingannya tidaklah begitu baik seperti yang dikehendaki.

'Keadaan ini telah mengakibatkan tidak adanya imbangan antara kaum dalam beberapa kursus pengajian di universiti. Sebagai contohnya, di Universiti Malaya terdapat jurang bilangan yang luas antara penuntut-penuntut Melayu dengan bukan Melayu dalam sesetengah kursus. Angka-angka untuk membuktikan kedudukan yang tidak seimbang itu ada tersiar dalam Kertas Putih yang bertajuk "Ke arah Keharmonian Negara" yang telah pun diisytiharkan. Sebagaimana yang tuan-tuan dapat saksikan, sungguhpun keadaan itu telah mula bertambah baik, tetapi kepesatannya tidaklah cukup memuaskan dan belum dapat memenuhi kehendak yang ada pada hari ini. Keadaan tidak seimbang di antara kaum-kaum itu akan menimbulkan pelbagai akibat yang merbahaya kepada bangsa kita dan mestilah diatasi dengan seberapa segera yang boleh. Statistik angka-angka yang tersebut itu menunjukkan dengan jelas keadaan yang sebenarnya. Banyak lagi faktor-faktor dan angka-angka yang lain yang boleh mengesahkan keadaan yang merunsingkan itu. Angka-angka itu dapat menunjukkan dengan jelasnya bahawa orang-orang Melayu masih jauh tertinggal ke belakang dalam beberapa jurusan pelajaran. Misalnya, dalam jurusan sains, bilangan siswazah bagi tahun 1970 ialah 22 orang Melayu daripada jumlah 493 dalam Fakulti Sains, seorang Melayu dari jumlah 71 orang dalam Fakulti Ke-

juruteraan atau *Engineering*, 15 orang Melayu dari jumlah 49 orang dalam Fakulti Pertanian dan 4 orang Melayu dari jumlah 67 orang dalam Fakulti Perubatan. Nyatalah bahawa keadaan ini sangatlah tidak adil dan tidak diingini untuk kepentingan negara. Kerajaan sedang mengatur langkah-langkah jangka panjang bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan pelajaran dan memperbaiki lagi latar belakang sosioekonomi yang mundur bagi penuntut-penuntut di luar bandar. Sungguhpun begitu, satu penyelesaian yang segera perlu dibuat bagi mengatasi keadaan-keadaan yang terdapat sekarang ini.

'Tuan Speaker, pada waktu ini Perlembagaan Universiti Malaya menetapkan bahawa universiti itu dikehendaki mengambil masuk kesemua penuntut yang diberi biasiswa kerajaan dengan syarat mereka mempunyai kelayakan-kelayakan yang diperlukan. Oleh yang demikian, mungkin dapat kita memudahkan penuntut-penuntut Melayu masuk ke universiti dengan cara memberi biasiswa kepada mereka, tidak kira tentang latar belakang kewangan mereka.

'Sungguhpun begitu, tentulah cara yang seperti ini tidak adil kerana biasiswa kepada penuntut-penuntut Melayu yang berkelayakan mestilah diberi berasaskan kepada kebolehan mereka dan kedudukan kewangan mereka. Mungkin juga tujuan membetulkan kedudukan yang tidak seimbang dalam fakulti-fakulti itu boleh tercapai dengan cara mengeluarkan arahan-arahan pentadbiran. Tetapi cara yang seperti itu akan menimbulkan silap faham dan salah pengertian. Oleh itu, perlulah kita mengkaji dan memperbetulkan soal ini dengan cara terus-terang kerana ia bukan sahaja mengenai dengan orang Melayu bahkan satu masalah yang berkait dengan kepentingan kita semua. Oleh yang demikian, kita patut menerangkan masalah ini kepada seluruh rakyat supaya dapat mereka faham tujuan dan sebabnya kita mengambil tindakan yang tersebut itu. Di atas asas-asas inilah maka pindaan kepada Artikel 153 itu dicadangkan.

'Tuan Speaker, saya suka mengambil kesempatan ini juga untuk memberi jaminan bahawa kuasa yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong untuk memberi arahan kepada mana-mana universiti, maktab-maktab atau pusat-pusat pelajaran yang lebih tinggi daripada tingkatan menengah supaya merizabkan untuk

orang Melayu dan bumiputera bagi negeri-negeri Borneo tempat-tempat yang berpatutan banyaknya akan dilaksanakan dengan cermat dan teliti. Tujuan pindaan-pindaan ini adalah untuk merizabkan tempat-tempat bagi kursus pelajaran yang tertentu di mana penuntut-penuntut Melayu dan bumiputera bagi negeri-negeri Borneo yang terlampau kecil bilangannya. Dengan cara inilah keadaan yang tidak seimbang itu akan dapat diatasi dalam usaha-usaha hendak memelihara perpaduan negara. Saya suka menjelaskan bahawa pindaan yang dicadangkan kepada Artikel 153 dengan menambahkan satu fasal baru (8A) yang tertakluk kepada fasal (1) dalam Artikel itu.

'Tuan Speaker, akhirnya saya suka menerangkan Fasal 7 dalam rang undang-undang itu yang bertujuan hendak meminda Artikel 159 (5) dalam perlembagaan dengan mengadakan peruntukan bahawa selain daripada artikel-artikel yang telah pun sedia tercatat di dalamnya, maka pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Artikel 10 (4) perlembagaan atau mana-mana undang-undang yang diluluskan menurut Artikel ini, Bahagian III Perlembagaan, Artikel 63 (4), Artikel 72 (4) dan Fasal 5 kepada Artikel 159 tidaklah boleh dibuat dengan tidak mendapat persetujuan Majlis Raja-raja.

'Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Artikel 159 (5) telah pun menetapkan bahawa pindaan kepada Artikel 38, 70, 71 (1) dan 13 tidak boleh diluluskan melainkan dengan persetujuan Majlis Raja-raja.

'Tuan Speaker, bagi penutupnya, saya suka menyatakan bahawa negara kita telah melalui krisis yang amat merbahaya dalam sejarahnya. Perasaan takut dan benci, marah dan curiga telah dibangkitkan. Marilah kita merenung dengan mendalam dan teliti sekarang manakah arah haluan yang kita hendak tuju. Marilah kita sama-sama mengingatkan bahawa perjalanan sistem demokrasi di negara kita ini mestilah memperhitungkan keadaan masyarakat berbilang kaum yang ada di sini. Negara kita belum pernah bertentang dengan cabaran yang kita hadapi sekarang ini. Saya suka bertanya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian adakah bijak bagi kita berbalik kepada cara-cara yang lama iaitu di atas nama demokrasi dan kebebasan berucap, maka adalah patut kita membiarkan anasir-anasir yang

tidak bertanggungjawab bebas menjalankan tipu helah mereka untuk membangkitkan perasaan perkauman sehingga membawa bangsa dan negara kepada jurang kehancuran, ataupun kita bertindak sekarang ini juga untuk menarik kebebasan itu daripada mereka supaya dapat kita dan demokrasi berparlimen berjalan dengan lancarnya. Saya yakin dan tidak ragu-ragu lagi apa yang kita mesti buat sekarang, begitu juga saya yakin apa yang diingini oleh seluruh rakyat negara kita di atas segala-segalanya ialah supaya suasana harmoni antara kaum kekal terpelihara dan juga supaya negara kita mara terus ke hadapan untuk memenuhi hasrat mencapai perpaduan dan kemakmuran dalam suasana aman dan damai.

'Tuan Speaker, sekiranya masih ada keraguan atau perasaan bimbang di hati sesetengah Ahli-ahli Yang Berhormat di sini mengenai pindaan-pindaan perlembagaan yang ada di hadapan kita, saya berharap setelah dinyatakan dengan terangnya tujuan-tujuan serta kehendak rang undang-undang ini dan setelah mendengar penjelasan-penjelasan yang difikirkan perlu, keraguan dan rasa bimbang mereka itu sudah pun terhapus hendaknya. Dengan itu saya meminta supaya dewan yang mulia ini meluluskan pindaan-pindaan perlembagaan ini dan menunjukkan dengan nyata kepada seluruh rakyat bahawa kita sekalian di sini berazam hendak menjaminkan sistem kerajaan berparlimen yang sesuai dengan keadaan-keadaan di negara kita.

'Marilah kita semua yang cinta serta taat setia kepada negara ini berdiri teguh dan bersatu hati demi kepentingan utama menjamin bagi memelihara harmoni dan perpaduan untuk mengekalkan tujuan bangsa dan negara supaya mara terus mencapai kemajuan dan kemakmuran. Tuan, saya memohon mengusulkan (tepuk).'

Penyambungan semula Dewan Rakyat membuka era baru dalam dunia demokrasi di Malaysia. Dewan Rakyat mula bersidang pada kali pertamanya serentak dengan pelantikan Perdana Menteri kedua iaitu Tun Abdul Razak. Tunku Abdul Rahman yang memimpin Malaysia semenjak tahun 1952 sebagai Yang Dipertua UMNO dan seterusnya sebagai Perdana Menteri pada tahun 1955, mengundur diri sebagai Perdana Menteri untuk memberi peluang kepada Tun Razak.

Sebagai sebuah negara yang baru merdeka Malaysia berasa bangga dengan perkembangan demokrasi di negeri ini. Rakyat Malaysia sudah memahami dan mengetahui serta mengamalkan konsep demokrasi sebagai jentera pemerintahan di Malaysia. Rakyat Malaysia berasa bangga dengan perkembangan demokrasi di Malaysia dibandingkan dengan perkembangan demokrasi di negara-negara dalam benua Afrika.

Demokrasi adalah satu jentera pemerintahan sesebuah negara. Konsep demokrasi adalah satu cara memberi hak kepada rakyat terutama sekali untuk meletakkan pemimpin di satu-satu peringkat. Wakil rakyat misalnya dipilih oleh pengundi-pengundi dan tiap-tiap orang mempunyai satu undi dan mempunyai hak untuk mengundi bagi memilih ketua mereka. Bagi Malaysia, penggal Dewan Rakyat adalah lima tahun bagi satu-satu penggal. Rakyat yang mendaftar sebagai pengundi menggunakan hak mengundi mereka lima tahun sekali untuk memilih wakil rakyat di Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Dalam masa beberapa tahun pilihan raya dijalankan adalah didapati proses pilihan raya itu memang memberi hak mutlak kepada rakyat untuk menggunakannya. Satu perkara yang menarik perhatian dalam pilihan raya di Malaysia ialah belum pernah berlaku rusuhan dan kematian rakyat. Di negara-negara lain di dunia, dalam tiap-tiap satu pilihan raya sudah tentu ada rusuhan dan kematian.

Pilihan raya di Malaysia masih belum meliputi segala bidang pentadbiran. Malaysia hanya mengamalkan pilihan raya di peringkat Dewan Undangan Negeri dan Dewan Rakyat. Ahli-ahli Dewan Negara (Senator) adalah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dewan Tempatan seperti Dewan Bandaraya, Majlis Tempatan mengamalkan pilihan raya. Beberapa tahun yang lalu, pilihan raya Majlis Tempatan dan Dewan Bandaraya dibatalkan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak ada pilihan raya. Datuk Bandar tidak dipilih oleh rakyat. Datuk Bandar adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan jawatan Datuk Bandar itu diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Di sinilah kedudukan Datuk Bandar itu berlainan sedikit. Malaysia menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah kota seperti London, New York, Paris, Berlin dan lain-lain lagi di negara-negara perindustrian. Keadaan kita nampak canggung sedikit apabila Datuk Bandar Kuala Lumpur bertemu dengan Datuk bandar dari negara tersebut. Datuk Bandar mereka dipilih oleh rakyat manakala Datuk Bandar Kuala Lumpur adalah pegawai kerajaan. Pandangan yang ketara di televisyen ialah semasa Datuk Bandar Kuala Lumpur bertukar hadiah dengan Datuk Bandar Manchester pada upacara penutup Sukan Komanwel ke-16 di Stadium Nasional Bukit Jalil. Datuk Bandar Kuala Lumpur menyerahkan 'logo' Sukan Komanwel kepada Datuk Bandar Manchester kerana Manchester akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel ke-17.

Negara yang mengamalkan demokrasi akan nampak kepada kesumbangan ini kerana mana-mana kota demokrasi seperti London dan Paris diketuai oleh Datuk Bandar yang dipilih oleh rakyat. Misalnya Datuk Bandar London, beliau adalah seorang yang dipandang tinggi oleh mana-mana negara kerana London adalah sebuah bandar raya yang besar dan terkemuka. Semuanya ini menjadi khazanah kepada negara. Ini menjadi sejarah tanah air.

Malaysia sudah masuk era keempat. Era pertama di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman sudah pun mengundur diri dari pentas politik. Begitu juga dengan mereka yang menjadi penyokong kepada pimpinan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein. Yang masih aktif dalam arena politik sekarang adalah penyokong-penyokong Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Pemimpin datang dan pemimpin pergi. Oleh itu, menjadi tanggungjawab rakyat dalam sesuatu abad untuk menentukan sejarah negara pada waktu itu. Terpulang kepada mereka dalam abad itu untuk membentuk dan merangka sejarah dalam abad itu.

Malaysia mencapai kemerdekaan atas 'dulang emas' dan tidak ada pertumpahan darah kecuali apabila disanggah konfrontasi Indonesia semasa pembentukan Malaysia. Rakyat

Malaysia bertempur dengan askar-askar Sukarno untuk mempertahankan Malaysia.

Sungguhpun Malaysia berhadapan dengan peristiwa 13 Mei 1969 tetapi musuhnya iaitu komunis dan anasir-anasir komunis. Satu lagi rusuhan ialah berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ahli UMNO. Rusuhan kali ini adalah antara orang Melayu dengan orang Melayu.

Perkara seperti inilah yang perlu diperhatikan oleh generasi muda sebab sebarang keretakan dalam menjalankan pemerintahan demokrasi akan menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat.

Satu lagi peristiwa yang menyedihkan ialah semasa Tunku Abdul Rahman memberi kemerdekaan kepada Singapura pada 9 Ogos 1965. Sungguhpun perpisahan Singapura dengan Malaysia itu tidak menumpahkan darah tetapi adalah merupakan satu *surgery* yang tidak didahului dengan *anaesthetics.* Perasaan ini adalah disebabkan kedua-dua negara Singapura dan Malaysia telah ditadbirkan bersama oleh British lebih daripada 100 tahun.

Pada mulanya semua orang terperanjat oleh keputusan Tunku itu tetapi lama-kelamaannya ramai yang mendapati bahawa keputusan itu adalah satu keputusan yang bijak. Kebijakannya lebih lagi terserlah dalam konteks pemerintahan demokrasi.

Dalam pemerintahan demokrasi maka pilihan raya adalah menjadi 'wajib'. Jika Singapura yang bersempadan dengan Semenanjung masih dalam Malaysia maka sudah tentu Lee Kuan Yew akan mempengaruhi orang Cina di Semenanjung. Lee Kuan Yew adalah seorang ahli politik yang mempunyai *multiple calibre* dan boleh menarik 'anak buah'nya dari keturunan Cina. Jika ini berlalu maka MCA tidak akan kekal dalam kerajaan Malaysia. MCA sudah tentu digantikan oleh PAP. Kedudukan pengundi di Semenanjung sudah tentu tidak dapat dikawal. Penduduk Cina sudah tentu menyokong Lee Kuan Yew.

Semua peristiwa ini menjadi renungan kepada generasi muda. Adalah terpulang kepada generasi muda untuk menentukan nasib rakyat di kedua-kedua buah negara ini. Mungkin pada satu hari rakyat Singapura sanggup mengamalkan cara hidup seperti rakyat di Malaysia iaitu menjadi rakyat yang menerima raja berperlembagaan. Dengan demikian barangkali Singapura akan diterima masuk semula ke dalam Malaysia.

Bab 15

Liku-liku Perjalanan Tun Razak

SEBAIK sahaja dirinya tiada, dalam keadaan negara sedang begitu gusar, kita menjadi begitu takut menghadapi masa depan. Apa yang kita sangkakan sebagai sesuatu yang amat biasa tiba-tiba menjadi begitu meragut perasaan. Begitulah yang difikirkan oleh kebanyakan rakyat sebaik sahaja mendengar berita kematian Tun Razak. Bagaimana harus dihadapi masa depan dengan kehilangan seorang tokoh yang telah teruji dari awal sehingga akhir kehidupannya?

Ketika Tun Razak mewarisi teraju negara, beliau berada puncak gelegaknya. Tunku Abdul Rahman (yang mungkin dengan amat berat hati) melepaskan tampuk kuasa masih tetap percaya bahawa orang yang bakal menyambung tugasnya itu adalah satu tenaga yang telah teruji. Tidak terkesan kegelojohan padanya; tidak ternampak kerakusan kuasa padanya; juga tidak terbayang bahawa beliau akan menyebabkan keadaan lebih sukar. Tun Razak adalah manusia yang setenang-tenangnya. Direnung keadaan matanya pada ketika negara sedang bergelora, tidak ternampak kebimbangan atau keraguan. Yang terpancar ialah ketenangan yang bertimbang-timbang.

Kekuatan dalam ketenangan seperti itu tentu saja tidak muncul dengan mendadak. Ketenangan biasanya lahir setelah seseorang itu melalui gelora yang amat mendera. Terbayang

kekuatan dalam ketenangan itu dalam kilat matanya, malah dalam tindak tanduknya. Biasanya dengan dahi yang sedikit berkerut, Tun Razak akan tekun dan cekal mendengar, dan tidak akan memberikan jawapan pada detik yang sama. Segala-gala akan dikunyah terlebih dahulu sehingga jawapan dan tindakan kemudian memperlihatkan kewarasan dan manfaatnya.

Dari manakah diperoleh kekuatan dan ketenangan seperti itu? Menyusur jauh ke dekad-dekad awal hidupnya, kita telah nampak kehidupan dirinya sebagai seorang bangsawan yang tidak merasa dirinya tinggi di tengah-tengah rakyat jelata. Dirinya yang berpelajaran yang tidak merasa dia terlalu pandai daripada teman-temannya yang lain. Dirinya amat berkuasa kemudiannya tetapi tidak merasakan kerakusan kuasa itu. Dan jauh daripada itu, beliau adalah seorang manusia yang terlalu sabar, menunggu bukan dengan sesuatu niat tersembunyi, dan menerima kuasa tidak pula dengan keghairahan yang memuncak. Hampir segala-gala diterima sebagai tugas dan tanggungjawab untuk kebajikan bangsanya.

Manusia inilah yang lahir dalam sebuah keluarga bangsawan pada satu dekad yang amat mencabar. Ketika beliau lahir pada 11 Mac 1922 di Pulau Keladi, berhampiran Pekan, Pahang, negara sedang terjajah. Tinggal bersama datuknya di Kampung Jambu, Langgar, enam batu dari bandar diraja Pekan, Tun Razak dibesarkan dalam suasana kebangsawanan. Tabiat dan geraknya mungkin sedikit sebanyak diwarnakan oleh kebangsawanan itu, tetapi dengan berulang alik ke Sekolah Melayu Langgar, Pekan tentu saja secara berdikit dia menjadi mesra dan mengerti akan kehidupan orang biasa. Tidak mustahil teman-teman sekolahnya akan segan terhadapnya, dan tidak pula ada catatan bahawa Tun Razak sendiri pernah menyingkirkan dirinya daripada teman-teman bukan bangsawan. Asuhan daripada pergaulan itu sendiri menjadikannya selesa. Dan dengan suasana selesa seperti itulah, beliau melanjutkan pelajarannya ke Kolej Melayu Kuala Kangsar sebelum ke Raffles College dan kemudian ke England.

Walaupun kebijaksanaannya tidak nampak pada awalnya, tetapi kecerdasan itu kemudian terbukti apakah beliau menamatkan pelajaran undang-undangnya hanya dalam masa 18 bulan. Beliau tamat belajar pada April 1949 dan diterima sebagai peguam pada Mei 1950. Tun Razak kemudian bersedia untuk kembali ke tanah airnya yang sedang menuntut kemerdekaan.

Walaupun tidak dihebahkan tetapi kemajuan pencapaiannya dari satu tahap ke satu tahap yang lain membuktikan bahawa Tun Razak adalah seorang pegawai yang padu pengetahuan dan pengalamannya. Pencapaiannya ternyata begitu cepat dan diperoleh dalam usia yang begitu muda pula membayangkan sejauh mana dalam diri manusia yang pada ketika-ketikanya amat pendiam itu telah tersedia kebijaksanaan untuk memerintah. Terbukti, misalnya dari usia 28 tahun membawa ke usia 48 tahun, tingkat demi tingkat Tun Razak menaiki tangga kuasa, bermula daripada seorang Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan berakhir sebagai Perdana Menteri Malaysia yang sempat merencanakan dasar-dasar penting bagi kemajuan negara dan kebajikan bangsanya.

Tangga itu bagaimanapun bukanlah semudah dijangkakan. Tun Razak bukanlah tokoh yang terangkat begitu saja hanya kerana dirinya seorang bangsawan. Beliau melalui beberapa jalur kuasa sebelum akhirnya diterima untuk duduk di puncak. Dan tidak mustahil bahawa pengalamannya di luar negara ketika bersama Tunku Abdul Rahman di London itu telah meletakkan satu landasan yang amat teguh bagi pertumbuhan watak dan peribadinya sebagai seorang pemimpin. Banyak contoh yang memperlihatkan betapa Tun Razak menjadi pembantu dan pada ketika-ketikanya menjadi 'penasihat' kepada ketuanya itu. Dan sepanjang mereka berkongsi 'kuasa', tidak sedikit pun terlihat Tun Razak bercagar untuk cepat mewarisi kuasa. Malah, amat terbayang betapa sepanjang perkongsian kuasa mereka berdua, Tun Razak adalah manusia yang paling sabar.

Ternyata pada mulanya seolah-olah Tun Razak dilahirkan untuk memegang tampuk kuasa kerana beliau dilahirkan

sebagai seorang bangsawan. Peralihan kuasa itu pula direstui oleh seorang bangsawan yang lain – Tunku Abdul Rahman. Tetapi, ini tidak semestinya kebenaran mutlak kerana kuasa itu tidak diserahkan atau diwarisi begitu saja. Tun Razak sendiri telah bekerja keras untuknya. Malah beliau sendiri telah cuba membahagi-bahagikan kuasa itu sehingga lingkaran kuasa itu menjadi akar yang amat menegap.

Mereka yang rapat dengannya tentu saja dengan mudah dapat menyaksikan bagaimana seorang bangsawan yang pendiam dan segan ini menjaga kuasanya. Semasa di England sebagai seorang mahasiswa, Tun Razak membuktikan bahawa dia bukanlah manusia 'di bawah tempurung' iaitu sekitar negaranya saja. Tun Razak sedar bahawa hampir ke semua tanah jajahan Barat sedang membara dengan semangat nasionalisme ketika itu, dan beliau sendiri merasakan Tanah Melayu juga tidak harus berdiam diri. Kerana itulah sebagai mahasiswa, Tun Razak cepat melibatkan dirinya dalam gerakan intelektualisme, berdebat dan berhujah tentang nasib bangsa dan tanah air.


Pada ketika itu, beliau menyedari bahawa Timur Jauh mula membara dengan tuntutan kemerdekaan. Nama-nama besar seperti Ramon Magsaysay dari Filipina; Mahatma Gandhi dari India dan Sukarno dari Indonesia pasti disedarinya. Dan sebagai seorang bangsawan, beliau tentunya tahu bahawa nama-nama besar itu tidak muncul secara sekelip mata dari khalayak bangsa. Ada sesuatu yang menggelorakan dalam hidup bangsa-bangsa di tanah jajahan. Dan gelora itu menghulurkan tangan dan lidahnya yang teguh dan lincah untuk menyatakan semangat dan keazaman bangsa yang ditindas oleh penjajah.

Daripada pembacaan dan pergaulannya, Tun Razak telah menghimpunkan banyak data dan rahsia hati bangsanya sendiri. Walaupun hidupnya tidak begitu terhimpit dari segi material, tetapi beliau sedar bahawa kebahagiaan, apa lagi martabat bangsa, bergantung pada martabatnya sebagai satu bangsa. Dan martabat ini perlu diperjuangkan dengan bijaksana dan kecekalan, dan tidak mustahil pula, dengan tumpah darah seperti yang berlaku di sesetengah tanah jajahan.

Dengan segala kefahaman dan kesedaran ini, maka apabila beliau diberi peluang untuk menggandingi Tunku Abdul Rahman sebagai ahli kelompok perjuangan bangsa, Tun Razak cepat menyambutnya. Di London beliau bangun berdiri secara yakin sebagai seorang intelek dan bakal pejuang sehingga terpilih untuk mengetuai Kesatuan Melayu United Kingdom. Di sinilah tempatnya beliau memulakan satu persahabatan dan perkongsian yang amat luar biasa dengan Tunku Abdul Rahman. Pasti saja dalam hubungan itu, secara timbal balik, Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman bantu-membantu dan belajar memperkukuhkan persahabatan.

Beberapa catatan menunjukkan bahawa perhubungan dua orang tokoh intelektual Melayu itu melalui satu rentetan jalan yang amat damai. Walaupun terdapat sedikit keanehan tentang tabii mereka berdua, tetapi perbezaan kecil tabii mereka rupanya menjadi semacam salam mujarab yang amat menguntungkan. Umum mengetahui bahawa Tunku Abdul Rahman memanglah seorang tokoh yang kelihatan amat santai, mudah mempercayai dan girang. Sesiapa yang biasa dengannya tahu bahawa dengan Tunku Abdul Rahman seperti tidak ada langsung sebarang halangan. Umum juga mengetahui bahawa Tun Razak adalah seorang yang kelihatan berahsia, berhati-hati dan kurang girang. Tetapi, kenyataan-kenyataan itu adalah wajah di luar tokoh itu saja. Bagi Tunku Abdul Rahman misalnya, tabii santai dan girangnya itu dengan mudah melindungkan ketelitiannya memerhatikan manusia. Sebaliknya, bagi Tun Razak pula, wajah luarnya yang berahsia, berhati-hati dan kurang girang itu sebenarnya sempat menyembunyikan rahsia keazamannya untuk bertindak besar bagi bangsanya.

Perhubungan Tun Razak dengan Tunku Abdul Rahman di London ternyata lebih banyak bersifat organisasi. Dan sifat ini sebenarnya terus berlangsung apabila mereka bersama-sama berada di tanah air sendiri, menjadikan kerja menggerak dan mentadbir negara amat selesa dan mudah. Dan segala ini menjadi lebih mungkin kerana Tun Razak tetap memelihara hubungan secara penuh hormat dengan Tunku Abdul Rahman yang



Tun Razak sentiasa menekankan bahawa 'orang Melayu mesti ubah sikap, mendisiplinkan diri dan berdikari'.

memang dianggap bukan saja sebagai ketua malah sebagai bapanya.

Sepanjang perhubungan itu Tun Razak ternyata seperti seorang pembantu yang sentiasa dapat membaca fikiran dan hasrat ketuanya. Selepas sesuatu rundingan dalam sebarang hal dan masalah, Tunku nampaknya mudah ketawa seperti tidak ada sesuatu yang sulit atau serius. Orang yang kelihatan bertambah serius ialah Tun Razak sendiri, bukan kerana beliau merasa beban-beban tertentu diturunkan ke bahunya, tetapi lebih daripada itu, kerana beliau ingin membantu Tunku Abdul Rahman melaksanakan kerja-kerja yang direncanakan. Bagi Tun Razak, Tunku Abdul Rahman adalah peletak landas kerja yang baik. Dan dirinya yang harus menggerakkan apa yang telah dilandaskan itu. Apa yang dirancang sering jadi kenyataan – yang tua memikirkan, yang muda melaksanakannya. Kerana adanya pemahaman tidak bertulis seperti inilah maka bancuhan kuasa dan kerja dua orang tokoh itu menjadi amat mudah dan berkesan.

Tabii dan kesederhanaan yang ada pada seorang bangsawan seperti Tun Razak tidak mudah difahami jika tidak cuba menyusur galur masa kanak-kanak dan remajanya. Sebagai kanak-kanak tentunya dia sentiasa mematuhi suruhan dan ajaran orang tuanya. Dan dunia bangsawan memang mempunyai cara dan tata hidup malah pantang larangnya tersendiri. Semua peraturan itu secara berdikit mengajar Tun Razak sebagai manusia yang patuh dalam lingkungan yang amat teratur. Betapa pun, oleh tabiinya sendiri, apalagi kerana faktor lingkungan semasa kecilnya, Tun Razak tetap sempat membuka jendela ke luar istana. Dia tidak nampak benda-benda yang indah sahaja yang mungkin mudah dilihatnya dalam dunia bangsawan. Dia juga nampak benda-benda lain dalam kehidupan yang lebih benar khususnya ketika dia berulang-alik dari Sekolah Melayu Langgar, Pekan.

Pada saat-saat tertentu tidak mustahil Tun Razak turut bertanya-tanya perbezaan-perbezaan yang berlaku dalam hidupnya. Malah pada saat-saat itu juga tidak mustahil beliau sudah mula menyaring dan menilai kehidupan bangsanya, dimulakan

daripada perbezaan antara manusia bangsawan dengan yang marhaen. Perjalanan ulang-alik ini, juga perbualan dengan datuk yang sentiasa berdampingan itu, tidak mustahil mencambahkan beberapa keazaman dan pemahaman dalam dirinya. Dan jika Tun Razak kelihatan lebih menyendiri ini tidak bererti bahawa beliau tidak bergaul atau berfikir tentang khalayak. Kisah-kisah selepasnya banyak membuktikan bahawa sikapnya yang menyendiri adalah seperti satu lindungan bahawa beliau sebenarnya adalah manusia pengawas dan penilai yang serius.

Selepas mencecah remaja, apalagi digandingkan dengan pelajaran yang diperolehnya sebagai peguam, Tun Razak menjadi lebih mengerti tentang erti keadilan dan kesaksamaan. Berbekalkan ilmu dan kesedaran itu, tingkat demi tingkat kemudiannya beliau meningkat dewasa, dalam usia dan dalam tindakannya. Semua ini menjadi amat bererti khususnya ketika negara sedang bergolak dalam langgamnya yang tersendiri, berkocak tetapi tidak sampai menggelegak, kerana memang ada bezanya pencapaian kemerdekaan antara Tanah Melayu dan Indonesia. Tidak hairanlah jika kemudiannya Tunku Abdul Rahman menyatakan bahawa dirinya adalah seorang Perdana Menteri yang paling gembira, sementara dalam diam, barangkali, Tun Razak turut menyatakan hal yang sama.

Tetapi hampir tidak disangka bahawa Tun Razak akan disediakan dengan cabaran yang lain, dan hampir secara mendadak. Walaupun zaman darurat menyediakan mereka dengan satu ranjau, namun zaman itu sebahagiannya masih dapat dilalui dengan sokongan Inggeris. Hal ini menjadi sama sekali berbeza setelah negara diperintah sendiri, terutama sekali apabila negara terpaksa menghadapi bangsa serumpun seperti Indonesia. Sikap lunak Tunku Abdul Rahman telah terlalu mudah disalah tafsir oleh pemimpin besar Indonesia sehingga sikap curiga akan tafsiran kemerdekaan itu dijadikan bibit perselisihan yang amat besar. Kepada Tunku Abdul Rahman, Tanah Melayu wajar merdeka secara rundingan yang sederhana, tetapi kepada Sukarno ada sesuatu yang wajar diragukan. Tanah

Melayu, bagi Sukarno tidak merdeka sebenarnya, sebaliknya negara jirannya itu dianggap adalah pangkalan bagi tujuan neo-kolonialisme yang lain.

Dalam pergelutan itu, memang benar suara Tunku Abdul Rahman saja yang kedengaran nyaring menyanggah Sukarno. Tetapi itu tidak bererti bahawa Tun Razak tidak memainkan peranan yang besar. Tentu saja setiap tindakan Tunku dirundingkan dengan Tun Razak sebagai timbalannya, dan tentu saja sedikit sebanyak cara pendekatan menangani masalah nasional itu turut diwarnakan oleh Tun Razak. Memang tidak terjadi satu sanggahan kata-kata saja. Perang mulut mencetuskan perang tenaga juga akhirnya dan berlaku beberapa pertempuran yang sama-sama rugi.

Fasa yang amat memeritkan itu menurut sesetengah pemerhati semakin mendewasakan Tun Razak. Kalau sebelum itu, pertengkaran untuk kemerdekaan diwaraskan hanya dengan hujah dan fikiran, pertengkaran kali ini cuba diwaraskan dengan tenaga dan pertempuran. Namun, kemerdekaan bangsa terpaksa terus berlangsung mengikut cara dan tindak-tanduknya sendiri. Dalam proses dan fasa itu, Tunku Abdul Rahman menjadi lebih garang dan Tun Razak menjadi lebih pemikir.

Agak aneh garangnya Tunku Abdul Rahman dan pemikirnya Tun Razak tidak sampai dapat menduga bahawa penyakit bangsa tidak semestinya datang dari luar. Kuman bangsa tetap juga ada di dalam diri sendiri sehingga kerana beberapa kesilapan yang kurang diteliti dan tidak diduga, meletusnya peristiwa 13 Mei. Ini mendedahkan bahawa kemiskinan yang lambat dirawat akan menjadi barah yang amat berbahaya.

Pada peringkat itu, kepimpinan Tunku Abdul Rahman nampaknya tidak diyakini dapat menyelesaikan penyakit lama yang baru merebak itu. Dalam satu pergolakan batin dan fikiran, walaupun dengan penuh rasa perit, Tunku Abdul Rahman 'terpaksa' menyerahkan pucuk kepimpinannya kepada orang yang benar-benar wajar. Tun Razak hampir 'dipaksakan' untuk menyambung kepimpinan itu bagi mengatasi satu masalah bangsa yang lebih rumit dan berbahaya.

Pada peringkat inilah rupa-rupanya bukan sekadar Tun Razak yang terpaksa berfikir soal penyakit dan kemiskinan ini, malah seluruh bangsa juga terdesak untuk mewaraskan diri supaya apa yang diperjuangkan dengan penuh maruah tidak tersia-sia.

Keistimewaan Tun Razak sebagai pemimpin negara terserlah sejelasnya apakala beliau menangani masalah bangsa melalui Majlis Gerakan Negara yang terpaksa menggubal Dasar Ekonomi Baru. Dasar ini bertujuan memperkukuhkan proses pembangunan negara untuk membasmi kemiskinan dengan membetulkan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kumpulan etnik. Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua turut memikirkan bagaimana cara yang bijak dan saksama membangunkan semula rakyat berbilang kaum supaya mereka tidak merasa terhindar, tertindas dan tersingkir daripada satu pusaran ekonomi yang sepatutnya mereka sama-sama menikmatinya.

Dengan kebijaksanaannya mengumpul pakar-pakar tertentu daripada pelbagai kaum, Tun Razak akhirnya berhasil merumuskan satu formula yang dapat menyembuhkan penyakit yang amat memusnahkan itu. Dengan logik-logik tertentu, dan diwaraskan kepada semua kaum, maka diterimalah ketegasan bahawa 30 peratus daripada projek pembangunan sosial dan ekonomi itu perlu dikhaskan kepada bumiputera. Tun Razak sendiri menangani kerja-kerja berat ini dengan sentiasa bergerak ke sana ke mari untuk memastikan Dasar Ekonomi Baru itu benar-benar dapat mengisi hakikat 'Serampang Dua Mata' – pertama, untuk membasmi kemiskinan, kedua, untuk menyusun semula kedudukan rakyat yang berbilang kaum dan keturunan.

Dengan visi dan kesungguhannya, Tun Razak mengarahkan diadakan beberapa program pembangunan yang kemudian amat dikenali sebagai 'membandarkan' kawasan-kawasan kampung. Pada zamannyalah mula ditekankan tentang perlunya kemudahan jalan raya, bekalan api, air paip dan kemudahan asas lain. Pada zamannya juga mula dilaksanakan pembukaan



Mohamed Nazir, anak bongsu Allahyarham Tun Razak sedang menyiram air di pusara ayahnya di Makam Pahlawan. Anak-anak Allahyarham yang lain kelihatan memerhati adik bongsu mereka dengan perasaan sedih.

Johor Tenggara, Kesedar, Ketengah, Dara dan Segi Tiga Jengka yang dengan sendirinya menyediakan tapak kilang dan perusahaan serta pembinaan hotel.

Tun Razak juga melancarkan Buku Hijau bagi menggalakkan pengeluaran barang makanan. Di bawah Rancangan Pembangunan Luar Bandar, kerajaan memberi bantuan subsidi kepada bidang-bidang tertentu – penternakan ikan air tawar, pengagihan susu lembu, telur ayam, anak-anak ayam, lembu dan barang makanan. Untuk kaum bumiputera pula dibangunkan MARA yang memberi peluang bumiputera menyertai bidang ekonomi secara langsung.

Kerja-kerja murni ini dijalankan dengan bersungguh-sungguh dan Tun Razak tidak menunjukkan penat lelahnya untuk sentiasa bergerak bagi memastikan segala dimulakan dengan baik dan berkesan.

Giat dan tekun sebagai pegawai, pintar dan sabar sebagai ahli politik, dirinya jarang diperhatikan sebagai ayah dan suami. Tetapi, kepada mereka yang rapat dan sempat memerhatikan, Tun Razak sebenarnya seorang ayah yang mempunyai cara tersendiri untuk menyatakan kasih sayang kepada anak-anaknya. Beliau tidak lupa mendakap dan mencium anaknya ketika hendak ke pejabat dan sewaktu pulang, kadangkala dakapan itu agak lama seolah-olah membisikkan sesuatu. Tun Razak memang sedar bahawa semakin lama dirinya semakin sibuk dengan tugas negara yang memerlukannya bergerak begitu luas dan cepat, bertemu rakyat untuk mendengar rungutan dan saranan mereka, melawat kawasan pembangunan agar tidak tergendala dan memimpin sidang untuk memperkukuhkan partinya. Barangkali kerana itu juga tugas utama mengasuh anak-anaknya lebih diserahkan kepada Tun Rahah, isteri yang memahami peranannya.

Anak-anaknya juga semakin memahami tanggungjawab ayah mereka yang bertambah luas dan berat. Mereka seperti menyedari bahawa perhatian ayahnya kepada rakyat umum hampir sama seimbang dengan perhatian kepada mereka. Anak-anak itu, khususnya Najib yang terlebih dulu merasakan erti tanggungjawab ayahnya, dan Nazir yang bongsu, merasa senang dan

selesa setiap kali ayah mereka sampai di rumah, dan tidak merasa renggang walaupun ayahnya terpaksa keluar semula melanjutkan kerja baktinya yang semakin sehari semakin berat. Tun Razak sebagai ayah memberikan perhatian terhadap pelajaran anak-anaknya yang kemudian ternyata mempunyai bidang dan tempat yang tertentu dalam hidup mereka.

Sewaktu Tun Razak meninggal dunia, anaknya yang sulung, Najib dan yang bongsu, Mohamed Nazir masing-masing berusia 23 dan 10 tahun. Di antara mereka ada tiga orang adik-beradik lagi – Ahmad Johari, Mohamed Nizam dan Mohamed Nazim. Di tangan Tun Rahah, kesemua anak itu kemudiannya padu berpelajaran dan berjaya dalam hidup mereka. Najib mengikut bakat ayahnya; Ahmad Johari memilih dunia guaman; Mohamed Nizam mendalami falsafah dan ekonomi; Mohamed Nazim memilih ilmu seni bina dan selesa dengan berniaga; sementara Mohamed Nazir yang bongsu akhirnya berjaya sebagai ahli korporat dengan menduduki lembaga pengarah beberapa syarikat.

Ternyata memang tidak banyak yang dicerita atau tercerita tentang Tun Rahah. Tetapi ibu ini memang seperti sengaja memilih untuk menjadi insan di balik layar kuasa yang menjadikan suaminya Tun Razak seorang negarawan terbilang dan anak-anaknya insan yang berguna. Sehingga sekarang, walaupun usaha suaminya diteruskan oleh anak-anaknya, Tun Rahah masih tetap senang menjadi manusia di sebalik tabir.

Biodata



TAN Sri Dato' Seri Shariff Ahmad mempunyai sejarah yang lama dalam politik. Beliau memulakan kariernya pada tahun 1954 sebagai pemberita dengan The Straits Times dan The Singapore Standard dan kemudian menjadi Pengarang Berita di Radio Malaya. Penglibatannya dalam bidang kewartawanan merapatkan beliau dengan selok-belok perjuangan politik Tun Abdul Razak Hussein.

Beliau kemudian berpeluang mendalami bidang politik selepas dianugerah United States Congressional Fellowship. Semasa di Amerika Syarikat, beliau ditempatkan di Kongres (Dewan Perwakilan dan Senat) untuk sesi 1960/61 dan berpeluang menyaksikan pelaksanaan fungsi legislatif secara dekat.

Sepulangnya beliau ke tanah air, beliau dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pertanian dan Menteri Pelajaran dari tahun 1963 hingga tahun 1969. Beliau bertanding kerusi Parlimen Langat dalam pilihan raya umum 1969 dan terus menerus menjadi ahli Parlimen Malaysia hingga tahun 1982. Beliau juga bertanding dalam pilihan raya umum 1974

di kawasan Parlimen Jerantut, Pahang dan menang tanpa bertanding pada hari penamaan calon.

Pada tahun 1969, beliau dilantik menjadi Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Di bawah kabinet Perdana Menteri Tun Abdul Razak (1971-1976) beliau berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Penerangan. Pada tahun 1977, di bawah pentadbiran Allahyarham Tun Hussein Onn beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri sebelum dinaikkan pangkat menjadi Menteri Pertanian. Jawatan terakhirnya dalam kabinet ialah Menteri Tanah Wilayah yang dipegangnya sehingga tahun 1982. Pada tahun 1983 beliau bersara daripada politik.

Tan Sri Dato' Seri Shariff Ahmad telah menulis dua buah buku setakat ini iaitu *Menjunjong Kasih* (versi Bahasa Malaysia), *Sire with Love* (versi Bahasa Inggeris) mengenai raja berperlembagaan dan *Memoir Patriotik* (versi Bahasa Malaysia) *The Untold Biography The Great Patriot* (versi Bahasa Inggeris), sebuah biografi mengenai Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Tun Razak Putera Titiwangsa adalah karyanya yang terbaru dan ditulis untuk memperingati seorang insan yang ternama sebagai Perdana Menteri Malaysia kedua.

Tun Razak **Putera Titiwangsa** adalah sebuah biografi yang menceritakan kehidupan dan keperibadian Tun Abdul Razak Hussein dari awal hidupnya sehingga menjadi pemimpin yang ikhlas dan reda berkorban untuk pembangunan negara dan kebahagiaan bangsa.

Tan Sri Dato' Seri Shariff Ahmad melalui buku ini, menceritakan liku-liku perjalanan hidup Tun Abdul Razak, bermula dengan paparan beliau sebagai seorang pelajar yang pendiam tetapi dinamik berjuang ke arah menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau mengilustrasikan Tun Abdul Razak sebagai bapa yang penyayang, Timbalan Perdana Menteri yang taat setia kepada Tunku Abdul Rahman, Menteri Pelajaran pertama yang meletakkan asas Dasar Pelajaran Kebangsaan yang mencorak satu bangsa Malaysia serta Pengarah MAGERAN yang menyelamatkan negara daripada ancaman persengketaan perkauman 13 Mei dan memulihkan demokrasi berparlimen. Tun Abdul Razak juga adalah arkitek pembangunan negara dan pemupuk integrasi kaum melalui agihan ekonomi yang saksama di bawah Dasar Ekonomi Baru dan sebagai Perdana Menteri kedua, beliau menjadi pelopor kepada dasar luar yang mementingkan perhubungan peribadi dengan pemimpin-pemimpin negara jiran demi keamanan serantau.

Biografi Tun Abdul Razak ini adalah untuk generasi muda menilai dan menghayati pengorbanan beliau. Walaupun nama Tun Abdul Razak telah pun tercatat dalam sejarah Malaysia sebagai Bapa Pembangunan Malaysia tetapi sumbangan beliau kepada pembangunan negara adalah tulang belakang kepada kejayaan Malaysia hari ini. Ia tidak harus dibiarkan ditelan zaman.

ISBN 967-61-0978-9

9 789676 109781

UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD